

"MASA yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran, sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang berada dalam bulan itu dan menyaksikan anak bulan Ramadan atau mengetahuinya maka hendaklah dia berpuasa".
- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185.

REBUT PELUANG TIMBA ILMU, PERKUKUH KEDAYATAHANAN DIRI

Oleh: Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

MELBOURNE, AUSTRALIA, Selasa, 5 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa para pelajar di luar negara terdedah kepada pelbagai cabaran dan sesiapa yang mampu menghadapinya bererti mereka memiliki kedayatahan diri.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru agar peluang tersebut digunakan untuk membina diri, pemikiran dan nilai kepimpinan kerana para pelajar adalah pewaris kepimpinan negara, yang perlu dipenuhi dengan ilmu pengetahuan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang dinamik di era globalisasi.

Pada Majlis Bersama Penuntut-penuntut, Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Australia dan New Zealand yang berlangsung di Hotel Park Hyatt Melbourne, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bercemar duli bersama rakyat baginda yang berada di Australia dan New Zealand yang berlangsung di Hotel Park Hyatt Melbourne. - Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi.

Darussalam kemudiannya bertitah, sains dan teknologi sangat mempengaruhi kehidupan, di mana platform digital seperti media sosial menjadi penentu kepada sumber ilmu, inspirasi, idea, kolaborasi dan komunikasi.

Penggabungan teknologi dan Artificial Intelligence (A.I.) menjadikan penyampai dan penyebar maklumat lebih terbuka, pantas dan mudah.

>> Muka 3

Pikul tanggungjawab dengan penuh keikhlasan, kebijaksanaan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersabda,

pada tahun ini dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kita sekali lagi berpeluang untuk menyempurnakan Majlis Pelancaran Agihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan yang akan menjelang tidak lama lagi.

Bulan Ramadan setentunya mempunyai

banyak rahsia, pengajaran dan iktibar yang boleh kita gunakan bagi mengharungi kehidupan seharian.

Keikhlasan dalam melaksanakan sesuatu perkara yang bukan didorong kerana kepentingan peribadi mahupun imbalan duniawi, akan tetapi semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala adalah satu sifat yang mulia lagi terpuji.

>> Muka 8

Jaminan bekalan makanan perlu ditangani segera

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Penyediaan peruntukan yang disokong untuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP)

sejumlah BND112.34 juta bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025, iaitu sebanyak BND67.39 juta di bawah peruntukan

perbelanjaan biasa, bagi membiayai emolumen sebanyak BND41.77 juta dan perbelanjaan berulang-ulang sebanyak BND25.6 juta.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam ucapan mukadimahnyanya pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445

Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis hari ini menyatakan bahawa bagi projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12, harga rancangan sebanyak BND275.09 juta telah diperuntukkan, yang mana sejumlah BND44.95 juta telah disokong untuk disediakan di bawah peruntukan perbelanjaan kemajuan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

>> Muka 11



Berita Utama



USAHA bersepadu tingkatkan keamanan serantau

Muka 25



INOVASI digital penting dalam pertahanan, ketenteraan

Muka 27



PEMBARIGAN panduan penghasilan produk belacan


Muka 32



RENCANA MEMPERKASA peranan wanita

Muka 37

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah keputusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Muhammad Shehbaz Sharif berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Islam Pakistan yang baharu.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah keputusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Muhammad Shehbaz Sharif.

Pendaftaran peperiksaan SPUB, STPUB, SSSRU kini dibukakan

■ Siaran Akhbar : Jabatan Pengajian Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei sukacita memaklumkan bahawa

tarikh pendaftaran bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) bermula pada Isnin, 23 Syaaban 1445H bersamaan 4 Mac 2024M dan tarikh tutupnya ialah pada Sabtu, 18 Syawal 1445H bersamaan 27 April 2024M.

Manakala, pendaftaran bagi peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bermula pada Isnin, 23 Syaaban 1445H bersamaan 4 Mac 2024M dan tarikh tutup pada Rabu, 22 Syawal 1445H bersamaan 1 Mei 2024M.

Sehubungan dengan itu, sukacita

dimaklumkan kepada Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Guru-guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan serta calon-calon persendirian yang berkeinginan dan berminat untuk menduduki peperiksaan SPUB, STPUB dan SSSRU tahun 1445H / 2024M supaya akan dapat mengambil borang-borang pendaftaran di pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI bertempat di aras bawah Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910 semasa waktu pejabat.

WAKTU SEMBAHYANG										
Mac MASIHI	HARI	Syaaban HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	RABU	25	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33	7.42
7	KHAMIS	26	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
8	JUMAAT	27	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.45	6.33	7.42
9	SABTU	28	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	AHAD	29	5.01	5.11	6.29	6.51	12.32	3.44	6.32	7.42
11	ISNIN	30	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
12	SELASA	1 Ramadan	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 32 26 °C 	32 26 °C 	32 26 °C 	
Pekan Bangar 32 26 °C 	32 26 °C 	32 26 °C 	
Pekan Tutong 32 26 °C 	32 26 °C 	32 26 °C 	
Kuala Belait 32 26 °C 	32 26 °C 	32 26 °C 	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 6 MAC 2024

Jaga pendengaran kita dengan baik

PENDENGARAN memainkan peranan penting dalam komunikasi, memahami persekitaran dan mengekalkan keselamatan. Dengan pendengaran yang baik, seseorang itu akan dapat mendengar dan memahami percakapan orang serta memberikan respons yang tepat.

Selain itu, pendengaran juga dapat membantu dalam pengesanan bunyi yang mengindikasikan bahaya. Kehilangan pendengaran pula dirujuk sebagai kekurangan upaya yang tidak dapat dilihat kerana kekurangan simptom fizikal, stigma dalam kalangan komuniti dan sering diabaikan oleh penggubal dasar.

Hari Pendengaran Sedunia disambut pada setiap 3 Mac di seluruh dunia sebagai salah satu inisiatif program advokasi untuk meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan masalah dan kehilangan pendengaran serta mempromosikan penjagaan telinga dan pendengaran dalam kalangan masyarakat.

Perkara tersebut antara yang digariskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam keputusan sempena Hari Pendengaran Sedunia bagi tahun 2024.

Pada tahun ini, jelas Yang Berhormat, tema Sambutan Hari Pendengaran Sedunia ialah 'Mengubah Minda : Mari jadikan penjagaan telinga dan pendengaran sebagai realiti untuk semua' (Changing mindsets : Let's make ear and hearing care a reality for all).

Dalam keputusan tersebut, Yang Berhormat menjelaskan bahawa tema tersebut memfokuskan kepada kepentingan dalam meningkatkan kesedaran mengenai kehilangan pendengaran, mempromosikan penjagaan telinga dan pendengaran serta menyokong akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan pendengaran.

Tema tersebut, menurut Yang Berhormat, memberikan penekanan terhadap kepentingan pengesanan awal, pencegahan dan rawatan kehilangan pendengaran serta menangani kesan sosial dan ekonomi akibat gangguan pendengaran terhadap individu dan komuniti di seluruh dunia.

Tambah Yang Berhormat, proses mengubah minda untuk menjadikan penjagaan telinga dan pendengaran sebagai realiti bagi semua adalah sangat penting dalam memastikan kesihatan pendengaran dalam kalangan masyarakat.

Bersempena dengan Sambutan Hari Pendengaran Sedunia 2024 ini, antara objektif yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia adalah melawan tanggapan yang salah berkaitan dengan masalah telinga dan pendengaran dalam komuniti dan dalam kalangan penyedia penjagaan kesihatan.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira 466 juta orang mengalami tahap kehilangan pendengaran yang sederhana atau lebih tinggi. Di Negara Brunei Darussalam, ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan, statistik yang diperolehi dari Perkhidmatan Audiologi pada tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan seramai 180 pesakit baharu mengalami masalah kehilangan pendengaran tahap ringan ke sederhana yang melibatkan sebelah telinga berbanding dengan 162 pesakit baharu pada tahun sebelumnya.

Dengan memahami kepentingan pendengaran dalam kehidupan, kita boleh mengambil langkah-langkah untuk menjaga pendengaran kita dengan baik seperti mengelakkan kebisingan berlebihan, menjauhkan diri daripada bahan kimia yang berbahaya kepada pendengaran dan mendapatkan rawatan yang sewajarnya jika mengalami masalah pendengaran. - **Ketua Penyuntingan (ZK)**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Majlis Bersama Penuntut-Penuntut, Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Australia dan New Zealand yang berlangsung di Hotel Park Hyatt Melbourne.

Rebut peluang timba ilmu, perkukuh kedayatahanan diri

Oleh: Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Oleh itu, baginda menegaskan supaya menggunakannya dengan bertanggungjawab agar tidak terjebak ke dalam isu keselamatan digital seperti *academic malpractice*, penyebaran maklumat palsu dan menjadi mangsa jenayah siber.

Menyentuh mengenai Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 tahun yang telah diadakan baru-baru ini, Kebawah

Duli Yang Maha Mulia menjelaskan sambutan tersebut menyedarkan kita bahawa kemerdekaan itu mestilah diisikan dengan sikap tanggungjawab, kerja keras, taat setia yang tidak berbelah bahagi serta mempertahankannya supaya kemerdekaan itu lebih bermakna.

Di samping itu, para pelajar hendaklah mengisikan kemerdekaan dengan belajar bersungguh-sungguh dan menyematkan semangat patriotik. Mereka juga perlu melibatkan

diri dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat sebagai tanda 'Pemuda Harapan Bangsa dan Pemuda Tiang Negara' di samping mencintai negara dalam apa jua keadaan.

Para pelajar juga diingatkan untuk tidak lupa akan budaya kebruneian dengan memupuk nilai-nilai kerohanian yang tinggi bersendikan kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Pada mengakhiri titah, baginda berharap agar para pelajar untuk sentiasa menghormati undang-undang kerana warga Negara Brunei Darussalam adalah warga dunia yang menghormati undang-undang.

BERANGKAT KE MAJLIS BERSAMA PENUNTUT-PENUNTUT, RAKYAT DAN PENDUDUK NBD DI AUSTRALIA, NEW ZEALAND



MELBOURNE, AUSTRALIA, Selasa, 5 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi ini berangkat menghadiri Majlis Bersama Penuntut-Penuntut, Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di

Australia dan New Zealand yang berlangsung di Hotel Park Hyatt Melbourne.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Bersama Penuntut-penuntut, Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Australia dan New Zealand yang berlangsung di Hotel Park Hyatt Melbourne. Berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kiri).

Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Presiden Persatuan-Persatuan Pelajar NBD di Australia dan New Zealand (BSUANZ), Dayang Nur Azmina Hannani binti Muhammad Shahrul

Nizzam; dan Presiden Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut Brunei di Melbourne, Dayang Hasfarah Munerra binti Dr. Mursidi.

Baginda kemudian dijunjung berangkat ke Majlis Santap bersama perwakilan penuntut, serta menandatangani Lembaran Kenangan sebelum menghadiri Majlis Bersama Penuntut-penuntut, Rakyat dan Penduduk NBD.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.



>> Muka 3

Semasa majlis ini, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah.

Terdahulu sebelum itu, majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan NBD dan diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu ayat 28 hingga 31 daripada Surah Faathir yang disampaikan oleh Awang Muhammad Razqan bin Haji Abdul Razak dari University of New South Wales, manakala inti sarinya disampaikan oleh Awang Nabil Iman bin Haji Azmee dari Curtin University, Perth.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sementara itu, Presiden BSUANZ, dalam sembah alu-aluannya menyifatkan keberangkatan Kebawah DYMM bercemar duli ke majlis ini mencerminkan pemedulian dan keprihatinan Baginda terhadap keberadaan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat NBD terutamanya kepada para pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Australia dan New Zealand.

Ini setentunya menjadi pembakar semangat para pelajar lebih-lebih lagi dalam suasana meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40.

Menurut Dayang Nur Azmina Hannani lagi, BSUANZ terus mengungaykahkan pelbagai aktiviti sebagai usaha untuk terus menghidupkan semangat kebruneian seperti Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-40.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda berkenan berangkat menghadiri Majlis Bersama Penuntut-penuntut, Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Australia dan New Zealand yang berlangsung di Hotel Park Hyatt Melbourne.

Di samping itu, acara-acara kebudayaan dan keagamaan akan terus dianjurkan lagi pada masa akan datang.

Pada ketika ini, seramai 180 penuntut yang mengikuti pengajian di Australia dan 31 penuntut pula di New Zealand, yang terdiri daripada penerima-penerima biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM di bawah Kementerian Pendidikan,

Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama; Sultan Scholars Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah; Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (S.B.P.P.); Biasiswa Syarikat Brunei Shell Petroleum; Biasiswa BIBD Alaf serta pelajar persendirian.

Pada majlis ini juga, Presiden

BSUANZ menyebarkan pesambah 'Brunei, Australia and New Zealand Friendship Art' ke hadapan majlis Kebawah DYMM iaitu sebuah lukisan Aboriginal Art hasil karya artistik komuniti orang asli Australia, yang menggambarkan perhubungan persahabatan yang erat di antara ketiga-tiga buah negara berkenaan melalui pendidikan

berkualiti tinggi.

Pesambah ini juga diilhamkan dari Bunga Simpur dari Negara Brunei Darussalam, the Golden Wattle dari Australia dan bunga 'Kōwhai' dari New Zealand.

Kebawah DYMM seterusnya berangkat bercemar duli bersama lebih 600 penuntut, rakyat dan penduduk NBD yang berada di Australia dan New Zealand.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah 'Brunei, Australia and New Zealand Friendship Art' daripada Presiden Persatuan-Persatuan Pelajar NBD di Australia dan New Zealand (BSUANZ), Dayang Nur Azmina Hannani binti Muhammad Shahrul Nizzam.



KEBAWAH DYMM berangkat bercemar duli bersama rakyat dan penduduk NBD yang sedang berada di Australia dan New Zealand (atas).



PRESIDEN BSUANZ semasa menyebarkan sembah alu-aluan (kiri sekali). Sementara gambar kiri, Awang Muhammad Razqan bin Haji Abdul Razak dari University of New South Wales semasa membacakan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran manakala inti sarinya disampaikan oleh Awang Nabil Iman bin Haji Azmee dari Curtin University, Perth.

TEROKA PELUANG KERJASAMA PELBAGAI BIDANG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri New Zealand, Right Honourable Christopher Luxon.

MELBOURNE, AUSTRALIA, Selasa, 5 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis

Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri New Zealand, Right Honourable Christopher Luxon di Park Hyatt Melbourne.

Juga berangkat, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Majlis Perjumpaan Dua Hala tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Right Honourable sebagai

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



Perdana Menteri New Zealand, baginda juga menyifatkan pertemuan ini mengesahkan kembali hubungan penting antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan New Zealand, di mana tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik kedua-dua buah negara berkenaan.

Baginda seterusnya menjemput Perdana Menteri Luxon ke NBD serta berharap untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala pada tahun-tahun akan datang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Right Honourable juga membincangkan hubungan dua hala dan perkara-perkara serantau, antaranya meneroka peluang-peluang bagi mengembangkan dan mempelbagaikan lagi perdagangan, pelancongan dan pendidikan; industri halal; dan untuk bekerjasama dalam perubahan iklim serta membincangkan usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi hubungan dialog ASEAN-New Zealand.

Pada kesempatan ini, Right Honourable juga menjemput Kebawah DYMM untuk mengadakan lawatan ke New Zealand.

Komited memperkukuh hubungan dua hala

MELBOURNE, AUSTRALIA, Selasa, 5 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese di Melbourne Convention Exhibition Centre (MCEC).

Juga berangkat, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada perjumpaan tersebut, baginda bertitah mengalu-alukan Perdana Menteri Albanese ke Negara Brunei Darussalam (NBD). Dalam memperingati Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara NBD dan Australia serta Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Dialog ASEAN-Australia, baginda berharap persahabatan dan perkongsian ini akan dieratkan lagi pada tahun-tahun ke hadapan.

Baginda juga menggariskan komitmen bersama antara NBD dan Australia dalam meningkatkan kerjasama sedia ada sambil meneroka bidang-bidang baharu adalah bukti persahabatan yang kian berkembang, di mana kedua-dua pihak sedang bekerja rapat untuk mengukuhkan perkongsian melalui Pelan Tindakan Bersama.

Akhir sekali, baginda menegaskan bahawa hubungan ini terus diperkukuhkan termasuk dalam bidang ekonomi, tenaga, pertahanan dan pertukaran antara rakyat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese.

serta menekankan hasrat Brunei untuk bekerjasama dengan Australia dalam peralihan tenaga dan kerjasama kesihatan.

Juga pada perjumpaan ini, Kebawah

Duli Yang Maha Mulia bertukar-tukar pandangan bersama Perdana Menteri Australia dalam pelbagai perkara termasuk isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa

serta situasi di Palestin.

Pada penghujung Majlis Perjumpaan ini, satu Kenyataan Bersama telah dikeluarkan.

BERANGKAT KE SAMBUTAN RASMI, PRIME MINISTER'S RECEPTION

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sambutan Rasmi dan Prime Minister's Reception bertempat di Melbourne Convention and Exhibition Centre. Juga berangkat bagi mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kiri)

MELBOURNE, AUSTRALIA, Selasa, 5 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sambutan Rasmi dan Prime Minister's Reception bertempat di Melbourne Convention and Exhibition Centre (MCEC).

Juga berangkat bagi mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Di ASEAN Leaders Arrival Hall, MCEC, keberangkatan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dialu-alukan secara rasmi oleh Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese.

Kebawah DYMM kemudian menyertai Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, Australia dan Republik Demokratik Timor-Leste bagi sesi bergambar ramai dan diikuti dengan menyaksikan Smoking Ceremony oleh Wurundjeri First Nations Elders, iaitu salah satu adat tradisi masyarakat orang asli Australia.

Ini diikuti dengan Majlis Resepsi yang dimulakan dengan persembahan tarian Australian First Nations dan nyanyian lagu tema ASEAN dan seterusnya Lagu Kebangsaan Australia.

Majlis juga diserikan dengan ucapan Welcome to Country oleh Wurundjeri Elder dan ucapan alu-aluan The Honourable Perdana

Menteri Australia serta persembahan muzikal.

Selesai Majlis Resepsi, Kebawah DYMM kemudian berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh The Honourable Perdana Menteri Australia dan Ms. Jodie Haydon yang berlangsung di The Great Hall, National Gallery of Victoria.



ASEAN - Australia
1974 - 2024
A Partnership for the Future



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh The Honourable Perdana Menteri Australia dan Ms. Jodie Haydon yang berlangsung di The Great Hall, National Gallery of Victoria (atas). Manakala gambar kiri, Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese ketika menyebarkan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.



BERANGKAT TIBA DI MELBOURNE, AUSTRALIA



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Melbourne, Australia bagi menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah sejurus tiba di hotel persemayaman baginda. Berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



MELBOURNE, AUSTRALIA, Isnin, 4 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam tadi berangkat tiba di Melbourne, Australia untuk menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN - Australia pada 5 hingga 6 Mac 2024.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Melbourne Jet Base dijunjung oleh Assistant Minister for Health and Aged Care, The Honourable Ged

Kearney MP; dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Luke Arnold.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Sidang Kemuncak Khas ASEAN - Australia akan dipengerusikan bersama oleh Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone, sebagai Pengerusi ASEAN, dengan Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese, serta dihadiri oleh para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste.

Berkenan berangkat ke Melbourne, Australia

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad, Saerah
Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi
Awang Damit, Muhammad Asri
Haji Awang Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Melbourne, Australia untuk menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia pada 5 hingga 6 Mac 2024, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas dan atas kiri).

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan,

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar

Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah ahli-ahli kerabat diraja.

>> Muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (atas). Manakala gambar atas kanan, Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Sementara gambar kanan, turut berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah ahli-ahli kerabat diraja.

>> Muka 7

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat

Khas Kebawah DYMM; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



PIKUL TANGGUNGJAWAB DENGAN PENUH KEIKHLASAN, KEBIJAKSANAAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) semasa berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pelancaran Agihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas). Sementara gambar atas kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

>> Muka 1

"Ini bertepatan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syura, ayat 20 yang bermaksud : "Sesiapa yang menghendaki keuntungan di akhirat, Kami tambah baginya keuntungan itu, dan sesiapa yang menghendaki keuntungan di dunia, Kami berikan kepadanya sebahagian daripadanya dan tidaklah ada baginya suatu bahagian pun di akhirat."

"Dalam melaksanakan pengagihan kurma kurnia peribadi paduka ayahanda ini

khususnya kepada mereka yang layak menerimanya, ciri-ciri seperti keikhlasan, komitmen dan kesabaran yang selama ini ditunjukkan oleh para pemimpin akar umbi termasuk Ahli-ahli Majlis Perundingan adalah amat memberangsangkan dan dihargai," sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang diadakan pada hari ini di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di sini.

Walau bagaimanapun sabda Duli Yang Teramat Mulia, kita janganlah mudah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai selama ini.

Ini sabdanya lagi, kerana masih juga kedengaran suara-suara yang mengatakan ada pihak-pihak tertentu yang masih juga belum menerima kurma kurnia peribadi paduka ayahanda.

"Oleh yang demikian, pihak Pengurusan YSHHB bersama semua pihak yang terlibat hendaklah terus memikul tanggungjawab ini dengan penuh keikhlasan dan kebijaksanaan

dan dedikasi dalam sama-sama memastikan tidak ada orang-orang tertentu yang tercicir dari menerima buah kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini sebagai juadah berbuka puasa di negara ini.

"Saya gembira mengetahui pada tahun ini pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan sekali lagi akan dilibatkan dalam sama-sama membantu kerja-kerja pengagihan kurma kurnia peribadi paduka ayahanda dengan menyediakan pengangkutan kenderaan bagi membawa buah kurma berkenaan ke beberapa tempat yang ditetapkan.

"Semoga usaha ini akan

dapat diteruskan ke arah memberkesankan lagi pengagihan kurma kurnia peribadi berkenaan," sabda DYT.

Di kesempatan ini, DYT bersabda merakamkan penghargaan kepada YSHHB, Kementerian dan jabatan kerajaan, Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, ABDB, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan dan semua lapisan masyarakat yang terlibat dalam mengurus dan mengendalikan amanah dan tanggungjawab yang berkebakikan ini dengan jayanya.

PENGAGIHAN KURMA KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi, berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi diadakan pada hari ini, berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

Pelancaran majlis berkenaan disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Timbalan Pengerusi I; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Ahli Jemaah Tadbir; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pemangku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB; dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dibacakan oleh Imam Masjid Jame' Asr Hassanul Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murat.

Majlis diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat

Menteri Kesihatan.

Pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda.

Seterusnya DYTM berkenan menyempurnakan pengagihan buah-buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada wakil-wakil pasukan beruniform, orang awam, penjawat awam (sektor kerajaan), pekerja swasta dan persatuan-persatuan saudara baharu.

Pasukan beruniform diwakili oleh Pemerintah-pemerintah Tentera serta Komandan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pengarah-pengarah Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Sementara itu, orang awam diwakili oleh Pegawai-pegawai Daerah serta sebahagian Ketua-ketua Kampung daripada keempat-empat Daerah.

Manakala, penjawat awam dan pekerja sektor swasta diwakili oleh Pengarah-pengarah Jabatan Pengurusan, Pentadbiran dan Tenaga Manusia.

Majlis diakhiri dengan bacaan

Doa Selamat oleh Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanul Bolkiah.

Dengan sempurnanya Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada hari ini, maka bermulalah pembahagian buah kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM adalah kepada Pemerintah-pemerintah dan Komandan-komandan ABDB serta Pengarah-pengarah Jabatan dan Pegawai-pegawai Pemerintah PPDB akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi berkenaan kepada para pegawai dan kakitangan di bawah jabatan dan unit masing-masing.

Sementara Pegawai-pegawai Daerah akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi berkenaan kepada Penghulu-penghulu Mukim (yang memangku jawatan Ketua-ketua Kampung) dan Ketua-ketua Kampung dan seterusnya akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia

peribadi berkenaan kepada anak-anak buah kampung di bawah jagaan mereka masing-masing.

Manakala penjawat awam, pengagihan adalah melalui kementerian dan jabatan masing-masing.

Bagi para pekerja daripada sebahagian sektor swasta, pengagihan adalah melalui syarikat masing-masing dan sebahagiannya adalah melalui Ketua-ketua Kampung mengikut tempat tinggal masing-masing.

Pada tahun ini, sejumlah 159 ton metrik buah kurma jenis 'Safawi' akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di seluruh negara.

Setiap umat Islam yang menetap di negara ini tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan akan menerima kurma buah kurma mereka dengan setiap seorang akan menerima satu kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram.

Pengurniaan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM berkenaan mencerminkan sikap pemedulian dan kasih baginda dan adalah wajar bagi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini

khususnya mereka yang beragama Islam untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas kurnia baginda berkenaan.

YSHHB sangat-sangat mengharapkan sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak dalam melancarkan urusan pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi sepertimana yang diharapkan supaya buah kurma kurnia peribadi berkenaan akan diterima dengan baik dan sempurna dan seterusnya dinikmati oleh setiap orang yang beragama Islam di negara ini sebagai juadah berbuka puasa semasa bulan Ramadan nanti.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Jemaah Tadbir serta Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan, Presuruhjaya Polis Diraja Brunei, Pemerintah ABDB, Pegawai-pegawai Daerah, dan pengarah-pengarah daripada kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan serta sektor swasta yang terlibat dalam pengendalian pengagihan buah-buah kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengagihan buah-buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kiri).



DULI Yang Teramat Mulia semasa berangkat santap (kanan). Manakala gambar kanan sekali, doa dibacakan oleh Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanul Bolkiah.

AUSTRALIA - NBD KUKUHKAN KERJASAMA DALAM HUBUNGAN EKONOMI, PERUBAHAN IKLIM

Kenyataan Akhbar : Kenyataan Bersama pada Perjumpaan Dua Hala Australia - Brunei Darussalam



ASEAN - Australia
1974 - 2024
A Partnership for the Future



MELBOURNE, AUSTRALIA, Selasa, 5 Mac. - Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Melbourne sempena Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia bagi memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Dialog ASEAN-Australia.

Kedua-dua pemimpin turut

memperingati Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Australia.

Menerusi Kenyataan Bersama pada Perjumpaan Dua Hala Australia-Brunei Darussalam, Australia juga mengucapkan tahniah kepada NBD dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40 yang disambut pada Februari 2024.

Australia juga menyatakan kebanggaan kerana telah menjadi salah satu rakan diplomatik pertama NBD.

Kedua-dua pemimpin mengalu-alukan keadaan cemerlang hubungan dua

hala berikutan peningkatan bersejarah kepada Perkongsian Komprehensif pada Jun 2023, dan mengiktiraf kepentingan bersama negara masing-masing dalam menyumbang kepada kemakmuran ekonomi dan kestabilan serantau untuk manfaat rakyat kedua-dua buah negara.

Kedua-dua pemimpin mengulangi kepentingan membangunkan Pelan Tindakan Bersama untuk melaksanakan Perkongsian Komprehensif.

Kedua-dua pemimpin juga mengulangi komitmen masing-masing untuk mempromosikan wilayah yang stabil, aman, makmur, selamat dan berdaya

tahan, dan disokong oleh undang-undang antarabangsa, termasuk Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut (United Nations Convention on the Law of the Sea-UNCLOS) 1982, kedaulatan, pasaran terbuka dan perintah antarabangsa yang berasaskan peraturan.

Kedua-dua pemimpin turut mengesahkan komitmen masing-masing terhadap Kepusatan ASEAN, dan seni bina serantau pimpinan ASEAN dan mengalu-alukan pelaksanaan Tinjauan ASEAN di Indo-Pasifik melalui projek dan aktiviti konkrit.

Kedua-dua pemimpin juga

komited untuk membawa perkongsian Australia-Brunei Darussalam ke tahap baharu dalam menggalakkan keamanan, kestabilan dan pembangunan dalam bidang kepentingan bersama.

Ini termasuk melibatkan cara praktikal untuk mengukuhkan kerjasama yang dikenal pasti dalam Deklarasi Bersama mengenai Perkongsian Komprehensif merentasi hubungan ekonomi, perubahan iklim khususnya melalui Pusat Perubahan Iklim ASEAN, keselamatan makanan, pertahanan, keselamatan, maritim, pertukaran rakyat dengan rakyat dan hubungan sosial budaya.

530,000 kurma Safawy diagihkan kepada penduduk Islam

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah membuat pembelian kurma, iaitu jenis 'Safawy' sebanyak 159 tan metrik, daripada syarikat pembekal di Riyadh, Arab Saudi, iaitu Syarikat Al Mohamadia Dates.

Kurma yang keseluruhannya berjumlah sebanyak 530,000 kotak kecil berkenaan akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk Islam, termasuklah para pekerja asing yang beragama

Islam di negara ini.

Manakala sifir lazim pembahagian adalah satu kotak kecil dengan berat 300 gram bagi setiap orang yang beragama Islam tanpa mengira umur.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pemangku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB menyebarkan perkara berkenaan dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia

Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang diadakan pada hari ini di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di sini.

Yang Berhormat menyebarkan, pada tahun ini buat pertama kalinya proses penghantaran kurma adalah melalui Pelabuhan Dammam, Arab Saudi berikutan krisis yang sedang berlangsung di Laut Merah dan mengakibatkan Pelabuhan

YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pemangku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB semasa menyebarkan sembah alu-aluan.

Jeddah terkesan bagi sebarang penghantaran melalui Laut Merah.

"Alhamdulillah, penghantaran kurma pada tahun ini, menggunakan kapal laut dengan dua kali pelayaran yang membawa keseluruhan 11 unit kontena berhawa dingin (*chilled container*).

"Pengurniaan kurma pada tahun ini, adalah masuk tahun ke-29, sejak dari tahun 1995, dan YSHHB telah diamanahkan untuk menguruskan pengendaliannya.

"Alhamdulillah, sehingga kini, pengagihannya telah pun dilaksanakan dengan sempurna dan teratur, atas usaha dan kerjasama daripada jabatan-jabatan daerah melalui Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan sebahagian syarikat-syarikat swasta yang berdaftar," sembah Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia baginda yang sangat bermakna dan istimewa ini, dan mendoakan semoga baginda dan ahli-ahli kerabat diraja sentiasa berada di bawah pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia,



sihat sejahtera dan kekal karar memerintah di atas singgahsana kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan pimpinan bijaksana dan diredai di bawah petunjuk dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin.

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan menjunjung kasih atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB ke majlis berkenaan yang mencerminkan tanda keprihatinan, yang sangat mendalam dan berterusan Duli Yang Teramat Mulia ke atas usaha YSHHB, khususnya dalam menyempurnakan hajat paduka ayahanda DYT, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, untuk bersedekah, secara khusus, iaitu kurnia peribadi berupa buah kurma, sempena bulan Ramadan Al-Mubarak.



سورھنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan **ditolak**.

- 1 Lengkapi Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapi Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
- 5 Lengkapi Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

 +673 7371961
 PSC.BN
 query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial
PSC.BN

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



JAMINAN BEKALAN MAKANAN PERLU DITANGANI SEGERA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

>> Muka 1

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis hari ini menyatakan bahawa bagi projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12, harga rancangan sebanyak BND275.09 juta telah diperuntukkan, yang mana sejumlah BND44.95 juta telah disokong untuk disediakan di bawah peruntukan perbelanjaan kemajuan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, jaminan bekalan

makanan (*food security*) adalah merupakan salah satu agenda yang penting yang menjadi perbincangan utama dan perlu ditangani segera, bukan sahaja di peringkat serantau tetapi juga di peringkat global, termasuk di negara kita sendiri.

"Alhamdulillah, walaupun kita sudah berada di fasa endemik dari wabak COVID-19, usaha-usaha dalam meningkatkan sektor perekonomian keluaran makanan dalam negara akan terus giat diusahakan, khususnya dari hasil keluaran pertanian, perikanan dan lain-lain produk pemprosesan makanan berasaskan pertanian dan perikanan.

"Sehingga kini, kita akui bahawa kita terus menghadapi pelbagai cabaran semasa berkaitan isu-isu global seperti konflik geopolitik, gangguan rantai perbekalan, perubahan iklim dan situasi ekonomi tidak menentu, antaranya telah membawa kepada isu kenaikan kos pengeluaran dan pengimportan makanan berikutan peningkatan kos logistik dan pengangkutan, dan juga termasuk peningkatan kos bagi bahan input ladang seperti bekalan biji benih, benih ikan, baja, makanan ternakan dan lain-lain, yang kebanyakannya masih

bergantung tinggi kepada import," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, insyaaAllah, kata Yang Berhormat, melalui perancangan dan pelaksanaan beberapa program dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan oleh pihak kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan di bawahnya; dan dengan komitmen serta kegigihan para pengusaha, peladang, petani, penternak dan nelayan yang berkenaan; juga melalui kerjasama dan kolaborasi bersama agensi-agensi serta lain-lain pihak yang berkenaan melalui

pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government, isu dan cabaran yang dihadapi itu akan dapat kita tangani bersama.

"Kita akui dengan cabaran-cabaran yang dihadapi ini, sedikit sebanyak menjejaskan prestasi keluaran dari sektor makanan berbanding pada tahun sebelumnya.

"Walau bagaimanapun, kita terus masih dapat menyumbang di dalam menjana bekalan makanan seperti ayam, telur ayam, ikan, beras dan sayur bagi penduduk negara," tambah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, secara keseluruhannya, prestasi

keluaran dari sektor makanan, yang merangkumi keluaran dari industri pertanian dan agrikultur, dan juga industri perikanan, telah mencatatkan penurunan sekitar 9 peratus, iaitu daripada BND786.92 juta (2022) kepada BND716.3 juta (2023); yang secara amnya disumbangkan oleh penurunan nilai keluaran dari industri pertanian dan agrikultur sekitar 4.5 peratus, iaitu daripada BND575.71 juta (2022) kepada BND549.75 juta (2023); dan industri perikanan sekitar 21.1 peratus, iaitu daripada BND211.21 juta (2022) kepada BND166.57 juta (2023).

"ALHAMDULILLAH, walaupun kita sudah berada di fasa endemik dari wabak COVID-19, usaha-usaha dalam meningkatkan sektor perekonomian keluaran makanan dalam negara akan terus giat diusahakan, khususnya dari hasil keluaran pertanian, perikanan dan lain-lain produk pemprosesan makanan berasaskan pertanian dan perikanan.

"Sehingga kini, kita akui bahawa kita terus menghadapi pelbagai cabaran semasa berkaitan isu-isu global seperti konflik geopolitik, gangguan rantai perbekalan, perubahan iklim dan situasi ekonomi tidak menentu, antaranya telah membawa kepada isu kenaikan kos pengeluaran dan pengimportan makanan berikutan peningkatan kos logistik dan pengangkutan, dan juga termasuk peningkatan kos bagi bahan input ladang seperti bekalan biji benih, benih ikan, baja, makanan ternakan dan lain-lain, yang kebanyakannya masih bergantung tinggi kepada import," ujar Yang Berhormat.

Usaha meningkatkan keluaran komoditi sektor pertanian, perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), berazam akan terus berusaha untuk

meningkatkan keluaran komoditi-komoditi utama di bawah sektor pertanian dan perikanan bukan sahaja untuk memastikan bekalan makanan di negara ini

adalah terjamin tetapi juga untuk menyumbang kepada peningkatan jumlah dan nilai eksport.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan demikian semasa membentangkan ucapan mukadimahnyanya pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, keluaran bagi komoditi kerbau dan lembu menurun kerana permintaan bekalan daging kerbau dan lembu segar (penyembelihan ternakan hidup import) telah kembali pulih seperti biasa, iaitu keadaan sebelum penularan wabak COVID-19 pada tahun

2020 dan 2021.

Peningkatan keluaran daging kerbau dan lembu pada 2020 dan 2021 jelas Yang Berhormat, adalah disebabkan peningkatan penyembelihan ternakan import kerbau dan lembu hidup untuk membekal sumber daging merah bagi penduduk Negara Brunei Darussalam memandangkan pembekalan daging kerbau dan lembu beku import tidak dapat diperolehi kerana sekatan pergerakan dan masalah logistik ekoran wabak COVID-19.

Walau bagaimanapun tambah Yang Berhormat, pengimportan daging kerbau dan lembu beku sudah mula dilaksanakan pada tahun lepas. Ini adalah bagi memastikan bekalan daging adalah stabil dan terus diperolehi oleh semua golongan rakyat di negara ini.

Selain itu, Yang Berhormat

juga menerangkan keluaran industri akuakultur khususnya ternakan udang telah menurun sebahagian besarnya disebabkan oleh jangkitan penyakit udang kepada ternakan syarikat udang terbesar di negara ini dan ini juga mengakibatkan keluaran produk perikanan berproses terjejas memandangkan udang adalah bahan mentah yang diperlukan.

"Dari segi pencapaian sara diri bagi komoditi-komoditi utama yang diberikan tumpuan, kita telah berjaya mencapai 100 peratus sara diri dalam bekalan ayam pedaging dan telur ayam, dan 71 peratus sara diri bagi bekalan ikan dan udang.

"Manakala, bagi sayur tropika dan buah tropika, masing-masing mencapai sekitar 72 peratus dan 42 peratus sara diri, dan beras sekitar lapan peratus sara diri," ujar Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



KERJASAMA DENGAN 'INFLUENCERS' DALAM PROMOSIKAN PELANCONGAN NBD

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam ucapan mukadimahny hari ini mengongsikan antara aktiviti promosi dan pemasaran antarabangsa yang telah dilaksanakan oleh kementerian berkenaan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan ke arah mengukuhkan lagi promosi pelancongan yang didasarkan secara khusus di pasaran luar negara.

Aktiviti itu kata Yang Berhormat, termasuk mengadakan pemasaran digital melalui kolaborasi dengan

Online Travel Agencies (OTAs) antarabangsa seperti Expedia, Trip Advisor dan Agoda, dengan menawarkan kempen-kempen khususnya bagi mempromosikan pakej-pakej ekopelancongan, pengembaraan (*adventure*) dan kebudayaan (*culture*).

Di samping itu juga Yang Berhormat menjelaskan, jabatan telah mengenal pasti dan bekerjasama dengan beberapa pihak berpengaruh media sosial antarabangsa (*international social influencer*) bagi memanfaatkan jangkauan untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai destinasi pelancongan.

"Antara *social media influencer* yang telah dijemput untuk

mempromosikan NBD antaranya adalah *influencer-influencer* yang mempunyai banyak *followers* termasuklah seorang *influencer* masing-masing daripada pelbagai negara seperti Singapura, United Arab Emirates (UAE), Kanada dan Australia serta tiga *influencers* dari Republik Korea.

"Pada tahun ini, beberapa orang lagi *influencers* yang akan dijemput ke negara ini seperti dari Republik Singapura, Jepun, Republik Rakyat China dan juga *special niche influencers* dalam bidang *diving*, *birdwatching* dan sebagainya.

"Mengukuhkan usaha pemasaran dengan menyertai pameran dan ekspo pelancongan di Republik Korea, Jepun, Australia dan Republik Rakyat China," ujar Yang Berhormat pada hari keenam Mesyuarat Pertama



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

dari Musim Permesyuaratan / 2024 Masihi yang bersidang Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara di Dewan Persidangan MMN, (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah Bangunan Dewan Majlis.

Pakej Pelancongan fokus alam semula jadi, kebudayaan, pengembaraan

Berhormat, bekerjasama bersama beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah, Jabatan Kerja Raya untuk sama-sama meneliti infrastruktur jeti di kawasan tersebut.

Dari segi pelancongan kebudayaan pula menurut Yang Berhormat, jabatan dengan kerjasama Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) dan ejen-ejen pelancongan telah menyediakan beberapa pakej seperti 'Brunei Bah Makanan' yang merangkumi juadah makanan tempatan yang lazat seperti Ambuyat dan Ayam Buluh sambil melawat tempat-tempat ikonik di Bandar Seri Begawan, beramah-mesra di rumah-rumah yang terletak di Kampong Ayer, Pasar Malam Gadong, lawatan ke muzium, menyaksikan dan menyertai sendiri aktiviti menenun kain tenunan di Pusat Kesenian dan Kraf tangan, lawatan ke Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Daerah Temburong.

Selain dari pelancongan alam semula jadi dan budaya tambah Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam sudah sekian lama mempromosikan pakej pelancongan Islam yang bukan sahaja terhad kepada lawatan ke masjid-masjid tetapi juga memaparkan kebudayaan Islam

dalam kehidupan seharian kitani.

Yang Berhormat turut mengongsikan antara pakej pelancongan Islam yang ditawarkan adalah lawatan ke masjid-masjid (Masjid Tour); lawatan ke Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; dan lawatan ke Balai Khazanah Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

"Dari aspek infrastruktur dan prasarana pelancongan di negara ini, KSSUP akan secara berterusan giat melaksanakan kerja-kerja menaik taraf supaya tempat-tempat pelancongan adalah lebih kondusif.

"Contohnya, pembinaan laluan konkrit bagi Kampong Lurong

Sikuna menuju ke Kampung Pekan Lama dengan kerjasama pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan yang memudahkan pelancong untuk melawat dan menikmati suasana Kampong Ayer dengan mudah dan selamat.

"Di samping itu, papan-papan tanda jalan tempat tarikan pelancongan di Daerah Temburong dan Daerah Tutong khususnya di kawasan Lebuh Raya Tutong-Telisai, Kampung Tanjong Maya, dan Kampung Lamunin juga telah dipasang untuk memudahkan dan mendedahkan pengunjung dan pelancong mengenai beberapa aktiviti pelancongan yang terdapat di kawasan berkenaan," ujar Yang Berhormat lagi.

DALAM hubungan ini, JKP dengan kerjasama ejen-ejen pelancongan di negara ini akan terus mengusahakan pembuatan pakej lawatan yang khusus dengan tema dan jalan cerita yang menarik seperti meneroka dan membangun pakej-pakej alam semula jadi antaranya River Trail Packages, iaitu dengan menelusuri Sungai Brunei, Sungai Kedayan dan Sungai Temburong yang mana kawasan tersebut mempunyai pelbagai jenis burung dan hidupan liar yang mudah dilihat.



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam ucapan mukadimahny menjelaskan, dari aspek pembangunan dan penyediaan pakej-pakej pelancongan, Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) memfokuskan dalam tiga tahun ini kepada alam semula jadi, kebudayaan dan pengembaraan.

Di samping itu, menyediakan pakej-pakej yang menjadi tarikan pasaran tertentu seperti Educational Tourism Package, Golf Tourism dan sebagainya.

Dalam hubungan ini, JKP dengan kerjasama ejen-ejen pelancongan di negara ini akan terus mengusahakan pembuatan pakej lawatan yang khusus dengan tema dan jalan cerita yang menarik seperti meneroka dan membangun pakej-pakej alam semula jadi antaranya River Trail Packages, iaitu dengan menelusuri Sungai Brunei, Sungai Kedayan dan Sungai Temburong yang mana kawasan tersebut

mempunyai pelbagai jenis burung dan hidupan liar yang mudah dilihat.

"Dengan adanya projek ini, jabatan berhasrat untuk menjadikan sungai sebagai laluan alternatif (*alternative route*) untuk orang ramai dan pelancong, dengan tujuan menawarkan pengalaman perjalanan yang lebih menarik sambil menikmati hidupan liar dan biodiversiti dengan menggunakan bot.

"Oleh yang demikian, jabatan ini telah meneliti infrastruktur yang sedia ada di kawasan tersebut, termasuklah jeti-jeti," kata Yang Berhormat pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, keutamaan diberikan kepada keselamatan jeti dan keselamatan bot bukan sahaja bagi orang ramai, malahan juga bagi para pelancong.

Jabatan ini tambah Yang

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PENTINGNYA PENGLIBATAN BELIA DALAM INDUSTRI PERTANIAN, PERIKANAN



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Penglibatan belia dalam bidang pertanian dan perikanan adalah sangat penting kerana golongan ini merupakan tonggak yang bakal menyambung dan menerajui kepimpinan kemajuan negara masa hadapan.

Dalam hubungan ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui jabatan-jabatan yang berkenaan di bawahnya telah

“SEBAGAI misal dalam aktiviti-aktiviti ladang komunal (*community farming*) di Kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB) termasuk dalam mendukung inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

“Ke arah ini, KSSUP telah bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Darussalam Enterprise (DARE) dalam membantu serta mengukuhkan lagi kapasiti pengeluaran (*production capacity*) dan saluran pasaran (*market outlets*) bagi produk-produk yang dihasilkan oleh masyarakat serta komuniti kampung yang terlibat,” ujar Yang Berhormat.

dan akan terus melaksanakan program dan inisiatif bagi menarik lebih banyak lagi penglibatan para belia dalam bidang ini.

Justeru dalam melaksanakan program-program serta inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan keluaran dari industri-industri di bawah sektor sumber-sumber utama ini, pihak KSSUP tidak lupa akan kepentingan untuk melibatkan para belia.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menyatakan perkara tersebut dalam ucapan mukadimah pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini kata Yang Berhormat, melalui pelaksanaan

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

program-program seperti program Projek Rintis Pertanian, Program Pembesaran Perusahaan (*contract farming*), Program Pendedahan Belia Pertanian, dan sebagainya, secara tidak langsung telah berjaya menarik penglibatan beberapa pengusaha belia dalam bidang pertanian, termasuk perikanan.

Secara keseluruhan jelas Yang Berhormat, jumlah pengusaha belia yang terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan adalah seramai 155 orang pada 2023, dan daripada pengusaha belia ini, seramai 148 orang adalah mereka yang bergiat aktif dalam bidang pertanian, dan tujuh orang dalam bidang perikanan.

Yang Berhormat menyeru para belia yang pada masa ini sedang mencari pekerjaan untuk tampil ke hadapan dan menjadikan aktiviti perusahaan dalam bidang pertanian sebagai salah satu bidang pilihan pekerjaan atau kerjaya tetap bagi menjana sumber pendapatan dan pada masa yang sama turut menyumbang ke arah meningkatkan pertumbuhan

ekonomi negara, menjamin sekuriti makanan dan eksport.

Selain daripada inisiatif-inisiatif dan program-program yang menumpukan kepada golongan belia, Yang Berhormat juga turut menjelaskan bahawa pihak kementeriannya juga memberikan perhatian serta dukungan kepada pelaksanaan program dan inisiatif melibatkan penyertaan masyarakat serta penduduk kampung.

“Sebagai misal dalam aktiviti-aktiviti ladang komunal (*community farming*) di Kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB) termasuk dalam mendukung inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

“Ke arah ini, KSSUP telah bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Darussalam Enterprise (DARE) dalam membantu serta mengukuhkan lagi kapasiti pengeluaran (*production capacity*) dan saluran pasaran (*market outlets*) bagi produk-produk yang dihasilkan oleh masyarakat serta komuniti kampung yang terlibat,” ujar Yang Berhormat.

BND237.06 juta disediakan untuk mengukuhkan nilai industri makanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata, ke arah mendukung pertumbuhan serta peningkatan keluaran dari sektor makanan, iaitu seperti di bawah peruntukan Perbelanjaan Berulang-ulang sekitar BMD9 juta telah disediakan bagi membiayai skim pembelian semula padi, iaitu bagi mendukung program pengeluaran beras negara yang termasuk membiayai pembelian padi daripada peladang, pembelian biji benih padi hibrid berhasil tinggi, membiayai perkhidmatan pemprosesan padi kepada beras dan lain-lain.

Berucap ketika menyampaikan ucapan mukadimah pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat menjelaskan bahawa di bawah peruntukan Perbelanjaan RKN Ke-12, Harga Rancangan sebanyak BND237.06 juta juga telah disediakan bagi membiayai projek-projek utama

dan mengukuhkan rantai nilai industri makanan bagi sektor pertanian dan perikanan.

Antaranya jelas Yang Berhormat, program peningkatan keluaran sayur menggunakan teknologi tinggi bagi menjana Keluaran Dalam Negara Kasar berjumlah BND17.55 juta; rancangan pembangunan industri ternakan bagi menjana pengeluaran berjumlah BND18.1 juta; penyediaan infrastruktur bagi peningkatan industri pertanian di seluruh negara bagi Fasa 1 dan 2 berjumlah BND90 juta.

“Manakala program peningkatan hasil pengeluaran industri padi bagi mendukung sekuriti makanan negara berjumlah BND1.82 juta, iaitu bagi menaik taraf dan menambah fasiliti infrastruktur penyelidikan dan pembangunan padi seperti pembinaan sebuah *cage house* serta menaik taraf *cage house* sedia ada dengan sistem pengairan; dan membina makmal fasiliti pembiakan padi serta fasiliti penyimpanan biji benih (*cold storage*) serta alat-alat penyelidikan padi bagi meningkatkan kapasiti dan kompetensi dalam penyelidikan padi.

“Program peningkatan kapasiti

sistem pengairan di Kawasan Kemajuan Pertanian Seluruh Negara Fasa 2 berjumlah BND68.26 juta; program pembinaan infrastruktur sistem pembentungan dan saluran sisa buangan berjumlah BND38.95 juta,” kata Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, ke arah rancangan meningkatkan pengeluaran perikanan, kementeriannya telah memperuntukkan BND4 juta untuk menyediakan dan menaik taraf infrastruktur bagi kemudahan nelayan kecil-kecilan bagi meningkatkan kapasiti kemudahan penempatan treler bagi penurunan/penaikan perahu, dan penyediaan infrastruktur asas bagi meningkatkan keselamatan untuk nelayan kecil-kecilan beroperasi.

Yang Berhormat juga menjelaskan bagi memajukan dan membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur berjumlah BND10.53 juta disediakan selain meningkatkan infrastruktur di kawasan tapak-tapak akuakultur yang sedia ada berjumlah BND1.9 juta dan membuka serta memajukan kawasan tapak-tapak akuakultur yang baharu berjumlah BND1.59 juta.

“Ke arah mendukung

pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan negara, sekitar BND18.45 juta disediakan di bawah perbelanjaan RKN Ke-12 bagi membiayai program ke arah mengukuhkan kelestarian alam sekitar, antaranya pelaksanaan projek-projek penghijauan semula ke atas kawasan hutan yang *degraded*; peningkatan aktiviti pemuliharaan hutan dan pensijilan hutan.

“Selain itu, sebanyak BND1.5 juta disediakan bagi Pensijilan Pengurusan Hutan yang mampan.

“Program meningkatkan pemuliharaan hutan bagi mendukung alam sekitar bagi mengurangkan impak terhadap alam sekitar dan perubahan iklim

dan membolehkan penjualan karbon melalui perdagangan karbon berjumlah BND5.21 juta.

“Meningkatkan bekalan stok kayu kayan melalui kaedah perladangan hutan berteraskan amalan pengurusan hutan mampan berjumlah BND8 juta sementara meningkatkan bekalan stok kayu kayan melalui kaedah penanaman mengaya (*silvicultural enrichment planting*) berteraskan amalan pengurusan hutan mampan berjumlah BND2.1 juta dan meningkatkan pengeluaran hasil hutan melalui pembinaan stesen pemeriksaan dan kawalan pengeluaran hutan berjumlah BND0.85 juta,” ujar Yang Berhormat lagi.

MENURUT Yang Berhormat lagi, ke arah rancangan meningkatkan pengeluaran perikanan, kementeriannya telah memperuntukkan BND4 juta untuk menyediakan dan menaik taraf infrastruktur bagi kemudahan nelayan kecil-kecilan bagi meningkatkan kapasiti kemudahan penempatan treler bagi penurunan/penaikan perahu, dan penyediaan infrastruktur asas bagi meningkatkan keselamatan untuk nelayan kecil-kecilan beroperasi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



BND7.32 JUTA DISEDIAKAN DUKUNG INDUSTRI PELANCONGAN

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata bagi mendukung pertumbuhan dan pembangunan industri pelancongan sekitar BND7.32 juta disediakan di bawah perbelanjaan RKN Ke-12 bagi mengukuhkan produk-produk pelancongan.

Walau bagaimanapun kata Yang Berhormat, dalam melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan tersebut, pihak kementerian tidak hanya bergantung sepenuhnya kepada pembiayaan kerajaan semata-mata, tetapi juga meneroka kaedah serta pendekatan yang lebih efisien yang dapat mengurangkan

kebergantungan kepada peruntukan kerajaan semata-mata misalnya melalui kaedah PPP, sepertimana yang pada masa ini sedang dilaksanakan bagi projek pembinaan restoran di Bukit Patoi, Temburong yang boleh dikunjungi oleh pelancong tempatan dan asing.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat, di bawah peruntukan perbelanjaan RKN Ke-12, projek-projek yang dirancang bagi sektor pelancongan adalah menaik taraf Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong

berjumlah BND1.58 juta termasuk menaik taraf infrastruktur dan menyediakan kemudahan-kemudahan di Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong.

Selain itu terang Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga berhasrat untuk menaik taraf bangunan Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer yang berjumlah BND1.36 juta bagi mengubah suai dalaman bangunan dan penyediaan peralatan interaktif menggunakan kaedah teknologi digital.

“Mengukuhkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di tempat-tempat tarikan pelancongan di negara ini berjumlah BND3 juta, iaitu bagi menaik taraf dan menyediakan beberapa kemudahan bagi keselamatan dan keselesaan para pengunjung dan pelancong seperti jeti-jeti di sepanjang Sungai Brunei, Sungai Kedayan

dan Sungai Menglait untuk mendukung pembangunan aktiviti pelayaran sungai dan pelancongan menyelam (Dive Tourism) di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta usaha meningkatkan kualiti industri

pelancongan di NBD berjumlah BND1 juta bagi Piawaian Pelancongan Hijau, Penilaian Premis Bintang Pelancongan dan Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja dalam industri pelancongan,” ujar Yang Berhormat lagi.

Projek Kemajuan Penanam Padi kawasan Kandol sudah dilaksanakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Projek Kemajuan Penanam Padi secara komersial berkeluasan 500 hektar kawasan Kandol bagi fasa 1 dan fasa 2 dilaksanakan seluas 174 hektar telah dibuka.

Ia sedang rancak dilaksanakan namun terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh Paddy co. di sana.

Pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, seterusnya menjelaskan bahawa antara cabaran dihadapi adalah kerana ladang ini baharu dibuka jadi tanah itu belum lagi stabil yang mana terdapat tanah terturun di ladang-ladang itu.

Oleh itu kata Yang Berhormat, pihak Paddy co. pada ketika ini sedang mencuba untuk mengatasinya dengan menaikkan lagi tanah tersebut supaya ia balik semula ke tempat yang diperlukan selain cabaran kekurangan pekerja.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menambah, pada masa ini terdapat 11 atau 12 orang kalau tidak silap pekerja rakyat tempatan, tetapi tidak mencukupi dan terdapat cabaran untuk mengambil lebih ramai pekerja rakyat tempatan.

Beberapa usaha kata Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, telah dibuat tetapi tidak berjaya untuk mendatangkan juga pekerja luar bagi membantu *kitani* menghasilkan padi di kawasan 174 hektar tersebut.

Menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengongsikan bahawa dari segi produktiviti di Kandol masih rendah, kerana ia kawasan baharu dan tanahnya pun

belum lagi stabil.

Jadi tambah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan lagi, pengeluaran masih lagi rendah, iaitu antara 1 hingga 2 tan metrik/semusim.

Menyentuh mengenai sara diri atau *self-sufficiency*, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengongsikan negara mencapai lapan peratus sara diri dengan adanya hibrid baharu dan berharap agar dapat meningkatkan lagi sara diri kepada 12 peratus kalau berjaya *trial* yang dibuat masa ini.

“Jadi masa ini dalam fasa 3, Jabatan Pertanian menahan dahulu agar dapat memfokuskan kestabilan kepada pembangunan 174 hektar ini dan kalau ia berjaya, ia akan dilartkan.

“Pada masa ini, terdapat satu jenis padi *variety* Yuan 158, mempunyai potensi untuk dikembangkan lagi yang boleh mengeluarkan hasil pengeluaran tujuh ke lapan tan metrik.

“Dari segi penerimaan cita rasa orang Brunei, Yuan ini lebih digemari berbanding Sembada.

“Jadi sekiranya berjaya ia diperkenalkan ke seluruh negara yang *gated*, negara akan mampu menghasilkan 78 metrik tan/ hektar semusim dan melalui hasil penyelidikan yang dibuat, Yuan 158 daripada Republik Rakyat China dikenal pasti mempunyai hasil tinggi dan mempunyai cita rasa yang boleh diterima oleh rakyat negara ini,” ujar Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Wujudkan aplikasi untuk mengetahui penjadualan bas

Oleh : Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed mengemukakan cadangan untuk mewujudkan aplikasi yang mudah untuk dimuat naik bagi orang ramai untuk mengetahui penjadualan bas.

Menurut Yang Berhormat, ia adalah penting untuk mempunyai aplikasi yang diuruskan oleh kerajaan bagi memastikan kualiti dan kredibilitinya.

Terdahulu Yang Berhormat menyentuh mengenai isu pengangkutan awam di negara ini merupakan satu cabaran yang besar dalam usaha mempromosikan pelancongan di negara kita walaupun jadual perkhidmatan bas dapat dilihat peningkatan namun beberapa pembaikan diperlukan dari segi konsistensi jadual bas, kualiti perkhidmatan dan kemudahan

yang disediakan.

“Beberapa kekurangan bas yang dapat dilihat adalah seperti bas yang tidak dilengkapi dengan penghawa dingin dan tempat duduk yang selesa.

“Perkara ini menjadi satu keperluan asas bagi keselesaan pengguna awam dan pelancong.

“Selain itu, mewujudkan aplikasi bagi orang ramai untuk dapat memuat turun bagi mengetahui penjadualan bas juga diperlukan.

“Kaola ada mencari-cari aplikasi bas dan yang ada dalam search engine adalah aplikasi bernama ‘Move It’, namun ia bukan di bawah pengurusan kerajaan,” ujar Yang Berhormat pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut mencadangkan agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan kaedah pembayaran yang lebih mudah dan cekap bagi penggunaan pengangkutan awam sama ada bas atau Dart, iaitu pengenalan sistem pembayaran melalui pengimbasan atau tap and go seperti yang ada dipraktikkan di beberapa negara boleh membantu mengurangkan kesulitan dan mempercepatkan proses bayaran.

Dengan melakukan pelbagai penambahbaikan ini kata Yang Berhormat, ia akan dapat mengurangkan risiko dan

meningkatkan keselamatan pengguna awam termasuk pelancong.

Peningkatan kualiti perkhidmatan awam juga tambah Yang Berhormat, dapat mengurangkan perkhidmatan pemandu teksi haram yang semakin meningkat.

Sementara itu, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Zainol menjelaskan, perundingan telah dibuat dengan pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi mencari cara-cara untuk mengukuhkan lagi kemudahan pengangkutan awam terutama sekali bas pada masa ini.

Menurut Yang Berhormat, apa yang Jabatan Kemajuan Pelancongan membuat pada masa ini ialah apabila pelancong-pelancong datang secara immediate, adalah disyorkan untuk memuat naik aplikasi Dart untuk memudahkan mereka menggunakannya bagi tujuan melawat kalau sekiranya mereka mendapati susah untuk mendapatkan bas.

Jabatan Kemajuan Pelancongan juga ujar Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, juga bekerjasama dengan pembekal telefon (*phone provider*) agar Sim Kad yang dibeli pelancong turut dimasukkan aplikasi Dart agar mereka dapat menggunakan Dart sebagai penggerak utama perjalanan mereka.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



DUKUNG HASRAT PELADANG, PENGUSAHA MAJUKAN PERUSAHAAN

BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Pada sesi petang hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berkata bahawa di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12, sejumlah BND230,060,458.00 telah pun diperuntukkan bagi mengukuhkan sekuriti makanan dengan menyediakan infrastruktur



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Oleh: Nurhamiza Haji Roslan
Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

yang sangat diperlukan untuk meningkatkan hasil pertanian dan penternakan secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi kemudian menyuarakan pendapat bahawa dengan peruntukan ini, KSSUP boleh mendukung hasrat peladang dan pengusaha untuk membesarkan perusahaan-perusahaan mereka kerana tanpa sokongan pihak kerajaan dari segi pemberian tanah, penyediaan infrastruktur, bekalan tenaga, air dan kewangan sebagainya, mungkin sebahagian peladang tidak berupaya meneruskan perusahaan mereka.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi seterusnya mengemukakan soalan kepada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan bertanya sama ada dapat diadakan dana bagi membolehkan skim pinjaman bagi peladang-peladang dan mereka yang ingin berkecimpung dalam

industri ini.

"Seruan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebentar tadi agar anak-anak muda mencebur diri dalam industri pertanian dan penternakan. Ia hanya akan dapat disahuti jika isu kewangan dapat dibantu. Ini bukan saja untuk *seed money* bagi mereka yang baru dalam bidang ini tetapi bagi menampung kemungkinan ladang dan pengusaha yang sudah ada yang mungkin memerlukan bantuan untuk membesarkan perusahaan mereka," kata Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi.

Yang Berhormat juga mengambil maklum apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bahawa kementerannya komited untuk memajukan industri pemakanan.

Akan tetapi kejayaan industri ini, ujar Yang Berhormat, bergantung kepada beberapa strategi, selain daripada penyelidikan dan perkembangan, pendidikan dan latihan menggunakan mesin-mesin yang baharu seperti

penyediaan infrastruktur fasiliti penyimpanan iaitu gedung-gedung dan stor dan juga teknologi digital yang boleh diaplikasi untuk memajukan lagi industri pertanian, skim bantuan subsidi dan *grants* adalah juga penting.

"Kita hendaklah juga terus komited dan fokus dan tidak 'half-hearted' untuk terus menyokong industri ini mungkin kurangnya atau terputusnya dukungan yang kita berikan menjadi punca kurangnya kejayaan kita mempelbagaikan ekonomi sejak kita mengenal perkataan kepelbagaian atau *diversification* di bangku sekolah lagi, kata Yang Berhormat lagi.

Dalam menjawab soalan yang dikemukakan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata berkenaan dengan dana untuk peladang-peladang terutama sekali yang sudah ada, perkara ini boleh rundingkan dengan pihak-pihak berkenaan.

"Memang diakui bahawa kebanyakannya dana-dana dan skim masa ini ialah *very much* fokus kepada belia dan *follow through* dananya itu ke sana. Tetapi bagi ladang-ladang yang sedia ada, akses yang *bisdurang* ada melalui *conventional bank*, ataupun semua Bank Usahawan,"



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata lagi, perkara ini akan meneliti lagi dengan lebih lanjut bersama dengan keperluan *expansion programme* untuk ladang-ladang yang sedia ada juga dengan agensi-agensi yang terlibat.

Menurut Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan skim, *grants* dan subsidi memang ada dan masih lagi penting dan pada masa ini tidak ada perancangan untuk menghentikannya.

Industri pelancongan rangsang ekonomi, wujudkan peluang pekerjaan

BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Industri pelancongan adalah industri yang boleh menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Perkara ini disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman pada sesi petang hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN.

"Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan merangsang ekonomi setempat (*stimulate the local economy*) untuk lebih dinamik. Semua ini diketahui oleh pihak kita dan tentunya pihak kementerian. Tetapi untuk itu kita perlu melabur ke industri pelancongan ini jika kita betul-betul mahu untuk menghidupkan perindustrian ini," kata Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri

Setia Haji Awang Suyoi memberi pendapat bahawa peruntukan sebanyak BND7,317,350 juta di bawah RKN-12 untuk lima tahun adalah satu peruntukkan yang kecil sedangkan industri ini (Industri pelancongan) boleh menjana pertumbuhan ekonomi yang besar yang memberikan impak kepada seluruh negara.

Yang Berhormat kemudian memberi beberapa contoh bagaimana industri pelancongan boleh menjana pertumbuhan ekonomi iaitu melalui aktiviti seperti mencetuskan permintaan kepada sektor berkaitan seperti makanan dan minuman (F&B), penginapan hotel, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan pemandu pelancong (*tour guide*) yang kesemuanya boleh mewujudkan pekerjaan.

Yang Berhormat juga berkata *repackaging* atau mempakej semulapakej-pakej pelancongan tanpa pembaharuan tidak akan menarik banyak pelancong dan seterusnya mengemukakan soalan kepada Menteri

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin mengenai penelitian semula aset-aset yang boleh menarik pelancong.

Yang Berhormat bertanya adakah Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) memikirkan untuk meneliti semula aset-aset yang boleh menarik pelancong untuk dinaik taraf.

Antara aset-aset penarik pelancong yang dinamakan Yang Berhormat ialah Empire Hotel and Country Club, Jerudong Park Playground, the Royal Regalia, Muzium Negara, Balai Pameran Khazanah dan juga Masjid Omar Ali Saifuddin dan Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkliah.

"Kaola merasa adalah sayang jika Empire Hotel dan Country Club yang tersergam indah dan disenaraikan dalam *one of the leading hotel* tidak dapat menarik dan tidak diisi dengan banyak pelancong," kata Yang

Berhormat.

"Padang golf (Empire Hotel dan Country Club) di mana pelbagai *tournament* pernah diadakan kini adalah dalam keadaan yang uzur dan perlu *massive repair* untuk kembali ke zaman kegemilangannya," kata Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga bertanya adakah pernah difikirkan bersama oleh pihak KSSUP dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti DARE akan bagaimana mendatangkan atau menarik lebih banyak pelancong ke negara ini, untuk mengisi Empire Hotel dan Country Club.

Dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjelaskan bahawa pihak KSSUP sedang mengumpulkan inventori dari segi aset dan juga aktiviti pelancongan di negara ini.

"Sebanyak 200 lebih sudah aset dan aktiviti-aktiviti yang

telah dikumpulkan dan di mana *abis kaola actively engaging this particular area and asset* dan juga aktiviti ini, macam mana membuat perundingan dengan mereka in 'term of' meningkatkan tahap kualiti dan juga aktiviti kekerapan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mereka, termasuk juga dengan aset-aset seperti hotel dan juga bangunan-bangunan menarik dan bersejarah," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Mengenai pembaikan-pembaikan fasiliti Empire Hotel dan Country Club, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata, kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan secara berperingkat dan dalam masa setahun dua projek tersebut akan siap dan pihak Empire Hotel dan Country Club bersama Jabatan Kemajuan Pelancongan akan bekerjasama untuk mempromosikan hotel itu sebagai tarikan.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PROMOSIKAN PELANCONGAN PENDIDIKAN DI NBD



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Pada sesi petang hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman telah mencadangkan keperluan untuk mencari *new angle* atau sudut baharu untuk mempromosikan pelancongan di negara ini.

Beberapa kali sebelum ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) ada menerima kunjungan pelajar-pelajar dari Malaysia, Singapura dan negara ASEAN lain dan mengikut maklum balas dari rombongan pelajar-pelajar tersebut, mereka seronok datang ke Brunei apabila disambut dengan keramahan atau hospitaliti Brunei yang sudah terkenal, jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri

Oleh: Nurhamiza Haji Roslan
Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

Setia Haji Awang Suyoi.

Melawat tempat-tempat yang menarik dan membuat aktiviti luar daripada kebiasaan yang mereka alami, rombongan pelajar-pelajar tersebut juga merasa tenang dan selamat di negara ini, jelas Yang Berhormat lagi.

"Bagi kaola, mungkin ini adalah satu *niche* pelancongan yang boleh kita majukan iaitu menarik pelajar-pelajar dari negara ASEAN untuk datang bercuti ke Negara Brunei Darussalam. Untuk tujuan ini, pihak Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di negara-negara ASEAN melalui Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat dibawa sama untuk mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan bagi pelajar-pelajar ASEAN," kata Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, asal pelajar-pelajar ini dijaga dengan baik, mereka akan suka datang. Ini adalah menurut maklum balas daripada pelajar-pelajar yang sudah pernah datang ke NBD yang menyatakan mereka gembira dengan lawatan-lawatan yang telah diikuti.

Selain dari industri pelancongan, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai industri pertanian sebelumnya. Yang Berhormat berkata industri pertanian dan pelancongan melibatkan semua kementerian sebagai *stakeholder*.

"Adalah penting bagi kesemua

kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan sama-sama bertindak dan bergerak sehaluan dalam mempromosi pertanian dan pelancongan. Tanpa kerjasama seperti ini, dalam 20-30 tahun akan datang mungkin kita masih lagi akan bercakap mengenai kepelbagaian sedangkan negara lain sudah menikmati hasil kepelbagaian mereka," kata Yang Berhormat.

Sebelum mengakhiri ucapannya, Yang Berhormat menyampaikan bahawa telah banyak *missed opportunity* dialami dalam memajukan negara.

"Janganlah kita berterusan melakukan apa yang sepatutnya kita lakukan dan berterusan melepaskan peluang untuk memajukan negara," kata Yang Berhormat.

Dalam memberi respons kepada cadangan yang dikemukakan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin perkara itu sudah dirundingkan memandangkan *education tourism* ataupun pelancongan pendidikan merupakan salah satu daripada aktiviti pelancongan terbesar.

"Pihak kementerian telah membuat perundingan dengan ejen-ejen di Singapura, ada dua atau tiga orang ejen yang dikhaskan untuk membawa pelajar-pelajar keluar negeri

dan mereka telah menghentikan aktiviti selepas COVID-19 dan sekarang mereka memulakannya semula bulan lepas," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

"Pihak kaola telah pun membuat perundingan dengan ejen-ejen yang bertanggungjawab untuk *student tourism* ini untuk datang ke Brunei, untuk berunding dengan agensi-agensi yang berkenaan untuk *facilitate* lebih ramai pelajar-pelajar Singapura ke Brunei," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan lagi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya berkata bahawa pelancongan pelajar-pelajar juga dilaratkan kepada negara-negara jiran yang lain untuk membolehkan mereka membawa pelajar ke Brunei.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi yang Brunei ialah tempat yang bersih dan selamat, sesuai untuk pelajar.

"Program ini akan diaktifkan semula bukan sahaja dari Singapura malah juga dari negara-negara jiran malah ke Jepun," kata Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga menyatakan pihak KSSUP telah bekerjasama dengan pihak Kementerian

Pendidikan semasa ekspo di Jepun, mereka telah berjumpa dengan syarikat-syarikat yang dipertanggungjawabkan dengan pelancongan pelajar untuk memastikan lebih ramai pelajar dari negara Jepun, Korea, Singapura dan negara jiran yang lain untuk datang ke Brunei.

Mengenai *missed opportunity*, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memang berkata memang diakui bahawa pelancongan adalah aktiviti yang penting yang memberi *spin-off* kepada sektor ekonomi lain, ia menjana pekerjaan tempatan. KSSUP akan terus bekerja keras dan bekerjasama dengan kementerian dan agensi lain untuk mengukuhkan lagi infrastruktur, perkhidmatan untuk promosi pelancongan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Galakkan belia ceburi bidang pertanian



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan bahawa bermacam-macam program telah disediakan untuk melibatkan belia, seperti projek Skim Belia Bertani dan untuk yang sudah berkecimpung dan

Oleh: Nurul Rasyidah Mohamad Roslan
Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

diajar bertani, di samping itu, ditolong dari segi *business plan*nya dan juga sumber kewangan dicarikan.

Penjelasan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai perancangan bagi graduan-graduan yang mengikuti kursus pertanian Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

"Skim BIBD dan TAIB, di mana masa ini *we'll work together* dengan sektor kewangan termasuk Bank Usahawan, di mana pihak Jabatan Pertanian bekerjasama dengan bank-bank ini untuk menyediakan sumber kewangan," ujar Yang Berhormat pada sesi petang hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN.

Semua kewangannya,

tambah Yang Berhormat, akan ditanggung sendiri oleh pihak bank dengan tunjuk ajar pengurusan kewangan oleh bank dan di samping itu juga dari segi teknikal, pihak Jabatan Pertanian akan membuat penilaiannya.

Yang Berhormat juga menyatakan, pada masa ini, fasa pertama 10 orang belia telah dipilih untuk mengikuti program ini.

Di samping itu juga, dari segi *adoption* teknologi, ini pun ada bantuan dari pihak kerajaan untuk menggalakkan para-para pengusaha terutama sekali kepada belia untuk menggunakan teknologi.

Tambah Yang Berhormat lagi, ini adalah satu kerjasama antara Jabatan Pertanian dan juga pihak DARE, *co-matching grant*.

"So apa saja aktiviti seperti penggunaan teknologi, pemakaian *solar* di ladang-ladang pakai IoT.

"Ini akan dibiayai dengan

kerjasama *co-matching grant* pihak DARE," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa di tahun kebelakangan ini sebanyak 155 orang belia sudah berkecimpung dalam projek ini.

"Memang belia ini menjadi tumpuan kerana belia ini penting.

"*Kitani* pun faham kalau belia ini jika *style* bercangkul tidak *bisdia* minat, itulah teknologi sebagai bahan penarik untuk *bisdurang* ikut serta dalam industri Pertanian.

"Jadi, *we rebrand it* kepada *agro-entrepreneurs rather than petani, penternak*," ujar Yang Berhormat.

Mengenai usaha atau inisiatif kerajaan bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran para graduan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya, Yang Berhormat menjelaskan pada masa ini, pihak Kementerian bekerjasama dengan pihak UNISSA untuk menggiatkan lagi projek *tissue culture* ini.

"Adalah diharapkan dengan kerjasama ini akan dapat

mendorong lepasan-lepasan graduan (UNISSA) akan dapat berkecimpung dalam pengeluaran biji benih melalui *tissue culture* ini," ujar Yang Berhormat

Namun, tambah Yang Berhormat jika kiranya *bisdurang* ini mengeluarkan *tissue culture* sendiri, itu tidak akan menguntungkan sepenuhnya.

"Jadi kiranya mereka berusaha, pihak Jabatan Pertanian akan gigih membantu *bisdurang* untuk membuka ladang sendiri jua.

"So, *cash* nya itu dari ladang jua untuk menjana pendapatan *bisdurang* dan supaya mereka mendapat mata pencarian yang *sustainable*," jelas Yang Berhormat

Inilah inisiatif yang diunkayahkan oleh pihak Kementerian bekerjasama dengan pihak UNISSA untuk *promote* penggunaan *tissue culture* sebagai sumber untuk pengeluaran biji-biji benih terutamanya kepada peniaga lepasan-lepasan graduan daripada UNISSA ataupun IBTE.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



'BIOSECURITY' LADANG DIPERKUKUHKAN



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata antara inisiatif

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

yang telah dibuat pada masa ini untuk mengelakkan industri pertanian dan perikanan menurun ialah dengan mengukuhkan lagi *biosecurity* ladang.

Pada sesi petang hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjelaskan, pengurusan ladang perlu dikukuhkan lagi untuk mengelakkan sebarang penyakit dapat menyerang ke ladang tersebut.

Perkara itu dijelaskan bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji

Ibrahim.

Tambah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, ini satu inisiatif yang dibuat oleh pihak Jabatan Perikanan untuk mengukuhkan lagi *biosecurity* ladang-ladang di negara ini.

"Di samping itu juga, untuk meningkatkan lagi *production* masa ini, kerana kalau dilihat *production* kitani *self-sufficiency* ini, *it will not grow*," terang Yang Berhormat.

Usaha pihak Jabatan dan Kementerian sama ada Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian ialah untuk memastikan bahawa bukan sahaja *kitani self-sufficient* malah berlebihan untuk dieksport.

"Dengan adanya eksport itu, *our production will grow continuously*.

Kerana bukan limit dengan *demand* dalam negeri. Ini dengan adanya eksport market seperti telur akan dikembangkan.

"Sekarang ayam pun dan juga barang-barang berasaskan daging *after negotiation* akan dapat dieksport di Singapura, ke China.

"Dengan eksport ini, Yang Berhormat berkata akan dengan sendirinya menghilangkan limit untuk kitani *produce*. Jadi *we will be able to produce more than what we can consume*. Jadi apa lebih dieksport ke Singapura, ke China ataupun ke Sarawak, Sabah dan juga Malaysia," jelas Yang Berhormat lagi.

Tambahnya lagi, ini antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memastikan bahawa *kitani* punya syarikat-syarikat terus

berkembang, tidak *stagnant*. Itulah pendapat pendekatan yang diambil untuk memastikan *we grow our food industry* secara berterusan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BDFA berperanan majukan, memudah cara perkembangan industri makanan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof pada Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang diteruskan berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, petang tadi menyentuh mengenai memperluaskan pelbagai produk dalam sektor makanan dan ke arah penggunaan teknologi.

Justeru, Yang Berhormat Pehin telah memohon penjelasan mengenai pelaksanaan Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) dalam memastikan keselamatan dan kualiti

makanan serta peranannya dalam piawaian dan pengesahan di peringkat antarabangsa.

Dalam pada itu, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan bahawa BDFA, mungkin bukan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) tapi BDFA katanya memainkan peranan penting dalam memajukan dan memudah cara perkembangan industri makanan di negara ini.

"Walaupun BDFA bukan di bawah kementerian abis kaola, tetapi *we are working closely with them* dari segi *inspection, ensuring food safety, ensuring food hygiene and training of operators*. Semua dilaksanakan oleh pihak BDFA dan mereka juga memberikan *certification*," jelas Yang Berhormat Dato.

Tambahnya jika hendak menjalankan *business* di sini atau hendak mengeksport, pihak BDFA memainkan peranan penting, mereka mempunyai piawaian mereka, yang mematuhi piawaian antarabangsa dan mempunyai pensijilan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa pengimport lain.

Jadi, mereka ini terang Yang Berhormat, memang penting dalam usaha untuk memajukan industri pemakanan, di samping mereka bekerjasama rapat dengan KSSUP bagi menjayakan objektif kementerian.

Dalam pada itu, Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar turut menambah mengenai BDFA seperti yang diterangkan adalah BDFA yang dahulu di bawah dua kementerian iaitu Kementerian Kesihatan dan KSSUP.

"Kemudian ia disatukan sebagai BDFA untuk memudahkan orang ramai berurusan, di mana sebelum BDFA ini disatukan sebagai satu badan berkanun mereka ada *board of directors*, ada CEO sendiri," jelas Yang Berhormat lagi.

Walau bagaimanapun, kementerian yang bertanggungjawab terhadapnya ialah Kementerian Kesihatan, tapi dalam masa yang sama bekerja rapat dengan MPRT.

"Tujuannya di sini, seperti kaola nyatakan tadi adalah untuk memudahkan cara berurusan. *There is only one enforcement to control the food safety*. Jadi piawaian mereka mengikut piawaian antarabangsa dan ia tertakluk kepada negara yang dieksport. Ada *certain* negara seperti European or China dan sebagainya memerlukan *specific test for the food* sebab ia berbeza di sana," jelas beliau lagi.

Tambahnya, Kementerian Kesihatan melalui Department Scientific Services akan memudahkan proses dari segi penganalisaan bahan-bahan kimia atau *trace metals* dan sebagainya.

Oleh: Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

Selain daripada itu katanya, pada masa ini ada akta yang sedang digubal mengenai *food safety* yang insyaaAllah mungkin akan selesai dalam masa terdekat, di mana dengan adanya *food safety* yang baharu ini, ia akan memastikan semua pengusaha makanan akan mengikut undang-undang yang akan disediakan di bawah *food safety*, jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi.

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.



ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



INISIATIF BERSKALA BESAR MEMAJUKAN PRODUKTIVITI PEMBANGUNAN NEGARA



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Memasuki hari keenam Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diteruskan petang tadi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini beberapa soalan dan cadangan diutarakan dalam membincangkan belanjawan Kementerian Sumber-

Oleh: Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Antara yang menjadi perhatian Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof ialah perlunya menerokai inisiatif yang berkesan dengan skala besar dan teknologi tinggi yang mampu memberi kesan positif terhadap pembangunan negara, meningkatkan sekuriti makanan, serta menubuhkan industri hiliran.

Menjawab mengenai perkara itu Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan pelbagai usaha telah diungkayahkan bagi memajukan pelbagai industri pembangunan dan produktiviti di negara ini, antaranya termasuklah industri makanan, hasil produktiviti semaian, penggunaan teknologi, pasaran eksport dan sebagainya. Antara yang diulas oleh Yang

Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ialah produktiviti *value chain* dengan mencari jenis-jenis benih yang mempunyai potensi yang tinggi dan kualiti yang bagus untuk disemai dan dihasilkan produknya ditambah dengan



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

penggunaan teknologi yang intensif untuk meningkatkan produktiviti negara.

Berkenaan mendorong pengusaha-pengusaha untuk berkembang terangnya, kementerian dan jabatan-jabatan di bawah KSSUP sudah memang ada Skim Rintis untuk memulakannya, dengan mengisi borang permohonan untuk dipertimbangkan dan insyaaAllah kurang daripada dua minggu akan dapat diberikan kawasan untuk diusahakan sebagai rintis.

Di samping itu jika sekiranya *existing farm* ini berjaya tambah Yang Berhormat lagi, maka ada skim yang dikenali sebagai skim *expansion* di mana ladang-ladang yang sudah berjaya boleh memohon menambah ladang lagi melalui skim tersebut.

"Ini adalah proses *straightforward* untuk menggalakkan orang-orang yang mempunyai ladang yang sudah maju, yang sudah *fully utilised* untuk ladang itu di*expand*. Itu memang sudah ada proses dan

skimnya," ujar Yang Berhormat lagi.

Berkenaan dengan beberapa buah syarikat yang sudah berjaya menembusi pasaran eksport ujarinya, alhamdulillah dari sejak November 2022 hingga sekarang, terdapat sebuah syarikat ternakan baharu telah mula mengeksport telur ayam ke Singapura dan adalah diharapkan dalam masa setahun ini akan ada sebuah tambahan syarikat untuk dapat mengeksport telur ayam ke luar negeri.

Menyentuh mengenai *meat-based*, terdapat tiga syarikat tempatan *meat-based process* yang telah berjaya mengeksport ke luar negeri.

Di samping itu, ada dua syarikat berjaya dalam agrifood seperti membuat biskut dan komponen kopi dan teh yang menjadikan jumlah semuanya mungkin ada enam atau tujuh syarikat yang telah berjaya mengeksport produk mereka dalam masa setahun ini, jelas Yang Berhormat lagi.

Teknologi rumah hijau mampu tingkatkan kualiti produktiviti



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Pada Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis petang tadi Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck telah mencadangkan kaedah penanaman rumah hijau sebagai kaedah penanaman bagi pelbagai jenis tanaman dalam satu ladang.

Dan beliau juga seterusnya menekankan bagi memanfaatkan kajian dan penyelidikan untuk meningkatkan produktiviti, selain turut menggalakkan penggunaan baja kompos sebagai alternatif yang murah dalam isu subsidi baja.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin terdahulu menjawab berkenaan dengan infrastruktur ladang, yang memang menjadi tumpuan terutama sekali dalam RKN Ke-12 ini yang akan menyediakan infrastruktur asas.

Jadi dengan adanya infrastruktur asas seperti yang telah dinyatakan tadi jelas Yang Berhormat Dato, membolehkan kita menyediakan, adaptasi teknologi-teknologi seperti rumah hijau, serta boleh meningkatkan lagi usaha dengan mengambil kaedah penanaman *mix cropping*.

"Ini akan meningkatkan lagi kualiti dan juga produktiviti terutama sekali meningkatkan lagi *value* kepada ladang-ladang tersebut," jelasnya.

Dari segi FDI pula terangnya, semua usaha telah dibuat dengan pihak BDEB untuk menarik FDI dari segi pertanian, namun ia mencabar berbanding dengan sektor perikanan yang sudah banyak FDI dari luar negeri seperti Barramundi, Hiseaton, Pure Fresh.

Walau bagaimanapun menurut Yang Berhormat lagi, pada masa ini FDI di bawah pertanian ialah Superfish dari Malaysia.

"Usaha telah dibuat, kaola sendiri telah pun pergi ke Thailand untuk mencari syarikat-syarikat juga. Tetapi salah satu cabarannya mereka mengatakan ladang-ladang kita kecil dan kos

tinggi berbanding negara-negara jiran. Tetapi walau bagaimanapun, usaha telah dibuat untuk menarik pelabur asing melalui pakej-pakej yang disediakan untuk ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang dikenal pasti FDI," ujar Yang Berhormat lagi.

Berkenaan cadangan dengan baja kompos Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersetuju dengan cadangan tersebut memandangkan masa ini konsep *regenerative agriculture* akan diperkenalkan di negara ini di mana akan mengurangkan lagi, dengan mengambil kira *long term benefit* kepada pertanian dari segi produktiviti, kemampanan, dan alam sekitar.

"Itulah hala tuju pihak Kementerian ini dari segi pertanian," jelas Yang Berhormat.

Dengan adanya *regenerative agriculture* akan menggunakan bahan-bahan organik natural seperti yang dinyatakan tadi baja kompos, dikurangkan baja *chemical*, ditambah baja kompos kerana baja kompos ini lebih mesra alam berbanding dengan baja-baja kimia.

Berkenaan dengan turun padang Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata beliau sering mengadakan lawatan untuk melawat ladang-ladang, sekurang-kurangnya tiga ke empat ladang untuk mengetahui sebarang masalah yang dihadapi, bagaimana cara

Oleh: Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

untuk mengatasinya.

Dengan cara ini dapatlah pihak-pihak Kementerian dan Jabatan Pertanian mengetahui dan menangani isu-isu tersebut.

"Itu memang sudah dilaksanakan setiap Sabtu sekurang-kurangnya 3, 4 ke 5 ladang telah dilawati. Tapi ladang ini 1000 lebih, jadi kalau setahun tidak habis untuk dilawati. Jadi dicari di mana *location-location* yang strategik yang difikirkan penting yang perlu dilawati yang mempunyai isu-isu yang mungkin dapat ditolong dan ditangani. Itu sudah memang menjadi tradisi pihak Kementerian di mana kita turun padang terutama sekali hari Sabtu," ujar Yang Berhormat lagi.

Menyentuh mengenai kolaborasi dengan pusat-pusat penyelidikan katanya, itu memang sudah dibuat.

"Seperti UBD, UTB, UNISSA dan *international research centre* dan *education centre* untuk mengetahui lebih lanjut lagi berkenaan dengan dapatan-dapatan terkini dari segi pertanian.

"Itulah sebabnya kita dapat baja, benih-benih yang bagus sekiranya perikanan, padi dan juga beberapa jenis-jenis buah-buahan dibawa ke sini disebabkan oleh kolaborasi dengan institusi-institusi *innovation* dan *research* bukan saja dalam negeri dan juga luar negeri," terangnya.



ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



KERJASAMA SEPADU MEMBANGUN INDUSTRI KOTEJ DI KAMPONG AYER

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berkata, Rancangan Kemajuan Negara (RKN) BND50 juta Kampung Ayer merupakan projek membuat prasarana mikro industri kotej.

Ketika menjawab soalan yang diajukan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai peruntukan dana BND50 juta untuk pemulihan semula Kampung Ayer

dan IT System, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan, walaupun tidak ada satu-satu permohonan projek, sebagai contoh kalau dilihat di sepanjang Sungai Brunei dan dermaga, memang industri kotej boleh dibangunkan di sana, dan ini memerlukan kerjasama dengan *the business community*.

Pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya menjelaskan, seperti di Kuala Belait, memang sudah ada usaha untuk menghidupkan pasar Seria.

Menurut Yang Berhormat, perkara itu sudah dirundingkan dengan peniaga-peniaga yang

bertamu di Tutong, lepas itu boleh bertolak ke Seria, lepas itu di Belait pada hujung minggu, dan usaha-usaha juga telah

dilaksanakan. Jadi, terpulang kepada pengusaha-pengusaha ini untuk mengambil peluang-peluang yang diberikan oleh kerajaan.

Ke arah sistem pengurusan kebersihan lebih efektif

BERAKAS, Isnin, 4 Mac. - Jabatan Bandaran akan menggunakan mesin-mesin yang berteknologi sebagai contoh untuk membersihkan di kawasan-kawasan, sama ada menggunakan *vacuum pump* atau sebagainya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menyatakan perkara itu semasa mengulas cadangan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @

Tekpin bin Ya'akub mengenai sistem pengurusan dan kemudahan kebersihan yang lebih efektif.

Pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya menjelaskan, perkara itu adalah salah satu daripada inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Bandaran.

Berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang Yang Berhormat menyatakan, di bawah Section 186 Penal Code Chapter 22, mana-mana orang yang menghalang kakitangan kerajaan menjalankan tugas-tugasnya adalah salah dan boleh dihukum penjara sehingga tiga bulan dan didenda sehingga BND2,000 atau kedua-duanya sekali.

Tambah Yang Berhormat lagi, pada masa ini ada sebahagian sahaja yang diterima berkenaan dengan menghalang tugas-tugas pegawai kerajaan melaksanakan tugas mereka.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Pelancongan domestik terus dipertingkatkan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

BERAKAS, Isnin, 4 Mac. - Menceriakan kawasan Lembaga Bandaran memang hasrat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), sebagai contoh

Bandarku Ceria, KBku Ceria, Temburong Bisai, itu adalah usaha-usaha di peringkat jabatan daerah untuk menceriakan bandar di daerah masing-masing.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan perkara itu semasa menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang bagi hari kelima, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Di Tutong baru-baru ini jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, telah diadakan Tutong Satay Festival, yang mana aktiviti ini adalah

kerjasama dengan penghulu mukim dan ketua kampung, Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memastikan daerah masing-masing *vibrant* sama ada di hujung minggu ataupun hari-hari yang tertentu.

Berkenaan dengan cadangan Status Action Plan petak bangunan dalam bangunan khusus bumiputera Yang Berhormat menjelaskan, ada beberapa petak sebagai contoh di kawasan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan ada dua bangunan kosong memang sudah dirundingkan dengan pihak-pihak yang tertentu seperti kementerian-kementerian lain.

"Ini usahanya untuk memastikan anak tempatan melaksanakan ataupun *menjelamai* bangunan itu untuk bisnes mereka. Memang diutamakan anak-anak tempatan dan sudah berunding dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) untuk penjualan tiket penumpang perahu, itu masih dalam perundingan.

"Jadi ini adalah salah satu inisiatif KHEDN dengan kolaborasi KSSUP untuk memudahkan pelancong-pelancong ataupun orang-orang kita sendiri untuk *domestic tourism*," ujar Yang Berhormat lagi.



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan berkenaan.

"INI usahanya untuk memastikan anak tempatan melaksanakan ataupun *menjelamai* bangunan itu untuk bisnes mereka. Memang diutamakan anak-anak tempatan dan sudah berunding dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) untuk penjualan tiket penumpang perahu, itu masih dalam perundingan.

"Jadi ini adalah salah satu inisiatif KHEDN dengan kolaborasi KSSUP untuk memudahkan pelancong-pelancong ataupun orang-orang kita sendiri untuk *domestic tourism*," ujar Yang Berhormat lagi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MEMASTIKAN ANAK TEMPATAN 'JOB READY'

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

orang, 17,000 orang, diikuti dengan sektor perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan dan motosikal, 13,391 orang, sektor aktiviti penyediaan tempat tinggal perkhidmatan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman ketika menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai analisis terperinci mengenai tenaga pekerja tempatan dan pekerja

asing.

Pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya menjelaskan, analisis-analisis berkenaan dikongsikan dengan JobCentre Brunei dan Manpower Planning and Employment Council (MPEC).

Setiap permohonan lesen pekerja asing tambah Yang Berhormat, adalah melalui proses-proses untuk memberikan orang Brunei, anak tempatan bekerja di sektor-sektor swasta.

"Dan berkenaan dengan Human Development Fund sama ada memang di bawah MPEC mungkin, nanti Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebagai pengerusi Manpower Planning and Employment

Council boleh menghuraikan berkenaan dengan dana-dana yang disediakan tetapi itu untuk *upskilling* anak-anak tempatan untuk memastikan mereka ini *job ready* sebagai contoh SPIN Program untuk memastikan *accountancy*, program-program akauntan untuk orang Brunei dapat mengendalikan perkara-perkara berbentuk akauntan," ujar Yang Berhormat lagi.

Menyentuh mengenai *levy*, Yang Berhormat berkata, perkara ini sudah dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan dan apa saja hasil dan keputusannya nanti akan dikongsikan di platform

yang bersesuaian.

Yang Berhormat turut mengongsikan mengenai inisiatif kerajaan iaitu mengenakan *minimum wage* kepada pekerja tempatan, yang mana ia sudah diperkenalkan di dua sektor dan akan dilartakan di sektor lain, bagi membantu pekerja-pekerja untuk mendapatkan gaji yang berpatutan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Isu pengisian jawatan Pegawai Daerah dibincangkan

"MEMANG undian Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ini akan diadakan dalam masa seminggu. Ia tutup pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, kemudian hari Ahad barulah mengundi. Ia dibuka kepada orang kampung untuk datang mengundi dan jumlah orang yang datang mendaftar itulah yang dikira.

"Kalau kitani ikut *ratio* penduduk sesebuah kampung itu, tidak berisi jawatan ketua kampungnya Yang Berhormat Pengerusi. Kalau kitani lihat dari segi jumlah penduduknya dengan berapa peratus pengundiannya. Sebab itulah dibukakan dalam masa seminggu untuk mereka mendaftar sebagai pengundi dan hari Ahad itu dibuat cabutan undi," ujar Yang Berhormat lagi.

BERAKAS, Isnin, 4 Mac. - Isu mengenai *timeline* jawatan memangku Pegawai Daerah memang tidak ada, tetapi yang penting mereka memenuhi syarat-syarat untuk ditetapkan jawatan dan perkara itu adalah di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menyatakan perkara itu menjawab soalan yang ditanyakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh

Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai status pemegang jawatan Pegawai Daerah, Penghulu dan Ketua Kampung yang masih dalam kategori memangku jawatan, pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN

bersidang bagi hari kelima, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lagi, tindakan-tindakan yang tertentu sudah diambil untuk pengisian jawatan yang mereka pangku tetapi tidak semestinya mereka yang memangku ini tidak tinggal di daerah-daerah.

Menyentuh mengenai jumlah pengundi yang turun untuk membuat pemilihan Penghulu dan Ketua Kampung, Yang Berhormat menjelaskan, dari segi kekosongan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, ini ada hubung kaitnya dengan memastikan jumlah pengundi.

"Memang undian Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ini akan diadakan dalam masa seminggu. Ia tutup pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, kemudian hari Ahad barulah mengundi. Ia dibuka kepada orang kampung untuk datang

mengundi dan jumlah orang yang datang mendaftar itulah yang dikira.

"Kalau *kitani* ikut *ratio* penduduk sesebuah kampung itu, tidak berisi jawatan ketua kampungnya Yang Berhormat Pengerusi. Kalau *kitani* lihat dari segi jumlah penduduknya dengan berapa peratus pengundiannya. Sebab itulah dibukakan dalam masa seminggu untuk mereka mendaftar sebagai pengundi dan hari Ahad itu dibuat cabutan undi," ujar Yang Berhormat lagi.

Mengenai isu berkenaan rumah panjang, Yang Berhormat menjelaskan, pada masa ini terdapat tiga orang dalam kalangan Ketua Rumah Panjang Daerah Belait yang perkhidmatan mereka diteruskan dalam mana tempoh perkhidmatan mereka boleh dilanjutkan tertakluk keadaan kesihatan mereka.

Walau bagaimanapun menurut Yang Berhormat, Kementerian memantau Ketua Rumah Panjang ini sama ada jawatan ini dikekalkan.

Ada juga jawatan Ketua-ketua Rumah Panjang di Daerah Tutong dan Temburong jelas Yang Berhormat, telah ditiadakan yang mana pentadbiran hal ehwal penduduk yang tinggal di rumah panjang telah pun diberikan tanggungjawab kepada Ketua-ketua Kampung di mana kedudukan rumah-rumah panjang tersebut di kampung yang berkenaan.

SEBAHAGIAN daripada penuntut yang hadir pada persidangan tersebut.



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MENAIK TARAF PERKHIDMATAN POS-POS KAWALAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Bermula 1 April akan diadakan Facility Management kepada dua pos kawalan yang diharap akan meningkatkan dari segi-segi kebersihan yang ada di pos-pos kawalan imigresen di Sungai Tujoh, Labu, Kuala Lurah dan Ujung Jalan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menjawab pertanyaan mengenai dengan mengenai menaik taraf pos-pos kawalan imigresen

berkenaan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

"Secara *ad hoc*, mana-mana kerosakan yang terdapat di pos-pos kawalan memang dibaiki mengikut peruntukan-peruntukan yang telah disediakan. InsyaaAllah peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara untuk *revamp* kawalan itu untuk lebih kondusif,"

tambah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan mengenai *tabuk-tabuk* ataupun jendela-jendela untuk menyerahkan pasport ini sebenarnya *internal*, iaitu kebersihan secara dalaman dari pos-pos kawalan memang sudah ada *contract* pembersihan diadakan di pos-pos kawalan tersebut.

Sementara mengenai masalah *queue* panjang semasa bulan Disember semasa cuti sekolah, Yang Berhormat menjelaskan kaunter-kaunter perkhidmatan memang ditambah kuantitinya tetapi *proximity* antara pos-pos kawalan dengan negara jiran memang hampir, jadi *queue* itu memang sampai enam ke tujuh jam.

"Perkara ini memang dipantau dari semasa ke semasa pada hari itu juga Yang Berhormat Pengerusi, jadi ertinya kalau sudah bertemu kereta itu sebelah-sebelah, tidak dapat lagi dilaksanakan, tapi kaunter yang dibuat ditambah di pos-pos kawalan itu enam ke tujuh *counter exit* ertinya keluar, ertinya



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

ikut keperluan semasa itu, kalau sekiranya masa orang masuk ramai, *then counter* untuk ketibaan itu akan ditambah," kongsi Yang Berhormat.

Dari segi pendekatan menyeluruh kerajaan dan juga dari segi imigresen untuk memudahkan orang masuk ke Negara Brunei Darussalam telah diberikan fasiliti dari segi *visa waiver*, pos-pos kawalannya sebagai contoh di lapangan terbang dan juga di lapangan terbang akan dilengkapi dengan e-Gate.

"PERKARA ini memang dipantau dari semasa ke semasa pada hari itu juga Yang Berhormat Pengerusi, jadi ertinya kalau sudah bertemu kereta itu sebelah-sebelah, tidak dapat lagi dilaksanakan, tapi kaunter yang dibuat ditambah di pos-pos kawalan itu enam ke tujuh *counter exit* ertinya keluar, ertinya ikut keperluan semasa itu, kalau sekiranya masa orang masuk ramai, *then counter* untuk ketibaan itu akan ditambah," kongsi Yang Berhormat.

Kesejahteraan rakyat, penduduk sentiasa dipelihara



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad berkata Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama-sama dengan agensi-agensinya yang berkenaan akan terus memberikan bantuan - bantuan yang diperlukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata demikian bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato

Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman mengenai kementerian yang bertanggungjawab menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk sama ada di bandar atau di kampung-kampung.

"Salah satu tatacara yang disediakan adalah dengan menyediakan iaitu panggilan Hotline iaitu panggilan kebajikan 141 yang disediakan oleh JAPEM adalah bertujuan untuk memberikan ruang perkhidmatan yang lebih baik dan efisien serta bantuan kepada klien-klien atau pelanggan-pelanggan yang

bermasalah khususnya dalam kes-kes penderaan, pengabaian, perlindungan, eksploitasi, khidmat masalah-masalah keluarga termasuklah isu-isu yang melibatkan hal-hal keperluan makanan dan juga permohonan bantuan segera kewangan bagi keluarga yang miskin," jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi pada hari kelima yang berlangsung petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Keperluan tempat tinggal dan membaiki rumah jelas Yang Berhormat adalah beberapa perkara yang sering diterima oleh KKBS melalui JAPEM dan ia ditangani dengan jawatankuasa - jawatankuasa yang telah pun sudah diadakan untuk meneliti permohonan - permohonan seperti ini.

Namun demikian, di mana ada keperluan-keperluan yang mendadak dari segi keperluan perumahan, dari segi bantuan kewangan, bantuan makanan, ia tetap disediakan.

"Sebagai contoh, apabila mangsa-mangsa terlibat

dalam kebakaran atau rumah roboh, alternatif tempat tinggal disediakan dengan seberapa segera di tempat-tempat yang dipanggil rumah tumpangan ataupun rumah sementara dan bantuan-bantuan kewangan akan segera dihulurkan kepada mangsa-mangsa yang memerlukan bantuan seperti ini," ujar Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat seterusnya mengongsikan mengenai dengan bantuan makanan secara *ration* juga disediakan bagi mangsa-mangsa yang memerlukan bantuan seperti ini.

"SALAH satu tatacara yang disediakan adalah dengan menyediakan iaitu panggilan Hotline iaitu panggilan kebajikan 141 yang disediakan oleh JAPEM adalah bertujuan untuk memberikan ruang perkhidmatan yang lebih baik dan efisien serta bantuan kepada klien-klien atau pelanggan-pelanggan yang bermasalah khususnya dalam kes-kes penderaan, pengabaian, perlindungan, eksploitasi, khidmat masalah-masalah keluarga termasuklah isu-isu yang melibatkan hal-hal keperluan makanan dan juga permohonan bantuan segera kewangan bagi keluarga yang miskin," jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi pada hari kelima yang berlangsung petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PERKONGSIAN MENANGANI BANGUNAN KOSONG, TERBIAR

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Satu jawatankuasa untuk menangani bangunan-bangunan kerajaan yang kosong telah dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Kementerian Pembangunan serta urus setia jawatankuasa ini terdiri daripada Jabatan Kerja Raya. Salah satu di antara terma

rujukan jawatankuasa ini adalah untuk menangani bangunan-bangunan kerajaan yang kosong.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan perkara tersebut pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung hari ini di Dewan Persidangan MMN, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa daripada perkiraan terdapat sebanyak 5,639 bangunan kerajaan dan daripada 1,000 daripada bangunan-bangunan ini adalah kosong termasuklah berek-berek, rumah-rumah pangsa dan juga rumah-rumah banglo kerajaan ada yang sudah lama terbiar dan tidak dihuni lagi.

Daripada penilaian dan pertimbangan jawatankuasa sejauh ini, sebanyak 639 bangunan-bangunan kerajaan

“DAN selain daripada itu, di satu lokasi yang lain di kawasan Bandar Seri Begawan, ada satu bangunan yang sudah disasarkan untuk diroboh kerana dilihat bukan sahaja ia *kitani an eyesore*, tempat itu dilihat membahayakan kerana telah berlaku kebakaran sebelum ini.

“Bahagian urus setia jawatankuasa ini telah merujuk perkara ini mencari siapa tuan punya rumah bangunan itu dan bangunan itu telah dihantar surat notis dan amaran supaya mengambil tindakan untuk meroboh bangunan itu,” tambah Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Namun, atas beberapa sebab perkara yang tidak dapat dielakkan dan menjadi satu kesulitan ialah tidak ada respons daripada pemilik bangunan itu untuk meroboh.

yang kosong ini telah dirobohkan dan pada masa ini, sebanyak 213 buah bangunan sedang diperiksa di dalam penelitian untuk dibuatkan keputusan sama ada ia masih lagi utuh untuk dibaik pulih ataupun sebaliknya adalah untuk diroboh.

Sebagai satu contoh ada juga terdapat beberapa bangunan seperti bangunan-bangunan kedai yang sudah lama terbiar antaranya ialah satu bangunan di Jalan Pemancha di belakang Grand Stand, Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin yang telah diroboh pada tahun lepas 2023 kerana bangunan itu sudah didapati lama dan usang dan tidak ada pertimbangan untuk memulihkan bangunan itu untuk diperbaiki.

Bangunan-bangunan itu, tanah-tanahnya jelas Yang Berhormat ialah daripada tanah-tanah *leased* yang sudah mansuh dan tidak ada pembaharuan yang dibuat. Jadi keputusan telah dibuat untuk meroboh bangunan-bangunan tersebut.

“Dan selain daripada itu, di satu lokasi yang lain di kawasan Bandar Seri Begawan, ada satu bangunan yang sudah disasarkan untuk diroboh kerana dilihat

bukan sahaja ia *kitani an eyesore*, tempat itu dilihat membahayakan kerana telah berlaku kebakaran sebelum ini.

“Bahagian urus setia jawatankuasa ini telah merujuk perkara ini mencari siapa tuan punya rumah bangunan itu dan bangunan itu telah dihantar surat notis dan amaran supaya mengambil tindakan untuk meroboh bangunan itu,” tambah Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Namun, atas beberapa sebab perkara yang tidak dapat dielakkan dan menjadi satu kesulitan ialah tidak ada respons daripada pemilik bangunan itu untuk meroboh.

Perkara ini telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara bagi melihat dari segi undang-undang, kalau dapat dibolehkan dan pihak JKR sendiri akan mengambil tindakan untuk meroboh bangunan itu dan kos untuk merobohkan itu akan dihadapkan kepada pemilik bangunan tersebut.

“Itu adalah antara usaha yang dibuat melalui jawatankuasa untuk menangani bangunan-bangunan yang usang, roboh dan mencemarkan pandangan *kitani* di kawasan bandar. Penjelasan

ini bukanlah satu penyelesaian keseluruhan, cuma untuk mengongsikan secara umum usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan melalui jawatankuasa,” ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan mengenai persoalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman tentang bangunan-bangunan kerajaan yang kosong dan terbiar.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

“ITU adalah antara usaha yang dibuat melalui jawatankuasa untuk menangani bangunan-bangunan yang usang, roboh dan mencemarkan pandangan *kitani* di kawasan bandar. Penjelasan ini bukanlah satu penyelesaian keseluruhan, cuma untuk mengongsikan secara umum usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan melalui jawatankuasa,” ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan mengenai persoalan yang diutarakan oleh oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman tentang bangunan-bangunan kerajaan yang kosong dan terbiar.

Pelbagai inisiatif bantu Sektor Pelancongan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan bahawa Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) terdapat beberapa inisiatif telah pun diunkayahkan bagi menarik lebih ramai orang tempatan untuk berbelanja di samping menarik pelancong asing ke negara ini.

Antaranya ialah dengan penganjuran Kenali Negara Kitani. Program Kenali Negara Kitani ialah bagi mempromosikan dan meningkatkan kesedaran akan produk-produk pakej tempatan di negara ini.

Penjelasan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman mengenai usaha kerajaan untuk menarik orang tempatan dan juga orang asing untuk berbelanja di dalam negara dan juga untuk melancong di dalam negara semasa hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung hari ini di Dewan Persidangan MMN, di sini.

Pihak KSSUP dengan kerjasama pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengunkayahkan Brunei December Festival termasuk Brunei Local Products Expo yang selalunya diadakan pada hujung tahun Disember semasa cuti sekolah.

Begitu juga, mengadakan Mid-Year Conference and Exhibition yang dianjurkan pada pertengahan bulan Jun. KSSUP juga mengadakan kerjasama dengan restoran-restoran dan hotel-hotel sekarang iaitu mengadakan Brunei Gastronomy Festival 2024.

Menurut Yang Berhormat,

pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga mengadakan Salesbration pada hujung tahun dan juga SME Festival semata-mata untuk menarik orang ramai berbelanja di negara sendiri.

Di samping untuk mempromosikan produk-produk tempatan yang ada. Itulah antara sebahagian daripada usaha baik kerajaan bagi menarik lebih ramai lagi orang Brunei ini berbelanja di sini di samping, mengenali negara *kitani* dengan *domestic tourism* dan seterusnya akan lebih menarik pelancong-pelancong asing ke negara ini,” jelas Yang Berhormat.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



HALA TUJU RUMAH PERSINGGAHAN MEMANG TERSEDIA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan hala tuju *rest house* memang disediakan dan di bawah kawalan Jabatan Daerah tetapi ia berbentuk subsidi untuk orang ramai tinggal ataupun untuk pegawai-pegawai kerajaan tinggal dan menjadi saingannya adalah hotel dan sebagainya.

Di Daerah Tutong hanya mempunyai dua buah untuk menempatkan pegawai kerajaan bagi Pegawai Pentadbir dan

Penolong Pegawai Daerah manakala di Daerah Temburong hanya terdapat sebuah yang diserahkan semula oleh KDT.

Perkara tersebut dijelaskan bagi menjawab pertanyaan mengenai dengan hala tuju dan fungsi rumah-rumah persinggahan (*rest house*) yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Berkenaan dengan membaik pulih dewan-dewan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan terdapat 12 buah dewan yang sudah diperbaiki dan juga yang pembaikan ini mengikuti keutamaannya seperti Dewan Serbaguna Kampung Merangking.

"Memang perkara ini sudah pun dilawat bersama Ahli-ahli MMN di tempat berkenaan, jadi kesesuaian

untuk *mengusai* ataupun dan sebaliknya perlu dilihat dari segi kosnya sendiri sama ada ia akan digunakan sebaik-baiknya," jelas Yang Berhormat.

Ini tambah Yang Berhormat lagi memang dalam perancangan Jabatan Daerah, terdapat senarai dewan-dewan untuk diperbaiki dan akan *diusai*, Yang Berhormat Pengerusi. Juga ada dimasukkan tadi jeti di Mukim Sukang, pentas persembahan di Taman Jubli Perak itu juga sudah dalam perancangan Jabatan Daerah termasuk Jabatan Daerah Belait.

Sementara itu, mengenai SOP

membawa banduan untuk ke klinik ataupun pusat-pusat kesihatan, setentunya memang ada. SOP ini jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai contoh pegawai pengiring kepada banduan berkenaan dan keluar daripada penjara, masuk kepada klinik-klinik kesihatan memang dikawal secara ketat, dari segi keselamatan orang awam juga diambil kira.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

"MEMANG perkara ini sudah pun dilawat bersama Ahli-ahli MMN di tempat berkenaan, jadi kesesuaian untuk *mengusai* ataupun dan sebaliknya perlu dilihat dari segi kosnya sendiri sama ada ia akan digunakan sebaik-baiknya," jelas Yang Berhormat.

Ini tambah Yang Berhormat lagi memang dalam perancangan Jabatan Daerah, terdapat senarai dewan-dewan untuk diperbaiki dan akan *diusai*, Yang Berhormat Pengerusi. Juga ada dimasukkan tadi jeti di Mukim Sukang, pentas persembahan di Taman Jubli Perak itu juga sudah dalam perancangan Jabatan Daerah termasuk Jabatan Daerah Belait.

Perkongsian data, statistik penduduk kampung

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan bahawa *online* banci penduduk dalam Immigration National Registration System ada sebahagian nombor Kad Pengenalan, tempat-tempat tinggal orang *kitani* ikut kampung atau mukimnya.

Itu boleh dikongsikan, akan tetapi jelas Yang Berhormat lagi adalah menjadi peranan penghulu mukim dan ketua kampung untuk memastikan keberadaan orang yang tinggal di sana dan dimatai-matai juga. Berkenaan perkongsian maklumat, tidak ada masalah boleh sahaja dikongsikan kepada penghulu mukim dan ketua kampung mengikut keperluannya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata demikian bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong mengenai dengan mendapatkan data dan statistik penduduk kampung pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi

yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Sementara itu, berkenaan dengan persoalan pili bomba termasuk dalam jana kuasa, jelas Yang Berhormat Menteri adalah tidak termasuk, memandangkan projek pembekalan air adalah di bawah Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya.

"Keberadaan Pusat Komersial Letak Kereta, memang sebagaimana yang kaola

nyatakan sudah di peringkat akhir ataupun sudah diserahkan kepada *potential proponent* ataupun yang akan mengendalikan bangunan-bangunan komersial berkenaan dan telah diserahkan kepada Darussalam Aset.

"Untuk mengetahui bila ia akan *diusai*, mungkin nanti rakan kaola di Kementerian Kewangan dan Ekonomi boleh menerangkan Yang Berhormat Pengerusi. Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan," terang Yang Berhormat.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

"KEBERADAAN Pusat Komersial Letak Kereta, memang sebagaimana yang kaola nyatakan sudah di peringkat akhir ataupun sudah diserahkan kepada *potential proponent* ataupun yang akan mengendalikan bangunan-bangunan komersial berkenaan dan telah diserahkan kepada Darussalam Aset.

"Untuk mengetahui bila ia akan *diusai*, mungkin nanti rakan kaola di Kementerian Kewangan dan Ekonomi boleh menerangkan Yang Berhormat Pengerusi. Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan," terang Yang Berhormat.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MENELITI TEMPOH SKIM PERKHIDMATAN PENGHULU MUKIM, KETUA KAMPUNG

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac.- Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed menyuarakan beberapa cadangan berkaitan dengan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Menurut skim tersebut, Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung boleh berjalan sehingga 10 tahun tertakluk kepada

penilaian prestasi kerja bagi perkhidmatan lima tahun pertama.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, selepas tempoh perkhidmatan 10 tahun, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung tersebut akan dikehendaki untuk melalui proses pencalonan dan pengundian jika sekiranya mereka mahu meneruskannya. Tidak dinafikan perkara ini baik ke arah mempelbagaikan pemimpin di dalam kampung dan memberi peluang kepada yang lain untuk memimpin.

Justeru, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian terhadap *career progression* Penghulu Mukim dan Ketua Kampung kerana mereka perlu merancang kerjaya mereka jika sekiranya mereka tidak dipilih.

“Terutamanya dalam hal kewangan untuk komitmen peribadi dan sebagainya. Manfaat yang dinyatakan dalam skim tersebut juga kurang jelas kerana terdapat manfaat atau *benefit* yang berbeza untuk perkhidmatan yang berlainan yang menjadikan agak sukar untuk merancang kewangan untuk komitmen peribadi mereka sendiri,” ujar Yang

Berhormat lagi pada hari yang kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang masih membincangkan mengenai Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Dalam hal ini, Yang Berhormat ingin mengemukakan beberapa cadangan sebagai contoh bagi pemohon di bawah umur 40 tahun perkhidmatan selama 20 tahun atau lebih boleh dipertimbangkan agar mereka dapat merancang persaraan mereka dengan lebih baik dan dengan pengalaman yang luas dan lebih lama ini sekurang-kurangnya mereka boleh mencari peluang kerjaya lain di bawah kementerian atau jabatan lain.

“Pemimpin dalam kalangan belia merupakan masa depan kita dan walaupun mereka kurang pengalaman melalui *mentorship* perkara ini masih lagi boleh dipertimbangkan. Kita dapat melihat banyak peningkatan daripada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dari kalangan belia pada masa ini dengan penyertaan aktif mereka dan

tindakan yang diambil untuk menjadikan kampung mereka lebih baik dan selesa bagi penduduk kampung.

“Kita juga mengetahui bahawa memang susah untuk mendapatkan penyertaan dari golongan belia yang sebenarnya merupakan pemimpin masa depan bagi negara ini. Kerana mereka berfikir mengenai masa depan kerjayanya selepas menjadi Penghulu Mukim atau Ketua Kampung,” ujar Yang Berhormat lagi.

Malahan, tambah Yang Berhormat, sehingga tiada calon yang dapat dipilih kerana ketiadaan pemohon untuk menjadi Ketua Kampung menyebabkan banyak kekosongan Ketua Kampung pada masa ini sehingga Ketua Kampung lain terpaksa menunggu jawatan tersebut.

“Oleh itu, diharapkan dengan skim yang dirancang dengan lebih baik dan latihan yang sewajarnya pemimpin masa depan ini dapat dilengkapi untuk menjaga kampung-kampung dengan lebih baik. Di samping itu juga, boleh berpindah ke jabatan lain selepas pengalaman yang lebih lama memegang jawatan itu dengan kelayakan dan latar belakang yang sesuai,” ujar Yang Berhormat

Awang Zainol lagi.

Menyentuh mengenai cadangan tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman mengambil maklum akan cadangan-cadangan tersebut iaitu Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta perkara tersebut akan diteliti di peringkat kementerian sebagaimana juga hasrat untuk menarik para belia untuk menajaw jawatan Penghulu Mukim dan juga Ketua Kampung.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Perancangan KHEDN menaik taraf jambatan konkrit di Kampong Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Berkenaan dengan jambatan konkrit, ia adalah salah satu daripada perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui jabatan-jabatan daerah untuk memastikan keselesaan penduduk Kampong Ayer dan juga untuk memastikan perancangan *long term*. Kalau *kitani* lihat, untuk membina jambatan kayu itu, setelah sekian lama, tahun ke tahun, ia memang akan mumut dan terpaksa diganti. Itu perancangan jangka masa panjang KHEDN dan jabatan-jabatan daerah.

Demikian yang diujarkan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dalam menjawab cadangan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin pada hari yang kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang masih membincangkan mengenai Belanjawan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Terdahulu, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran menyambut baik penjelasan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai adanya peruntukan pembaikan jambatan-jambatan di Kampong Ayer dan juga akan dinaik taraf menjadi jambatan konkrit.

Yang Berhormat merasakan sudah tiba masanya perkara tersebut dilaksanakan kerana dengan pembinaan jambatan-jambatan konkrit itu nanti akan lebih memberi keselesaan kepada penduduk-penduduk Kampong Ayer dan juga kepada para

pelancong yang datang. Yang Berhormat juga mencadangkan agar jeti-jeti juga perlu diperbaiki kerana sebahagian besar sudah rosak dan sebahagiannya tidak dapat digunakan.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, dengan membina jambatan konkrit itu nanti akan dapat menampung beban yang berat iaitu paip-paip air yang besar, kabel-kabel elektrik dan sebagainya berbanding dengan kekuatan jambatan kayu yang ada sekarang.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Awang Amran juga menyentuh mengenai dewan kemasyarakatan di mukim-mukim yang pada dulunya dengan tujuan untuk memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk mukim dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kampung dan mukim seperti aktiviti perekonomian, kesukanan dan kemasyarakatan.

Dewan-dewan tersebut sering disewa bagi majlis-majlis perkahwinan sehinggalah ada yang terpaksa menempah lebih awal, ada yang memakan masa selama lebih daripada setahun untuk mendapatkan dewan tersebut. Sehubungan itu, Yang Berhormat bertanya, apakah

pihak kementerian mempunyai perancangan untuk terus membina dewan-dewan kemasyarakatan di mukim-mukim yang belum memilikinya.

Menyentuh mengenai perkara tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan bahawa berkenaan dengan dewan kemasyarakatan di mana perkara ini pernah dibangkitkan semasa MMN Ke-19, adakah keperluan untuk membina dewan-dewan kemasyarakatan ini, memang diambil maklum bahawa keperluan dewan kemasyarakatan ini diperlukan oleh penduduk mukim dan kampung.

“Jadi, perkara ini akan diteliti sehalus-halusnya. Kalau *kitani* lihat juga, ada *business community* memang menyediakan dewan-dewan untuk majlis-majlis perkahwinan. Jadi perkara ini perlu juga disesuaikan keadaannya, bukan 100 peratus *supply* oleh kerajaan, ertinya *this community* ada *income* *bisdiorang* juga. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat,” ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

“Berkenaan pembayaran Pencen Umur Tua dan apa perancangan KHEDN, yang

pertama, perkara ini telah dibincangkan dengan salah sebuah Jabatan Keselamatan untuk membekalkan beg-beg kepada penghulu mukim dan ketua kampung. Pada masa ini, 10 beg untuk penghulu mukim dan ketua kampung telah dibekalkan dan selebihnya akan dibekalkan nanti.

“Yang kedua, berkenaan pembelian insurans berkelompok ini juga untuk memastikan penghulu mukim dan ketua kampung yang membawa duit dari segi keselamatan dan juga insurans *bisdiorang* akan diinsurans dengan insurans berkelompok bagi setiap penghulu mukim dan ketua kampung pada Tahun Kewangan yang akan datang,” ujar Yang Berhormat lagi dalam menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Amran mengenai inisiatif KHEDN bagi menjaga kesejahteraan dan keselamatan ketua-ketua kampung semasa melaksanakan pembayaran Pencen Umur Tua dan Bantuan Kebajikan di mana perasaan tidak tenteram kerana bimbang akan keselamatan wang yang diterima termasuk keselamatan diri.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

USAHA BERSEPADU TINGKATKAN KEAMANAN SERANTAU



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam pada Retreat Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) bertempat di Hotel dan Resort Pullman Luang Prabang di Luang Prabang, Republik Demokrasi Rakyat Lao (atas dan kanan).

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

LUANG PRABANG, Selasa, 5 Mac. - Retreat Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) telah diadakan pagi tadi bertempat di Hotel dan Resort Pullman Luang Prabang di Luang Prabang, Republik Demokrasi Rakyat Lao.

Retreat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Jeneral Chansamone Chanyalath, selaku Pengerusi ADMM untuk 2024.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Retreat Mesyuarat ADMM diketuai oleh

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut sama menyertai rombongan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Haji Roslan bin Haji Yacub; Setiausaha Tetap, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, selaku ketua Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Pertahanan ASEAN (ADSOM) NBD, dan pegawai-pegawai dari Kementerian

Pertahanan.

Pada tahun ini, pertukaran pandangan Retreat Mesyuarat ADMM tertumpu kepada tema 'Strategi pasca-2025 ADMM sebagai tindak balas kepada cabaran keselamatan semasa dan masa depan, termasuk pembangunan keahlian ADMM-Plus, kesan persaingan negara kuasa besar dan kekal perpaduan ASEAN'.

Menyampaikan perspektif NBD mengenai masa depan ADMM dan ADMM-Plus pasca-2025, Yang Berhormat menekankan kepentingan platform ADMM dan ADMM-Plus dalam mendukung dialog dan kerjasama pertahanan

serantau, dan menyokong pembangunan dan penglibatan yang dipertingkatkan bersama Rakan Kongsi Luar ASEAN berdasarkan prinsip saling menghormati dan nilai bersama.

Retreat tersebut juga memerhatikan kelulusan Kenyataan Bersama oleh Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN mengenai Pencapaian ADMM dalam Pelaksanaan Pelan Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN 2025.

Kenyataan Bersama tersebut menggambarkan kemajuan dan komitmen ADMM ke arah melaksanakan Pelan Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan

ASEAN 2025, dengan menekankan usaha untuk meningkatkan keamanan, keselamatan, dan kerjasama serantau, dan sejurus itu, menyumbang kepada Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Secara berasingan, perjumpaan-perjumpaan dua hala turut diadakan masing-masing di antara NBD dengan Republik Demokratik Rakyat Lao dan Republik Demokratik Timor Leste.

Republik Demokratik Rakyat Lao dijadualkan untuk menghoskan Mesyuarat ADMM Ke-18 dan Mesyuarat ADMM-Plus Ke-11 pada bulan November 2024 dengan tema 'ASEAN : Together for Peace, Security and Resilience'.

38 peserta terima sijil Kursus Induksi ASEAN-ERAT



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta Kursus Induksi ASEAN-ERAT Kali Ke-15 yang berlangsung di Ruang Bilik Mess Pegawai, Dewan Serbaguna Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat (atas). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Kursus Induksi ASEAN-ERAT Kali Ke-15 yang diadakan bermula pada 26 Februari hingga 5 Mac 2024 berakhir dengan majlis penutup.

Pada majlis berkenaan, seramai 38 peserta yang mengikuti kursus telah menerima sijil penyertaan yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman di Ruang Bilik Mess Pegawai, Dewan Serbaguna Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Jalan Landasan Lama, Berakas, di sini.

ASEAN Emergency Response and Assessment Team (ASEAN-ERAT) Induction Course merupakan projek tahunan ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management (AHA Centre) dengan kerjasama rapat negara anggota ASEAN yang akan bertindak selaku tuan rumah.

Kursus Induksi kali Ke-15 ini, Negara Brunei Darussalam melalui Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) selaku Pengerusi ASEAN Committee on Disaster Management bagi tahun 2024 dan NDMC telah menjadi tuan rumah bagi penganjurannya.

Kursus Induksi ASEAN-ERAT

Kali ini memuatkan latihan-latihan sesi dalam kelas dan seterusnya disusuli dengan latihan simulasi ASEAN-ERAT yang berlangsung selama 52 jam yang bertujuan untuk memberikan latihan menangani bencana yang komprehensif kepada para peserta ASEAN-ERAT.

Latihan simulasi ini telah mengambil tempat di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat dan di Bangunan NDMC, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Kursus peringkat ASEAN ini adalah disokong sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Jepun melalui Dana Integrasi Jepun-ASEAN (JAIF) yang bertujuan bagi mengiktiraf warga ASEAN yang dilantik dan dilatih menjadi ahli pasukan ASEAN-ERAT sebagai pasukan yang bersedia untuk dikerahkan apabila diperlukan bagi membantu dan menyokong negara anggota ASEAN yang terjejas sejurus selepas bencana.

Pasukan ini ditubuhkan sebagai salah satu mekanisme bagi mendukung dan merealisasikan komitmen di bawah deklarasi ASEAN, iaitu One ASEAN One Response.

Antara yang mendukung bagi menjayakan latihan berkenaan selaku fasilitator termasuk rakan-rakan antarabangsa ASEAN seperti pihak United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (UNOCHA), Telecom Sans Frontieres (TSF) dan MapACTION.

Sebelum ini, ahli-ahli ASEAN-ERAT NBD telah dikerahkan ke beberapa buah negara yang

terjejas oleh bencana di rantau ini sejak 2012, antaranya taufan Haiyan di Filipina pada 2013, ribut tropika NALGAE di Filipina pada 2022, dan Myanmar setelah negara berkenaan dilanda Siklon Tropika MOCHA pada 2023.

Ini telah membuktikan keberkesanan penubuhan ASEAN-ERAT untuk dikerahkan pada bila-bila masa dengan segera dengan tiga fungsi utama ASEAN-ERAT, iaitu membantu negara ahli ASEAN yang terjejas dengan menyelaras bantuan kemanusiaan bersama agensi-agensi kemanusiaan yang lainnya; memudah cara pengurusan kemasukan barangan bantuan kemanusiaan; dan memberikan bantuan kepada negara yang terjejas dalam membuat penilaian keperluan segera bagi mangsa bencana.

Peserta bagi program berkenaan terdiri daripada perwakilan dari

■ **Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
Foto : Alishahrin Haji Mumin

negara-negara anggota ASEAN termasuk juga Timor Leste yang telah berjaya menamatkan Latihan Induksi berkenaan yang diadakan selama sembilan hari bertempat di salah sebuah hotel di Berakas.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Pengarah Eksekutif AHA Centre; Pengarah NDMC; Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat; Pemangku Pegawai Daerah Belait; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; serta ahli-ahli ASEAN-ERAT Advisory Group (AG); ASEAN-ERAT NBD; dan ahli Disaster Preparedness Coordinator (DPC) Brunei Darussalam.



PELANCARAN SMS BRUNEI PRIHATIN UNTUK TABUNG ANAK YATIM

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), Progresif Sendirian Berhad dan Imagine Sendirian Berhad melancarkan SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Digadong, KKBS.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Turut hadir, Setiausaha Tetap

(Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, selaku Pengerusi Majlis; dan Pengerusi-pengerusi Bersama SMS Brunei Prihatin, Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Kong; Ketua Pegawai Eksekutif DST Sdn. Bhd., Awang Radin Sufri Radin Basiuni; Ketua Pegawai Pentadbiran Progresif Sdn. Bhd., Abdul Hakeem bin Haji Basir; Naib Presiden Kanan Perniagaan Enterprise, Imagine Sdn. Bhd., Haji Mohd Radziman bin Haji Abdul Rahman.

Kutipan derma melalui SMS yang dilancarkan pada hari ini akan berlangsung selama sembilan

bulan bermula 5 Mac 2024 dan berakhir pada 5 Disember 2024.

Orang ramai bolehlah menderma melalui perkhidmatan teks pesanan ringkas (SMS) yang disediakan dengan menaip YATIM (tanpa jarak) dan diikuti dengan jumlah yang hendak didermakan iaitu, 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100.

Sebagai contoh YATIM20 (bagi derma berjumlah BND20) dan hantar kepada 38111 bagi pelanggan DST dan Progresif; dan bagi pelanggan Imagine hantar kepada 39999.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan derma hasil kutipan SMS Brunei Prihatin yang dikumpulkan pada tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi daripada syarikat-syarikat telekomunikasi kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jumlah kutipan SMS Brunei Prihatin bagi Tabung Anak-Anak Yatim 1444 Hijrah / 2023 Masihi berjaya mengumpul sebanyak BND95,946 dan sebanyak BND12,000 adalah sumbangan daripada pegawai dan kakitangan syarikat-syarikat telekomunikasi.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak BND84,118 adalah sumbangan daripada DST Sdn. Bhd. iaitu sebanyak BND74,118 adalah hasil kutipan daripada pelanggan DST dan sejumlah BND10,000 adalah sumbangan daripada pegawai dan kakitangan DST yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DST Sdn. Bhd.

Sementara itu, Progresif Sdn.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa melancarkan SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Digadong, KKBS (kiri). Manakala gambar atas, Yang Berhormat menerima penyerahan derma hasil kutipan SMS Brunei Prihatin.

Bhd. berjaya mengumpulkan sejumlah BND22,828, yang mana sebanyak BND2,000 adalah sumbangan daripada Progresif dan BND20,828 adalah sumbangan daripada pelanggan Progresif.

Sumbangan disampaikan oleh Ketua Pegawai Pentadbiran Progresif Sdn. Bhd.

Manakala, Imagine Sdn. Bhd. pula berjaya mengumpulkan sebanyak BND1,000 yang disampaikan oleh Naib Presiden Kanan Perniagaan Enterprise, Imagine Sdn. Bhd.

SMS Brunei Prihatin merupakan projek tahunan yang diunkayahkan bersama oleh JAPEM, RTB dan Syarikat Telekomunikasi sejak tahun 2005 bagi membuka platform untuk memudahkan orang ramai

menyalurkan sumbangan kepada anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Pendaftaran Kebangsaan Anak-Anak Yatim.

Sejak platform ini dibukakan, sambutan daripada orang ramai adalah sangat menggalakkan.

Oleh itu, kaedah kutipan ini telah dilanjutkan tempohnya daripada tiga bulan kepada sembilan bulan untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk terus beramal dan menyumbangkan derma kepada anak-anak yatim yang berdaftar di negara ini.

Semua jumlah kutipan yang diterima akan disumbangkan sepenuhnya kepada Tabung Anak-Anak Yatim di bawah kendalian JAPEM.

Warga KHEU terima agihan kurma



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Ketua-Ketua Jabatan / Bahagian / Unit di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Tahun 1445H / 2024M diadakan petang tadi bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan kementerian berkenaan,

di sini.

Pengagihan Kurma Kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh tetamu kehormat, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan kepada Ketua-Ketua Jabatan / Bahagian / Unit KHEU, untuk diserahkan pengagihannya kepada setiap pegawai dan

kakitangan masing-masing di bawah kementerian berkenaan.

Turut hadir di majlis tersebut, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misse bin Haji Abd. Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan Pengagihan Kurma Kurnia kepada penerima pada majlis berkenaan.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

INOVASI DIGITAL PENTING DALAM PERTAHANAN, KETENTERAAN



PEMANGKU Pemerintah ABDB, hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderahati kepada penerima (kiri dan kiri sekali).

Mahani binti Haji Hamdan; dan 'Critical Challenge: Developing Curriculum' oleh Deputy Principal & Head of Teaching & Learning, Australian War College, Assistant Professor Michael Hatherell.

Sebuah majlis resepsi turut diadakan pada 2 Mac 2024 yang dihoskan oleh Komandan AP ABDB bertempat di Rizqun International Hotel, Gadong sebagai acara permulaan persidangan tersebut.

Persidangan tersebut secara rasminya dibuka dengan kehadiran Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei sebagai tetamu kehormat di Majlis Pembukaan pada 3 Mac 2024 yang mengambil tempat di Auditorium AP ABDB.

Edisi kali ini menyaksikan persidangan yang dipengerusikan bersama di antara AP ABDB dan Akademi Pertahanan United Kingdom, dan juga peningkatan penyertaan dari Institusi-institusi Akademik Pertahanan, yang mencerminkan penekanan mengenai Pendidikan Profesional Tentera yang semakin pesat berkembang di rantau ini.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, Pengarah-pengarah Tentera, Atase/Penasihat Pertahanan dan Pegawai-pegawai ABDB.

video dan sesi bergambar ramai.

Persidangan dua hari itu dipengerusikan bersama oleh Komandan AP ABDB, Kolonel Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof, dan Komandan Akademi Pertahanan United Kingdom, Mejar Jeneral Andrew Roe.

Persidangan dihadiri oleh Ketua-ketua Universiti Pertahanan dan Akademi Tentera dan wakil-wakil dari Australia, Kerajaan Kemboja, Republik Demokratik Rakyat Laos, Malaysia, New Zealand, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Persidangan bertujuan untuk membincangkan dan bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai aspek pendidikan tentera yang kontemporari dan sekali gus mengukuhkan kerjasama di antara Angkatan-angkatan Tentera.

la juga mempromosikan dialog

secara berterusan di kalangan negara-negara sahabat dan Akademi Pertahanan serta Institusi Asia Tenggara untuk meningkatkan *interoperability* intelektual dalam Pendidikan Profesional Tentera sambil memupuk pembangunan profesional dan rangkaian perhubungan.

Persidangan kedua ini menampilkan pembentangan dari setiap delegasi yang merangkumi topik mengenai cabaran-cabaran semasa dalam pendidikan tentera serta langkah-langkah menangannya.

Tiga pembentang khas juga dijemput untuk menyampaikan topik-topik yang bertajuk 'Digitalisation' oleh Head J7, Research & Education, Akademi Pertahanan United Kingdom, Mike Wadley; 'Talent Management' oleh Pengarah Institut Pengajian Dasar, Universiti Brunei Darussalam, Dr.

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Daudin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TANAH JAMBU, Isnin, 4 Mac. - Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) dan Akademi Pertahanan United Kingdom petang tadi mengadakan Majlis Penutup South East Asia Conference of Commandants Ke-2 yang berlangsung di Auditorium AP ABDB, Tanah Jambu, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Penutup yang dipimpin oleh

Pegawai Turus Gerakan Agama, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar yang diikuti dengan ucapan penutup daripada tetamu kehormat.

Selarasdengantema persidangan iaitu 'Professional Military Education in the 21st Century', Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif menekankan peranan penting inovasi digital dalam mempengaruhi hal ehwal pertahanan dan ketenteraan.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil dan cenderahati kepada Ketua-ketua Universiti Pertahanan dan Akademi Tentera dari negara yang turut serta.

Majlis diakhiri dengan tayangan

Dukung penglibatan wanita dalam pengurusan bencana alam

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Isnin, 4 Mac. - Sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2024, Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan sokongan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) pagi tadi menganjurkan forum mengenai peranan wanita dalam menguruskan bencana alam di Pusat Latihan Pelbagai Guna CAE (MPTC), di sini.

Forum itu juga disokong oleh Brunei CAE MPTC, yang menyediakan latihan penggerak balas pertama (*first responder*) dan tindak balas bencana kepada para pegawai.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap

(Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon.

Forum menampilkan empat ahli panel yang memiliki kepakaran dalam tindak balas bencana alam di negara ini dan rantau ASEAN.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Pensyarah dari Fakulti Seni dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Maria Carinnes Alejandria; Pengarah NDMC, Kolonel (B) Muhd Harith Rashidi bin Haji Muhd Jamin; Mantan Pengarah Eksekutif Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan Bagi Pengurusan Bencana ASEAN (AHA Centre), Adelina Kamal; Pegawai Kanan Gender dan Inklusi di Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah

(IFRC), Runjini Raman.

Manakala, moderator pada forum itu ialah Dr. Shariza Wahyuna binti Haji Shahrin dari UBD.

Suruhanjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie berkata, wanita dan kanak-kanak terjejas secara tidak seimbang oleh bencana alam.

Oleh itu, penyertaan mereka ke dalam mitigasi dan tindak balas bencana adalah penting untuk memastikan perspektif dan keperluan mereka difahami dengan baik dan digabungkan pada setiap peringkat.

"Wanita juga mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk menyumbang dan memimpin komuniti mereka.

"Memajukan kesaksamaan gender dan pemeraksanaan wanita adalah bahagian utama kepada Dasar Bantuan Antarabangsa Feminis Kanada dan seperti yang dilanjutkan di bawah Strategi Indo-Pasifik Kanada," kata Puan Yang Terutama.

Puan Yang Terutama turut melahirkan rasa gembira atas kerjasama NDMC untuk meningkatkan pengiktirafan peranan penting bagi wanita dalam menguruskan bencana alam.

Forum berkenaan dihadiri lebih 70 peserta yang terdiri daripada pegawai diplomatik, agensi berkaitan dalam pengurusan bencana alam dan pelajar.

la diadakan secara hibrid dan orang ramai termasuk para penuntut institusi-institusi pendidikan tempatan boleh menyaksikan forum itu secara langsung.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah, suasana semasa forum yang berlangsung di Pusat Latihan Pelbagai Guna CAE.



TELADANI PERISTIWA AGUNG ISRAK, MIKRAJ



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Salah satu peristiwa agung mukjizat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ajaib iaitu peristiwa Israk dan Mikraj adalah merupakan perjalanan hadiah daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada baginda setelah melalui hari-hari sukar iaitu selepas kematian isteri Baginda yang tercinta Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid dan bapa saudara Baginda iaitu Abi Thalib.

Antara kejadian yang berlaku pada malam itu juga ialah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjumpa

malaikat Malik, penjaga neraka yang tidak pernah senyum dan tidak kelihatan riak kegirangan di wajahnya, begitulah juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam turut melihat syurga dan neraka.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati Bicara Muslimah disampaikan oleh Da'ie Bertauliah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dayang Syafiqah binti Haji Ayop pada program Bicara Muslimah Sempena Sambutan Israk Mikraj dan Menyambut Kedatangan Awal Bulan Ramadan bagi Kelas Bimbingan Muslimah Daerah Brunei dan Muara (DBM) bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar

Seri Begawan.

Menurutnya, dalam salah satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban, ada menyebutkan empat perkara di mana para wanita boleh masuk ke syurga dari mana-mana pintu yang ia suka.

Walaupun tambahnya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melihat ramai golongan wanita di neraka, tetapi baginda yang bijaksana ada membagikan sebahagian solusi untuk menyelamatkan kitani daripada ngerinya dan dahsyatnya api neraka iaitu solat lima waktu, puasa dalam bulan Ramadan, menjaga maruah, dan taat kepada suami.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Turut hadir, jemputan khas, para pegawai dan kakitangan wanita dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Hal Ehwal Masjid serta Kelas Bimbingan Muslimah Masjid dari DBM.

Majlis yang dikendalikan bersama Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien, antara lain diadakan bagi tujuan untuk

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

menyemarakkan lagi Sambutan Israk Mikraj bagi tahun 1445H dan sama-sama ikut serta dalam mengembangkan syiar Islam.

Di samping untuk mengimbas kembali peristiwa yang berlaku dalam Israk Mikraj dan mengambil teladan dalam membina sahsiah Muslimah yang beriman dan bertakwa, acara tersebut juga dihasrat untuk memberikan semangat dan menguatkan azam para Muslimah untuk meningkatkan lagi amal ibadah dalam bulan

Ramadan nanti.

Selain itu, ia bertujuan untuk mengeratkan silaturahim kalangan ahli Kelas Bimbingan Muslimah.



INTI pati Bicara Muslimah disampaikan oleh Da'ie Bertauliah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dayang Syafiqah binti Haji Ayop.



Majlis Memperingati Ulang Tahun Ke-6 UBD BRC

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

RIMBA, Selasa, 5 Mac. - Sumbangan penting Pusat Penyelidikan Botani (Botanical Research Centre-BRC) dalam penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan flora unik Brunei boleh membantu Negara Brunei Darussalam (NBD) berusaha ke arah perlindungan biodiversiti.

Dengan kekayaan dan keunikan sumber biodiversiti negara, BRC berpotensi untuk menyumbang dari segi ekonomi melalui peningkatan pembangunan industri pelancongan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam ucapan Yang Berhormat yang telah dibacakan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,

Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, selaku wakil peribadi Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap pada Majlis Memperingati Ulang Tahun Pusat Penyelidikan Botani Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-6 yang diadakan di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD.

Yang Berhormat juga menggalakkan perkongsian di antara UBD BRC dengan agensi pelancongan tempatan dalam mempelbagaikan pakej pelancongan yang memfokuskan kepada ekopelancongan, yang mungkin termasuk aktiviti berasaskan alam semula jadi, pelancongan regeneratif dan perkongsian pendidikan atau pengetahuan.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan Pengarah Institut

Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER) UBD, Dr. Hussein bin Haji Taha menjelaskan bahawa UBD BRC kini menempatkan lebih 500 spesies tumbuhan, dan terus memainkan peranan penting dalam teras penyelidikan biodiversiti UBD.

Menurutnya, tumpuan pusat terhadap kajian saintifik kepelbagaian tumbuhan NBD telah membawa kepada penerbitan buku mengenai flora NBD dan projek kerjasama berimpak tinggi dengan institusi penyelidikan dan akademik terkemuka seperti Botanic Garden Conservation International, SingHealth Duke-NUS Institute of Biodiversity Medicine (BD-MED), Universiti Teknologi Nanyang, Taman Botani Diraja Kew, Universiti Stanford dan Universiti Sunshine Coast.

Beliau menambah bahawa aktiviti pendidikan pusat adalah penting dalam memupuk kesedaran tentang amalan mampan, kepentingan budaya dan ekonomi tumbuhan.

Majlis diteruskan dengan pelancaran buku 'Walking through the UBD Botanical Research Centre', poster mengenai tumbuhan ubatan di UBD BRC, tayangan video dan laman sesawang baharu untuk UBD BRC.

Turut dilancarkan ialah aplikasi UBD BRC Audio Guided Tour, produk yang dibangunkan dengan kerjasama Dinamik Technologies Sdn. Bhd. dengan sokongan daripada KSSUP.

Pemenang cabaran foto UBD BRC turut hadir untuk mempamerkan gambar kemenangan mereka.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku wakil peribadi Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada Majlis Memperingati Ulang Tahun Pusat Penyelidikan Botani UBD Ke-6 (atas, bawah dan bawah kiri).

Turut hadir ialah Naib Canselor Setiausaha Tetap dan Timbalan UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Duta timbalan Setiausaha Tetap serta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi; para pegawai kanan.



MEMPERKAYA KOLEKSI SUMBER BACAAN



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu khas dan seterusnya menyempurnakan perasmian pada **Majlis Penyerahan Buku Sumbangan** daripada **Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD** (kiri sekali dan kiri).

memahami mengenai Republik Rakyat Bangladesh.

Sumbangan buku ini juga diharap akan memperkukuhkan lagi kerjasama dua hala antara NBD dengan Republik Rakyat Bangladesh.

Sudut Bacaan merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan DBP dan setakat ini, DBP memiliki koleksi buku dan Sudut Bacaan daripada Kesultanan Oman, Amerika Syarikat, Rusia, Republik Rakyat China, India, Turkiye dan Malaysia.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

MUARA, Isnin, 4 Mac. - Dalam usaha untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menawarkan Perkhidmatan Sudut Bacaan di Perpustakaan DBP.

Sehubungan itu, bagi menambah koleksi di sudut berkenaan, Majlis Penyerahan Buku Sumbangan daripada Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD dan Perasmian Sudut Bacaan Bangladesh berlangsung di Perpustakaan DBP Muara, petang tadi.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, selaku tetamu khas majlis.

Dalam majlis tersebut, Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Nahida Rahman

Shumona menyumbangkan sebanyak 21 naskhah buku merangkumi pelbagai topik seperti politik, sejarah, ekonomi, seni dan budaya untuk dipamerkan di Sudut Bacaan Bangladesh.

Majlis juga diisikan dengan Pendaftaran Ahli Perpustakaan DBP secara langsung bagi Presiden Bangladesh Chamber of Commerce, Mr. Liakat Ali Sarker.

Seterusnya, majlis diserikan dengan Sesi Bercerita yang disampaikan oleh Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD.

Sumbangan buku daripada Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ini diharap

akan dapat memperkayakan sumber bacaan mengenai negara berkenaan di Perpustakaan DBP

dan seterusnya membolehkan masyarakat dan pengguna perpustakaan untuk mengenali dan



SESI Bercerita yang disampaikan oleh Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD di Perpustakaan DBP.

ALAI PINTAR

SOALAN 06 MAC 2024, RABU

SOALAN

120

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Sila berikan jawapan yang betul : $10 \times 5 + \underline{\hspace{1cm}} = 59$.
a) 9
b) 20
c) 5
2. Kata antonim bagi bahaya?
a) Sampai
b) Pergi
c) Selamat
3. Antara berikut yang manakah boleh membiak?
a) Katak
b) Belon
c) Kereta

TARIKH TUTUP: 16 MAC 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 119

Nama : Md. Nur Khairun Irfan Furqan bin Md. Nur Khairunnazri
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0121069-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Basir, Jln 77, Lambak Kanan

Nama : Nursyaila binti Md. Suhardilah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125699-01. Sekolah : Sekolah Rendah IQRA

Nama : Ampuan Siti Fatimah Az-Zahra binti Ampuan Mohd. Khairul Anuar
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0132126-01. Sekolah : Sekolah PGGMB Sg. Akar

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR
Bahagian PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan
Daerah Belait;
• Kaunter Cawangan Penerangan
Daerah Tutong; dan
• Kaunter Cawangan Penerangan
Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 119

1. B – 40 tahun
2. B – 1 Januari 1984
3. B – Allah Peliharakan Sultan



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:

02 / JMM / S / 12 / 91 (2024/2025)

Tajuk Tawaran:

Rectification, Fabrication And Development Of Content, Interactives And Multimedia For The Brunei Museum, Kota Batu

Bayaran Yuran Tawaran :

BND10.00

(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
2 April 2024,
jam 12.00 Tengah Hari



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

Supply And Installation Of UHF Repeater With Antenna And Accessories For Department Of Civil Aviation. ATELS / 2024 / SH-08

Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga:

Rabu
6 Mac 2024

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:

Selasa
19 Mac 2024

Tarikh tutup Sebut Harga:

Rabu
20 Mac 2024
(tidak lewat jam 2.00 Petang)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

'Search And Rescue Procedure, Tabletop And Callout Exercise 2024/2025'
ANS / 2024 / SH-01

Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga :

6 Mac 2024,
Rabu

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :

19 Mac 2024,
Selasa

Tarikh tutup Sebut Harga:

20 Mac 2024,
Rabu
(tidak lewat jam 2.00 Petang)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:

'The Supply, Installation And Testing Of New Ethernet Private Line (Epl) For Air Traffic Service Centre And Transmitter Site, Department Of Civil Aviation'
ATELS / 2024 / SH-01

Tajuk Tawaran:

'Maintenance Service Contract – Alcatel PABX System For Department Of Civil Aviation'
ATELS / 2024 / SH-02

Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga :

6 Mac 2024,



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:

Supply And Install Of Philips Sopho IS3000 PABX Digital Trunk (DTU) Card For Department Of Civil Aviation
ATELS / 2024 / SH-03

Tajuk Tawaran:

Supply And Installation Of 24 Core Single Mode Underground Fiber Optic Cable From DCA Operation Block To Meteorological Site For Brunei International Airport
ATELS / 2024 / SH-04

Tajuk Tawaran:

Supply And Installation Of Copper Cable At DCA Operation Block For Department Of Civil Aviation.
ATELS / 2024 / SH-05



Rabu

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :

19 Mac 2024,
Selasa

Tarikh tutup Sebut Harga:

20 Mac 2024,
Rabu
(tidak lewat jam
2.00 Petang)



Tajuk Tawaran:

Supply And Installation Of Web-Based Professional Voice Recorder For Department Of Civil Aviation.
ATELS / 2024 / SH-07

Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga :

6 Mac 2024,Rabu

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :

19 Mac 2024,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga :

20 Mac 2024, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada "Quantity Surveying Consultancy" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

Kelas :

-

Kategori :

-

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Sabtu,
16 Mac 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
19 Mac 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:

JKR / RFQ / DOD / 05 / 2024

Nama Projek:

Request For Quotation (RFQ) For Quantity Surveying Services For University Islam Sultan Sharif Ali



(UNISSA): Building works

Yuran Tawaran :

BND100.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :

V & IV sahaja

Kategori :

KA01

Tarikh Mengambil Dokumen

Tawaran :

6 Mac 2024.

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran :

Tidak lewat Selasa,
26 Mac2024,
jam 12.00 Tengah hari.



Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
2 April 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah hari.

Bilangan Tawaran:

JKR / DOR / SRM 05 / 2024

Nama Projek:

Pengurusan Pemeliharaan Berintegrasi Bagi Jalan-jalan Daerah Temburong

Yuran Tawaran :

BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Pengiklanan Kenyataan Tawaran
Jabatan Alam Sekitar,
Taman dan Rekreasi

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas : II, III, IV, V

Kategori : KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada :

4 Mac, 2024 (Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

26 Mac 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada :

2 April 2024 (Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil,
di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T001 / 2024

Kerja-Kerja Penambahbaikan dan



Penyelenggaraan Landskap
Sepanjang Jalan Labu,
Daerah Temburong.

No. Projek :

JASTRE / BL / T001 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :

BND 10.00 (Tidak dikembalikan)



Lanjutan Tarikh Tutup

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
10 Januari 2024.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
27 Februari 2024,
jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
26 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 01 / 2024

Nama Projek:
PROGRAM PENINGKATAN DAN
PEMBAIKAN INFRASTRUKTUR
JAMBATAN – PAKEJ 2
PEMBINAAN JEJANTAS
PEJALAN KAKI DI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)



Kenyataan Tawaran Jabatan Kerja Raya

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
III, IV & V

Kategori :
E01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
27 Februari 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup Dilanjutkan kepada :
12 Mac 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 03 / 2024

Nama Projek :
Penggantian Sistem Lampu
Termasuk Kerja-Kerja Pendawaian
Di Kawasan Perkarangan Masjid
Sultan Omar Ali Saifuddin,
Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



Makluman Tarikh Lanjutan

Tawaran :
JPH / 1102-003 / TAW / 377 /
2023-2024
High Conservation Value (HCV)
Assessment In Labi Hill Forest
Reserve

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):
BND10.00



Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND35.00
-Tidak dikembalikan-

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 19 Mac 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari



Bilangan Tawaran :
JBBSB / LTK / 2023-2024 / 09 /
UPA

Nama Tawaran :
Penyewaan Bangunan Pasar
Terhad, Jalan Teraja
Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 2 April 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari



Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2324-QTN.11 / FSS

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Perabot
Pejabat Untuk Kegunaan
Kementerian-Kementerian dan
Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tarikh Tutup / Jam :
Sabtu, 16 Mac 2024 - 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran :
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block,
Bangunan Kementerian Kewangan
dan Ekonomi,
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan,
Negara Brunei Darussalam.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II sahaja

Kategori :
B01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
12 Mac 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 26 Mac 2024,
Tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari



Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM002 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM/KAS.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Dinding Luar Bangunan
Ibu Pejabat Kastam
dan Eksais Diraja

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2024 / T2

Nama Tawaran:
To Develop And Operate
Restaurant For Local And
International Cuisines At Transit
Hall, Brunei International Airport

Yuran Tawaran:



BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
9 April 2024, (Selasa)
Jam 12.00 Tengah Hari

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

PEMBARIGAN PANDUAN PENGHASILAN PRODUK BELACAN



■ Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Selasa, 5 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perikanan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui Pusat Standard Kebangsaan (PSK) mengadakan Majlis Pembarigaan bagi PBD 45:2023 - Piawai Brunei bagi Produk Belacan di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

Majlis pembarigaan tersebut bertujuan untuk memperkenalkan Piawai Brunei Darussalam

di bawah PBD 45:2023 iaitu mengenai Piawai Brunei bagi Produk Belacan.

Di samping itu, majlis berkenaan juga bertujuan untuk memberikan panduan dalam penghasilan produk belacan dan kefahaman lebih mendalam mengenai definisi produk belacan, komposisi utama bahan mentah, kriteria kualiti produk, cara pembuatan yang selamat dengan mengutamakan kebersihan bagi memastikan produk belacan adalah selamat dari pencemaran dan selamat

TIMBALAN Setiausaha Tetap KSSUP semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembarigaan bagi PBD 45:2023 - Piawai Brunei bagi Produk Belacan di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP (kiri). Manakala gambar bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.

untuk dimakan oleh orang awam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji Junaidi.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; Pengarah Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Pemangku Pengarah PSK, Awang Allen On Hsien Yung; dan Pemangku Pengarah, Jabatan Perikanan KSSUP, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat.

Dalam ucapan alu-aluan, Pemangku Pengarah, Jabatan Perikanan memaklumkan bahawa peranan Jabatan Perikanan dalam

pembangunan standard makanan adalah untuk memastikan menyediakan pemahaman bersama mengenai skop standard, produk, penerangan, komposisi penting, faktor kualiti, bahan tambahan makanan, kebersihan dan pengendalian, keperluan pelabelan, kaedah pensampelan, pemeriksaan dan analisis.

PBD 45:2023 diharapkan akan dapat berfungsi sebagai rujukan bagi pengusaha makanan tempatan dan semua pihak berkepentingan termasuk pengimport, pengeksport,

penyelidik akademik, pembuat dasar dan masyarakat umum yang terlibat dalam pelbagai aspek rantai bekalan makanan.

Majlis pembarigaan tersebut turut dihadiri pihak-pihak yang berkepentingan dari pelbagai jabatan kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi dan syarikat-syarikat pemprosesan makanan laut.

Majlis pembarigaan tersebut diakhiri dengan pameran buku PBD 45:2023 dengan aspirasi untuk merealisasikan inisiatif Jabatan Perikanan dan PSK.



MINDA PEMBACA

Lindungi hidupan liar kitani

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) adalah sebuah negara yang dianugerahkan dengan keindahan alam semula jadi yang unik, mempunyai kekayaan hidupan liar yang penting untuk kelestarian ekosistemnya. Namun, hidupan liar di negara ini semakin menghadapi tekanan daripada pelbagai sumber seperti aktiviti manusia, hilangnya habitat, dan ancaman terhadap keseimbangan ekosistem. Oleh itu, perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar di negara ini adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan tindakan segera.

Pertama sekali, adalah penting untuk menyedari kepelbagaian hidupan liar di Brunei dan mengenal pasti spesies-

spesies yang terancam. Contohnya, Orangutan, harimau Sumatera, dan burung Kakak Tua putih adalah antara spesies yang semakin berkurangan jumlahnya akibat hilangnya habitat dan pemburuan haram. Untuk melindungi mereka, langkah-langkah pemuliharaan yang berkesan perlu diambil.

Pembangunan manusia seperti pembukaan kawasan hutan untuk pertanian, pembinaan infrastruktur, dan aktiviti perladangan memberi tekanan besar kepada habitat hidupan liar. Untuk mengatasi masalah ini, penting untuk memperkuatkan perlindungan terhadap kawasan-kawasan hutan yang penting sebagai habitat hidupan liar. Ini termasuk dalam perancangan pembangunan

yang lestari dan memastikan bahawa pembangunan dilakukan dengan mengambil kira keperluan hidupan liar.

Di samping itu, kerjasama antara kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, dan masyarakat tempatan juga adalah kunci untuk melindungi hidupan liar di NBD. Program-program pendidikan dan kesedaran boleh meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga alam semula jadi dan hidupan liar. Ini boleh melibatkan kempen kesedaran, program pendidikan di sekolah, dan penglibatan komuniti dalam projek pemuliharaan. Penguatkuasaan undang-undang yang ketat terhadap pemburuan haram, perdagangan haiwan liar, dan

kegiatan merosakkan alam semula jadi adalah penting untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem. Dengan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan, kita boleh melindungi hidupan liar dari ancaman yang mungkin memusnahkan mereka.

Sebagai kesimpulannya, perlindungan hidupan liar di NBD adalah tanggungjawab bersama kita. Dengan kesedaran, kerjasama, dan tindakan yang berkesan, kita boleh memastikan kelestarian warisan alam semula jadi ini untuk kesejahteraan generasi yang akan datang. Mari kita bersama-sama menjaga kekayaan alam NBD demi masa depan yang lebih baik.

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis
No. K/P : 01-099XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Persediaan Di Ambang Ramadan'. Tarikh Tutup : 6 Mac 2024
2. 'Majukan Pengusaha Tempatan'. Tarikh Tutup : 13 Mac 2024
3. 'Waspada Dosa, Pahala Di Hujung Jari'. Tarikh Tutup : 20 Mac 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SESEORANG yang diwajibkan melakukan qadha puasa Ramadhan, hendaklah dia melaksanakannya sebelum masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya kecuali pada lima hari yang diharamkan berpuasa padanya iaitu pada dua hari raya, 1 Syawal dan 10 Zulhijjah, dan pada hari-hari *Tasyriq* iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah bagi mengelakkan dia dikenakan fidyah melewati qadha puasa.

Orang yang tidak berpuasa Ramadhan tanpa uzur syar'i adalah berdosa dan wajib ke atasnya mengqadha puasa tersebut dengan segera sebaik sahaja berlalu 1 Syawal.

Orang yang tidak berpuasa Ramadhan kerana uzur syar'i pula dia tidak berdosa tetapi masih juga wajib ke atasnya mengqadha puasa tersebut. Antara uzur syar'i tersebut ialah haidh, sakit yang ada harapan sembuh, musafir, pengsan, lupa berniat, hamil atau perempuan yang

FIDYAH MELEWATKAN QADHA PUASA RAMADHAN : BILA TIDAK DIKENAKAN?

menyusukan anak. Qadha puasa ke atasnya adalah sunat dilakukan dengan segera sebaik sahaja berlalu 1 Syawal. Walau bagaimanapun apabila baki hari sebelum masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya hanya cukup untuk mengqadha puasanya, maka ketika itu dia wajib melakukan qadha puasa tersebut dengan segera.

Jika orang yang diwajibkan mengqadha puasa seperti di atas tidak melakukan qadha puasanya sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya, sedangkan dia ada kesempatan melakukannya, maka dia berdosa dan wajib ke atasnya fidyah, di samping wajib mengqadha puasa tersebut.

Fidyah bagi satu hari puasa Ramadhan adalah satu *mudd* (cupak) daripada makanan seperti beras atau apa-apa juga bijirin yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri itu. Satu *mudd* beras adalah bersamaan dengan 15 tahlil atau 567 gram. Fidyah tersebut diberikan hanya kepada golongan fakir dan miskin di kalangan orang Islam.

Fidyah tidak dikenakan ke atas orang yang lewat melakukan qadha puasa Ramadhan sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya jika kelewatan itu disebabkan oleh uzur syar'i sebagaimana yang dijelaskan di bawah ini.

Lewat Qadha Kerana Uzur Syar'i

Seseorang yang diwajibkan untuk melakukan qadha puasa Ramadhan sama ada sengkaja tidak berpuasa atau kerana uzur syar'i sebagaimana yang dijelaskan di atas, jika dia tidak mempunyai kesempatan untuk mengqadha puasanya sehingga masuk bulan Ramadhan berikutnya disebabkan suatu keuzuran, adalah harus

baginya melewati qadha puasa tersebut dan tidak wajib ke atasnya fidyah walaupun keuzuran tersebut berlarutan sehingga beberapa tahun. Namun kewajiban melakukan qadha puasa tetap tertanggung ke atasnya. Keuzuran tersebut ialah lupa atau jahil, musafir, sakit, perempuan hamil atau menyusukan anak damit.

Lupa, jahil atau dipaksa

Menurut Imam al-Adzra'i *Rahimahullah* sebagaimana yang dipetik oleh Imam Ibn Hajar *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, seseorang yang tidak mengqadha puasa Ramadhan sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya kerana lupa, maka tidak wajib ke atasnya fidyah. Demikian juga bagi orang yang luput mengqadha puasa Ramadhan sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya kerana paksaan. Dalam semua keadaan di atas, sekalipun fidyah tidak dikenakan namun kewajiban qadha puasa tetap tertanggung ke atasnya.

Menurut Imam al-Adzra'i *Rahimahullah* lagi, orang yang tidak tahu (jahil) tentang hukum melewati qadha puasa Ramadhan sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya, maka tidak wajib ke atasnya fidyah. Berbeza halnya jika dia tahu bahawa

melewatkan qadha puasa itu hukumnya adalah haram akan tetapi dia jahil mengenai fidyah, maka wajib ke atasnya fidyah puasa kerana dalam hal ini kejahilan mengenai fidyah puasa bukan suatu keuzuran. Dalam kedua-dua keadaan ini, kewajiban qadha puasa tersebut tetap tertanggung ke atasnya.

Musafir, sakit, perempuan hamil atau menyusukan anak damit

Seseorang yang berterusan musafir atau berterusan sakit daripada Ramadhan sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya, maka tidak wajib ke atasnya fidyah kerana melewati qadha puasa. Namun dalam keadaan ini kewajiban qadha puasa tersebut tetap tertanggung ke atasnya.

Perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan anak daripada Ramadhan sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya juga tidak wajib ke atasnya fidyah jika dia melewati qadha puasa kerana keuzuran di atas. Namun kewajiban qadha puasa tersebut tetap tertanggung ke atasnya.

Demikian penjelasan mengenai bilakah fidyah melewati qadha puasa Ramadhan tidak dikenakan.

FIDYAH bagi satu hari puasa Ramadhan adalah satu mudd (cupak) daripada makanan seperti beras atau apa-apa juga bijirin yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri itu. Satu mudd beras adalah bersamaan dengan 15 tahlil atau 567 gram. Fidyah tersebut diberikan hanya kepada golongan fakir dan miskin di kalangan orang Islam.

Marhaban Ya Ramadan

Allah Subhanahu Wata'ala, apa yang mereka fikirkan ialah bagaimana untuk mencapai keredaan dan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala sempena berada di bulan Ramadhan yang penuh dengan kerahmatan ini? Inilah satu kunci kejayaan orang-orang yang akan mendapat kelebihan di bulan tersebut.

Bulan Ramadhan adalah bulan di mana nilai amal ibadah dilipatgandakan. Amalan puasa di siang harinya sangat berkait rapat dengan kesabaran kerana ganjaran bagi orang yang bersabar tiada terhitung banyaknya. Pahala amalannya dilipatgandakan sebanyak-banyaknya tidak seperti amalan-amalan lain.

Amalan puasa bukan sahaja suatu amalan yang tersendiri di bulan itu, tetapi juga diiringi dengan amalan Sembahyang Sunat Tarawih setiap malam di bulan tersebut. Kenikmatan lebih berganda jika ibadah puasa disertai dengan Sembahyang Sunat Tarawih di malamnya kerana gandingan tersebut di samping mendapat ganjaran yang berlipat ganda, boleh membina sebuah kitaran kehidupan yang penuh dengan santapan kerohanian.

Bahkan, anak-anak juga mudah dididik untuk menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih serta berpuasa di bulan Ramadhan untuk menyambut bulan Syawal, iaitu Sambutan Hari Raya. Itulah orang yang paling rugi kerana tiada makna hari raya tersebut baginya kerana hari raya adalah hari kemenangan bagi orang-orang yang berpuasa penuh dan melakukan amal ibadah di bulan Ramadhan.

bersama-sama seluruh umat Islam, kerana antara tabiat seorang kanak-kanak itu sendiri adalah suka mengikut suasana itu sendiri dan mudah meniru apa yang dilakukan oleh orang dewasa.

Jadi rugi juga bagi ibu bapa yang tidak mengambil peluang sempena bulan Ramadhan yang mulia ini untuk mentarbiyah anak-anak mereka ke arah melakukan ketaatan dan amal ibadah, sedangkan suasana ibadah di bulan Ramadhan itu sendiri boleh membantu memberi motivasi kepada kanak-kanak dalam ketaatan.

Walaupun bagaimanapun, masih ramai dari kalangan umat Islam itu sendiri tidak mempunyai hubungan rapat dengan bulan Ramadhan. Mereka tidak menghayati kedatangan bulan tersebut dengan penghayatan yang tinggi, padahal bulan Ramadhan hadir sebagai peluang baginya untuk memperbaiki dirinya dan hubungannya dengan Tuhannya. Antara faktor yang boleh menguatkan ikatan hati dengan bulan Ramadhan adalah niat, matlamat, tujuan dan hajat yang diinginkan sempena kehadiran bulan Ramadhan.

Ada sebilangan orang bila datangnya Ramadhan, hajatnya tidak lain melainkan untuk menyambut bulan Syawal, iaitu Sambutan Hari Raya. Itulah orang yang paling rugi kerana tiada makna hari raya tersebut baginya kerana hari raya adalah hari kemenangan bagi orang-orang yang berpuasa penuh dan melakukan amal ibadah di bulan Ramadhan.

Di bulan Ramadhan ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak menjelaskan bahawa

Allah Subhanahu Wata'ala ingin mengampuni dosa-dosa para hamba-Nya sepertimana firman-Nya dalam Surah Az-Zumar, ayat 53 mafhumnya : "...*Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih*".

Oleh yang demikian, jika kita banyak bertaubat dan meminta ampun kepada-Nya, maka secara tidak langsung kehendak kita seiring dengan kehendak-Nya yang ingin mengampuni kita. Di situlah antara adab tertinggi kehambaan jika kita mengerti rahsia pengabdian diri kepada-Nya.

Banyakkanlah juga membaca Al-Quran dengan menggandakan bacaan kerana bulan Ramadhan adalah satu peluang di mana suasana beribadah itu sangat menjadi penyokong kepada seseorang Muslim untuk terus melakukan ketaatan. Tidur seseorang yang berpuasa itu ibadah adalah ungkapan motivasi bagi seorang Muslim yang sering disalahertikan. Seharusnya yang kita fahami daripada ungkapan tersebut, tidur bagi seseorang yang berpuasa pun ibadah, apatah lagi melakukan ibadah itu sendiri. Maka ia adalah ibadah dalam ibadah.

Maka eratkanlah lagi hubungan kita dengan bulan Ramadhan melalui bacaan dan hafalan Al-Quran serta mendalami makna-maknanya. Barakah dan kunci kejayaan seseorang dalam bulan Ramadhan ada pada kuatnya hubungannya dengan bulan Ramadhan dalam rangka untuk meningkatkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

UMAT Islam di seluruh dunia pasti akan sentiasa menanti ketibaan bulan Ramadhan yang dipenuhi dengan keberkatan dan fadilat. Bermula dari bulan Rejab sehinggalah Syaaban, ramai di kalangan umat Islam sudah pun mempersiapkan diri untuk menyambut kehadiran Ramadan Al-Mubarak ini. Ada yang memperbanyakkan amalan dengan berpuasa sunat di kedua-dua bulan tersebut di samping amal ibadah yang lain bagi menjadikan suatu dorongan untuk lebih memperbanyakkan amalan di bulan Ramadhan.

Bulan Ramadhan hadir dengan seribu satu pengertian. Ia hadir setiap tahun dengan pelbagai kelainan. Setiap bulan Ramadhan, kenikmatannya pasti berbeza kerana Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Kaya dan anugerah-Nya tiada bandingannya. Namun terdapat sebilangan manusia mempunyai tanggapan dan persepsi serta perasaan yang berbeza apabila menjelang bulan Ramadhan. Ada yang pertama sekali dalam fikiran mereka adalah 'lapar'. Ada juga apabila Ramadan tiba, apa yang paling difikirkan ialah 'penat' dan ada juga memikirkan 'bilakah Ramadan ini akan berakhir?'. Golongan yang membuat fikiran ini tergolong dari orang-orang yang rugi dan tidak mendapat keberkatan bulan Ramadhan.

Namun bagi golongan yang benar-benar mengerti nilai kehambaan diri mereka kepada

Sumbangan derma untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah BND9,627 daripada Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Dynamik Technologies (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah BND9,627 daripada dua buah agensi pagi tadi di Bangunan

KKBS.

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah menyumbang sejumlah BND8,027 yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, RIPAS, Awang Abdol Haziz bin Haji Ahad.



Sumbangan adalah hasil kutipan daripada pegawai dan kakitangan Hospital RIPAS.

Sementara itu, Dynamik Technologies menyumbang sejumlah BND1,600 yang disampaikan oleh Ketua Pemasaran dan Komunikasi Korporat, Dynamik Technologies, Awang Mohamad Faizul bin Haji Yahya.

Sumbangan adalah kutipan

daripada ahli-ahli syarikat.

Hadir menerima sumbangan berkenaan, Pemangku Pengarah

Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

372 botol minuman keras pelbagai jenis dirampas

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



PASUKAN Polis Hutan berjaya merampas barang-barang tegahan yang dibawa masuk secara haram.

TEMBURONG, Selasa, 5 Mac. - Pasukan Polis Simpanan 'C' Kompeni (Polis Hutan), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan satu operasi pencegahan jenayah berdasarkan maklumat perisikan pada 4 Mac lalu di kawasan perhutanan Daerah Temburong yang dipercayai digunakan sebagai pusat pemunggahan dan pengedaran barang tegahan.

Pasukan Polis Hutan telah berjaya mengesan tempat beberapa jumlah kotak-kotak besar disimpan yang dipercayai mengandungi barang tegahan yang dibawa masuk secara haram.

Pasukan Polis Hutan telah bertindak untuk menyerbu kawasan berkenaan dan berjaya menahan seorang suspek bersama kotak-kotak yang dipercayai barang tegahan.

Hasil operasi berkenaan, Pasukan Polis Hutan berjaya menahan seorang warga tempatan yang disyaki terlibat dengan aktiviti penyeludupan sekali gus berhasil merampas 31 kotak mengandungi 372 botol minuman keras pelbagai jenis yang dipercayai diseludup dari negara jiran.

Kes berkenaan dilaporkan di Balai Polis Bangar untuk penyerahan siasatan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi tindakan selanjutnya.

Pihak PPDB ingin mengingatkan orang ramai agar jangan melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti jenayah dan melanggar undang-undang negara yang hanya mendatangkan kerugian pada diri sendiri dan keluarga.

PPDB akan sentiasa bergiat aktif dalam usaha pembanterasannya dan pengekangan terhadap kegiatan-kegiatan penyeludupan barangan tegahan di negara ini.

PRODUK KOSMETIK DICEMARI BAHAN TERLARANG

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kosmetik di mana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Produk kosmetik tercemar yang berkenaan adalah MS Glow - Whitening Lifting Serum dari pengilang PT Kosmetika Global, Indonesia yang dicemari dengan merkuri. Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan. Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007.

Penggunaan merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf.

Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan daripada pengguna dan boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Orang ramai yang telah menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan

pengambilannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan *advers* dan merasa tidak sihat selepas menggunakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Kompians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Kompians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; berjumpa terus Pegawai Kompians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.



PRODUK kosmetik MS Glow - Whitening Lifting Serum dari pengilang PT Kosmetika Global, Indonesia yang dicemari dengan merkuri (kiri sekali dan kiri).

PELUANG SERTAI KEMPEN DERMA DARAH

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah seperti mana yang telah ditetapkan di beberapa buah lokasi terpilih. Orang ramai juga adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu mengekalkan bekalan stok darah di negara ini.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Selasa, 5 Mac 2024 di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024 anjuran Kementerian Sumber-Sumber dan Pelancongan (KSSUP) bermula pukul 9.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari.

Sementara itu, pada Rabu, 6 Mac 2024, Kempen Derma Darah akan diadakan di Aras Bawah, Pusat Membeli-belah Kompleks Annajat, Beribi bermula pukul 10.00 pagi hingga 2.30 petang dan pada Khamis, 7 Mac 2024 bertempat di Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Jalan Sultan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40 anjuran Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait bermula pukul 9.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari.

Sementara itu, Tabung Darah Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong juga akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Ahad, 10 Mac 2024 bertempat di Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba, Kampung Senukoh, Temburong anjuran Majlis Perundingan Kampung Senukoh bermula pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Selasa 5 Mac 2024 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari	Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke 40 Anjuran Kementerian Sumber-Sumber dan Pelancongan
Rabu 6 Mac 2024 10.00 pagi hingga 2.30 ptg	Aras Bawah, Pusat Membeli-belah Kompleks Annajat, Beribi
Khamis 7 Mac 2024 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari	Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait Jalan Sultan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke 40 Anjuran Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait
TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Ahad 10 Mac 2024 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari	Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba, Kg Senukoh, Temburong Anjuran Majlis Perundingan Kampung Senukoh

Pemakluman pemindahan tempat Kursus Pra-Nikah

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memaklumkan bahawa Kursus Pra Nikah bagi Daerah Brunei dan Muara yang dijadualkan 5 dan 6 Mac akan berpindah ke Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop. Sehubungan itu, waktu kursus tersebut adalah masih seperti biasa. Perubahan ini adalah atas sebab perkara yang tidak dapat dielakkan.

MAKLUMAN

Perubahan Tempat
Kursus Pra-Nikah Daerah Brunei dan Muara
5 dan 6 Mac 2024

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dimaklumkan kepada peserta Kursus Pra-Nikah (Daerah Brunei dan Muara) yang telah dijadualkan untuk hadir pada **5 dan 6 Mac 2024**, Kursus berkenaan akan berpindah tempat sementara seperti jadual berikut:

Hari/Tarikh	Masa	Tempat
Hari Selasa, 5/3/2024	8.00-11.30 pagi	Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran
	dan	Anak Puteri Muta-Wakkilah
Hari Rabu, 6/3/2024	1.45-4.30 petang	Hayatul Bolkiah, Serusop.

Mohon maaf atas sebarang kesulitan. Terima kasih.

2241267 bknk.kheu bknk@mora.gov.bn

Kenali Bahasa Brunei

Ladang bermaksud luas atau lapang.

Contoh pemakaian kata : kawasan rumahnya **ladang**.

Lambah-lambah bermaksud tidak tertutup biasanya tentang pintu atau jendela.

Contoh pemakaian kata : pintu rumahnya **lambah-lambah**.

Balangkur bermaksud berjemur biasanya membuat kerja ketika matahari panas terik.

Contoh pemakaian kata : baju **balangkur** ia bakaraja dami mambasarkan anak-anaknya.

Maluhum bermaksud cuaca gelap ketika hendak hujan.

Contoh pemakaian kata : bangkit tia naindah atu lai, **maluhum** udah usulnya ari ani.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Daging Cincangan Masak Kunyit Kampung Lambak

BAHAN-BAHAN :

- 1 kilogram daging cincangan
- 1 sudu makan serbuk lada putih
- 2 sudu makan serbuk halia
- 2 sudu makan serbuk kunyit
- Setengah biji bawang Holland (dipotong)
- 3 biji bawang merah
- Halia sebesar ibu jari (dipotong)

9 keping asam kulit

Air secukupnya

CARA MEMASAK :

Daging cincangan dipotong-potong dan dibersihkan kemudian di rebus bersama air secukupnya, serbuk lada putih, serbuk halia, serbuk

kunyit, bawang Holland, bawang merah serta halia selama 40 minit. Setelah itu masukkan asam kulit dan direbus lagi sehingga air rebusan menjadi pekat. Bubuh garam, gula dan serbuk perasa mengikut selera masing-masing. Siap untuk dihidang.

BERSATU PADU MEMBANGUN NEGARA

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



DAYANG Aunizafirah Batrisyia binti Agus Zamri.

MELBOURNE, AUSTRALIA, Selasa, 5 Mac. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Bersama Penuntut-Penuntut, Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Australia dan New Zealand setentunya menjadi peluang keemasan bagi segenap lapisan rakyat dan penduduk yang berada di sana untuk beramah mesra serta berinteraksi dengan raja yang dikasihi.

Pada Majlis Bersama Penuntut-Penuntut, Rakyat dan Penduduk NBD yang berada di Australia dan New Zealand yang berlangsung di Hotel Park

M U H A M M A D Syahrulneezam bin Haji Rosmadee.



DAYANG Muna Syafawati binti Saruji.



Hyatt Melbourne, keterujaan itu dapat digambarkan melalui temu bual bersama Dayang Nur Afifah Hamizah binti Haji Burhanuddin yang mengambil Masters in Banking and Finance di University of Monash, menjunjung kasih serta memanjat rasa syukur kerana diberikan kesempatan beramah mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Memandangkan NBD baru saja menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40 tahun, menurut Nur Afifah Hamizah, Majlis Bersama Rakyat ini dapat lagi menyemarakkan semangat patriotik dalam dirinya dan orang Brunei yang berada di sini.

Majlis ini juga sebagai pencetus semangat bagi para pelajar di sini untuk belajar dengan cemerlang dan seterusnya membawa balik ijazah ke tanah air untuk sama-sama berjuang demi negara dan memainkan peranan masing-masing dalam sama-sama membangunkan negara. Sementara itu, Ampuan Amirah Farahiyah binti Ampuan Haji Mohamad yang mengambil jurusan dalam bidang Bachelors in Radiography and Medical Imaging (Honours) di University of Monash, menyatakan hasrat dan beriltizam untuk memberikan sumbangan kepada negara dalam bidang kesihatan

dan mengongsikan idea dan pengalaman yang diperolehi di sini di mana beliau akan menjalani penempatan kerja dalam bidang kesihatan.

Sebagai orang Brunei, tambahnya, ada beberapa nilai-nilai kebruneian yang diterapkan di sini terutama sekali pelajar Brunei iaitu mengambil berat antara satu dengan yang lain dan sikap prihatin terhadap orang lain terutama sekali dalam industri kesihatan.

"Nasihat kepada para pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di sini, kita perlu ingat diri kita sebagai orang Brunei dan kita adalah sebahagian daripada Wawasan Brunei 2035 dan terus berusaha menjadikan NBD sebagai sebuah negara yang maju," jelasnya.

Dalam kesempatan ini, beliau menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kemudahan yang telah diberikan kepada para pelajar di sini dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pemberian biasiswa untuk melanjutkan pengajian di sini.

Manakala, Dayang Aunizafirah Batrisyia binti Agus Zamri, pelajar SAP Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang sedang melanjutkan pelajaran di Queensland University of Technology, Brisbane, Australia dalam bidang Bachelor of Media and Communications Technology dalam temu bualnya menyatakan bahawa para pelajar yang melanjutkan pelajaran di sini adalah bukan sahaja untuk membentuk sikap Melayu Islam Beraja (MIB) yang telah diterapkan di negara kita, malahan untuk memperluaskan lagi pemikiran yang

boleh menyumbangkan ke arah Wawasan Brunei 2035.

"Saya rasa pengalaman seperti ini boleh meningkatkan keyakinan, pencapaian dan pembangunan belia, lebih-lebih lagi bagi belia yang akan menjadi benteng pertahanan dan kemajuan negara," tambahnya.

Segala pelajaran yang dipelajari di universiti ini, jelasnya, berasaskan *creative thinking* dan *critical thinking* yang boleh membantu belia-belia Brunei untuk mengembangkannya cara pemikiran dan dapat dipraktikkan dalam komuniti.

Dayang Muna Syafawati binti Saruji, pelajar Bachelor of Dental Technology, Griffith University juga menyatakan keterujaannya dan bersemangat untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Saya akan menjadi belia yang berguna untuk negara setelah saya menamatkan pengajian saya," kata Dayang Muna Syafawati.

Sementara itu, Mohammad Imanshah bin Mohammad Shahminan yang kini menuntut dalam Bachelor of Medical Radiation Science (Honours) in Radiation Therapy, University of Newcastle semasa ditemu bual menyatakan hasrat selepas tamat pengajian di sini, beliau akan bersedia berkhidmat dalam bidang kesihatan memandangkan pada masa ini, NBD memerlukan pekerja-pekerja dalam bidang kesihatan.

Dalam kesempatan ini, beliau menyarankan, dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, kita memerlukan rakyat berpendidikan yang tinggi dan juga kualiti kehidupan yang baik.

"Kita sebagai pelajar untuk terus belajar bersungguh-sungguh dan meraih

MOHAMMAD Imanshah bin Mohammad Shahminan (kiri) dan Ampuan Amirah Farahiyah binti Ampuan Haji Mohamad



DAYANG Nur Afifah Hamizah binti Haji Burhanuddin.

peluang yang diberikan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan jangan sia-siakan peluang yang diberikan," tambahnya.

Begitu juga dengan saranan Muhammad Syahrulneezam bin Haji Rosmadee, pelajar Bachelor of Commerce di University of Western Australia di mana menurutnya, adalah penting bagi pelajar untuk menyumbangkan semula kepada komuniti di NBD selepas tamat pengajian di sini.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

- ⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

- ✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.





Memperkasa peranan wanita

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

MENURUT pandangan agama Islam, semua manusia itu sama ada lelaki ataupun wanita, tanpa mengira darjat, keturunan mahupun kedudukan tidak ada beza melainkan nilai ketakwaannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13, tafsirnya :

"Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berparti-bagi bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semuliamula kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti".

Jelas dalam hadis di atas, laki-laki atau perempuan adalah sama tetapi apa yang membezakannya hanyalah ketakwaan masing-masing. Justeru perbezaan antara laki-laki dan perempuan tidak menjadi dasar untuk membezakan kedudukan dan peranan kedua-duanya. Laki-laki dan perempuan diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk saling melengkapi, sehingga menimbulkan hubungan timbal balik di antara keduanya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menjelaskan bahawa sebaik-baik orang itu adalah orang yang berbuat dan berlaku baik kepada wanita, ini jelas menunjukkan bahawa wanita itu seharusnya dimuliakan, dihormati dan disayangi. Daripada Abu Hurairah Radiallahu 'anh, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlakannya. Dan sebaik-baik kamu adalah mereka yang berbuat baik kepada kaum wanita mereka"*. (Hadis Riwayat Imam Termizi).

Wanita, kerjaya

Ketika negara semakin maju, peranan wanita

dalam pembangunan negara menjadi semakin penting. Sebahagian besar wanita sekarang terlibat dalam pelbagai pekerjaan di luar rumah dan tidak lagi terperuk di ceruk dapur. Peranan mereka tidak lagi terhad di rumah sebagai ibu mahupun isteri tetapi juga dalam pelbagai aktiviti pekerjaan di luar rumah dari aktiviti ekonomi seperti berniaga sendiri hinggalah kepada bidang profesional seperti dalam bidang pendidikan, keagamaan, perubatan, kejuruteraan, perbankan, perundangan dan sebagainya. Wanita yang berkarier serta berdikari mampu membantu dalam sama-sama berjuang untuk pembangunan negara.

Sejak mencapai kemerdekaan, negara kita yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi dalam perlembagaan pada dasarnya tidak mengabaikan hak dan kedudukan wanita, malah kerajaan telah melantik wanita memegang jawatan utama dalam pemerintahan negara.

Peranan dan sumbangan wanita di Negara Brunei Darussalam adalah sangat penting bagi pembangunan sosioekonomi dan pemeliharaan keamanan dan keselamatan. Mereka telah sama-sama berganding bahu bagi mencapai kemajuan ekonomi, kesejahteraan keluarga, sosial dan kemakmuran negara.

Penglibatan wanita dalam tenaga kerja profesional di negara kita tidak dapat dinafikan lagi. Mereka menjawat pelbagai jawatan penting dalam sektor-sektor utama seperti pengarah, setiausaha tetap bahkan menteri. Tidak kurang juga hebatnya mereka yang dilantik menjadi Yang Berhormat, ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat Negara. Kepercayaan yang diberikan menunjukkan wanita di negara ini juga berkemampuan dan mempunyai peranan yang besar bagi sama-sama memajukan negara kita.

Wanita bukan sahaja bertanggungjawab dalam menguruskan keluarga tetapi masa kini perlu bekerja untuk kelangsungan hidup dan menghadapi keadaan ekonomi yang mencabar. Dengan kenaikan kos sara hidup, wanita perlu menjana pendapatan tanpa

bergantung sepenuhnya kepada pasangan atau ibu bapa.

Tetapi wanita juga perlu bijak dalam mengurus masa dan tenaga untuk memikul tanggungjawab antara kerjaya dan keluarga secara optimum. Majikan, keluarga dan pasangan perlu memberi sokongan kerjasama dan motivasi kepada wanita dalam mengimbangi antara tanggungjawab keluarga dan kerjaya. Suntikan semangat yang dianggap kecil berupaya menjadikan wanita lebih berdaya saing serta mampu menghadapi cabaran yang bakal dihadapi. Keluarga terutama suami perlu bersamasama dalam membantu melakukan kerja-kerja rumah seperti menjaga anak serta mengurus rumah tangga. Dengan adanya persefahaman ini secara tidak langsung akan menjadikan isteri lebih bersemangat dan bermotivasi. Kerjasama dan sokongan ini adalah penting bagi memastikan golongan wanita dapat membina kerjaya dan dapat terus memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

Menghadapi cabaran bencana

Walaupun wanita itu adalah makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala yang berbeza dengan golongan lelaki dari segi ketahanan dan kekuatan fizikalnya, namun mereka mempunyai hati dan semangat yang cekat dan kental. Kini peranan wanita lebih mencabar dalam menghadapi globalisasi serta perubahan alam sekitar yang sekali gus memaksa para wanita untuk memikirkan keluarga untuk bertahan hidup.

Peranan wanita adalah penting dalam menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dan berada dalam kesiapsiagaan yang lebih baik bagi menghadapi perubahan landskap bencana yang berterusan. Wanita yang mampu menggerakkan keluarga dan komuniti mereka jika diberi peranan, pengetahuan, dan pemerikasaan yang sewajarnya sangat diperlukan dalam menghadapi situasi yang tidak dijangkakan.

Oleh kerana kemampuan wanita dalam menghadapi sebarang cabaran maka tidak hairanlah jika wanita kini mulai dilibatkan dalam mitigasi bencana mulai dari pemulihan, penempatan bahkan hingga penyusunan serta perancangan semula pasca bencana. Peningkatan peranan wanita dalam menghadapi bencana dilakukan melalui pendidikan, latihan agar wanita mempunyai pengetahuan dan kesedaran, serta kemampuan ketika menghadapi bencana.

Ini adalah bagi memastikan kaum wanita mendapat pendidikan yang perlu bagi membantu mereka dan keluarga mereka apabila menghadapi situasi bencana. Wanita perlu diberikan sokongan dan persediaan awal termasuklah pemahaman asas mengenai kejadian bencana alam, bagaimana persediaan dalam menghadapi bencana alam, bagaimana memberikan bantuan serta-merta kepada anak-anak dan ahli keluarga jika terlibat dalam bencana dan sebagainya. Dengan adanya latihan dan pemahaman yang diberikan kepada golongan ini, wanita akan merasa lebih percaya diri, berani dan bersedia dalam menghadapi apa jua musibah dan bencana. Korban dan kecederaan juga akan berkurangan kerana mereka lebih bersedia dan lebih cepat bertindak. Kesedaran pengurusan bencana mesti bermula dari rumah biskita. Oleh itu, kaum wanita mempunyai peranan yang signifikan di semua fasa pengurusan bencana seperti usaha-usaha kesiapsiagaan, tindakan respons dan pemulihan.

Kesimpulan

Dengan sikap kental, berani, percaya pada kemampuan diri sendiri, wanita boleh bertindak dengan lebih jauh lagi bagi sama-sama menghadapi sebarang cabaran pada masa hadapan. Apa yang penting tanggungjawab kepada anak, suami dan keluarga tidak akan terabai. Wanita yang hebat setentunya akan menjadi inspirasi kepada wanita lain untuk terus berjaya.



24 PELAJAR LANJUTKAN PENGAJIAN DI LPUVT



SESI bergambar ramai bagi para pelajar Kejuruteraan Kimia dari Politeknik Brunei yang akan memulakan pengajian mereka di Lanzhou, Republik Rakyat China.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Seramai 24 pelajar Kejuruteraan Kimia dari Politeknik Brunei (PB) memulakan perjalanan pengajian mereka ke Lanzhou, Republik Rakyat China, sebagai sebahagian daripada program kerjasama antara Hengyi Industries Sendirian Berhad

(Hengyi Industries) dan PB untuk melanjutkan pelajaran di Lanzhou Petrochemical University of Vocational Technology (LPUVT). Ditubuhkan pada Mac 2021, Program Kerjasama Bersama memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh kemahiran praktikal dan pengetahuan penting

untuk kerjaya dalam industri petrokimia.

Sepanjang program tiga tahun, pelajar yang telah menamatkan pengajian selama dua tahun di PB dan akan menjalani satu semester pengajian di LPUVT.

Selepas itu, mereka akan menamatkan semester akhir mereka dengan Hengyi Industries di Pulau Muara Besar, di mana

mereka akan melibatkan diri dalam pembelajaran berasaskan industri, memberikan mereka pengalaman praktikal yang berharga.

Program Kerjasama Bersama juga menyediakan para pelajar dengan Tawaran Pekerjaan Bersyarat (CoE - Conditional Offers of Employment).

Setelah berjaya menamatkan pengajian dan tamat pengajian

mereka, para pelajar akan ditawarkan peluang untuk bekerja sepenuh masa di Hengyi Industries.

Nur Farah Bathrisya binti Mahdini, salah seorang pelajar yang berlepas ke Lanzhou, berkongsi pendapatnya tentang perjalanannya yang akan datang, "Sebagai pelajar kejuruteraan dan anak bungsu dalam keluarga saya, saya menganggap belajar di luar negara sebagai pengalaman yang mengubah hidup di mana saya boleh menyelami suasana budaya yang baharu, menemui kemahiran baharu dan menghadapi cabaran baharu. Untuk semua ini, saya ingin menunjukkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada PB dan Hengyi Industries kerana menaja dan menyokong saya dalam perjalanan ini".

Turut berkongsi kegembiraannya ialah Pengiran Muhd. Abdul Malik bin Pengiran Ibnuh, yang berkata, "Kerjasama antara LPUVT dan Hengyi Industries telah membuka jalan untuk saya menemui dan meneroka dunia industri Petrokimia serta meningkatkan kemahiran saya. Saya amat bersyukur dengan peluang ini. Saya berusaha untuk belajar dan meningkatkan pengetahuan saya dengan LPUVT dan ingin menyumbang kepada ekonomi Brunei bersama-sama dengan Hengyi Industries untuk masa depan yang lebih baik."

Perkukuh jaringan kerjasama akademik antara universiti



SERAMAI lima pelajar dan dua pensyarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i mengikuti Program Mobiliti Pelajar dan Pensyarah atas kolaborasi bersama dengan tiga buah universiti iaitu, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan University Princes Songkhla, Hatyai Thailand.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) telah mengikuti Program Mobiliti Pelajar dan Pensyarah atas kolaborasi bersama dengan tiga buah universiti iaitu, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan University Princes Songkhla, Hatyai Thailand.

Program mobiliti ini merupakan inisiatif bersama empat buah negara yang mempunyai motif yang sama untuk menghidupkan dan mengaktifkan jaringan kerjasama

dalam penulisan dan penerbitan di samping memperkukuhkan lagi jalinan akademik antarabangsa dalam sama-sama menaikkan nama universiti.

Cetusan idea ini merupakan pertama kali diadakan oleh PPMS dalam menyahut dan mendukung misi dan visi UNISSA untuk mempertingkatkan penerbitan dan sejajar dengan peranan dan matlamat PPMS.

Justeru, program ini mengandungi pelbagai aktiviti yang meliputi banyak KPI seperti pembentangan pensyarah dalam mini seminar,

pembentangan pelajar dalam kolokium antarabangsa, khidmat masyarakat, jerayawara dan penyerahan mushaf ke agensi-agensi yang terpilih.

Di antara objektif program ini dijalankan adalah untuk meluaskan jaringan kerjasama dengan tiga buah institusi di luar negara, selain menjadi platform bagi pensyarah tempatan untuk berkongsi input dan berkolaborasi dalam penerbitan dan mendedahkan pelajar dengan pengalaman pembentangan di luar negara di samping memantapkan lagi kualiti penulisan tesis pelajar.

Bukan itu sahaja, program

Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40

■ Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

TEMBURONG, Selasa, 5 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pagi tadi mengadakan Kempen Derma Darah Kebangsaan bertempat di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Temburong bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

Jumlah penderma darah adalah seramai 25 orang dari 27 orang yang telah mendaftar untuk menderma yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, persatuan-persatuan dan orang awam di Daerah Temburong.

berkenaan juga melatih pelajar-pelajar dengan sikap kepimpinan melalui khidmat masyarakat dan mempromosi PPMS sebagai pilihan pelajar luar negara bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran.

Seramai lima pelajar dan dua pensyarah PPMS iaitu Timbalan Pengarah PPMS dan Ketua Program pascasiswazah PPMS yang mengikuti program mobiliti ini yang diadakan pada Ahad, 15

Kempen Derma Darah tersebut diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 Tahun, Tahun 2024 di bawah Acara-acara Semarak Hari Kebangsaan.

Selain sebagai usaha menyahut seruan Kerajaan dalam pendekatan Whole of Nation ia juga antara lain bertujuan untuk memberikan peluang kepada penderma dalam membantu meningkatkan tabung simpanan darah di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di samping sebagai salah satu usaha bersama dalam melibatkan penyertaan warga kerja dan stakeholders di KSSUP.

Syaaban - 22 Syaaban 1445H bersamaan dengan 25 Februari - 3 Mac 2024M.

Program mobiliti tersebut memberi manfaat kepada semua pihak di mana pensyarah berpeluang menerbitkan buku atau *chapter in book* bersama pensyarah di USIM dan juga UUM.

Bagi pelajar-pelajar pula mampu menghasilkan tesis yang berkualiti dan berpotensi graduasi dalam tempoh yang ditetapkan.

CHINA SASAR PERTUMBUHAN 5 PERATUS PADA 2024

BEIJING, 5 Mac. - China menyasarkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara itu mencatat pertumbuhan 5.0 peratus pada tahun 2024, lebih rendah daripada 5.2 peratus yang dicapai pada tahun 2023 di tengah-tengah persekitaran ekonomi global yang lembap, kata Perdana Menteri, Li Qiang pada Selasa.

China juga merancang untuk mewujudkan 1.2 juta pekerjaan di bandar dan menyasarkan kadar pengangguran sebanyak 5.5 peratus serta peningkatan indeks harga pengguna sekitar

3.0 peratus tahun ini.

Li berkata China juga menetapkan nisbah defisit kepada KDNK pada 3.0 peratus untuk tahun ini, dengan defisit kerajaan meningkat 180 bilion yuan daripada jumlah bajet 2023 negara.

"Dalam menetapkan sasaran ini, kami mempertimbangkan dinamik yang sedang berlaku di dalam dan luar negara serta faktor-faktor lain yang berkaitan dan apa yang diperlukan dan apa yang mungkin.

"Dalam menetapkan kadar pertumbuhan sekitar 5.0 peratus,

kami telah mengambil kira keperluan untuk meningkatkan pekerjaan dan pendapatan serta mencegah dan mengurangkan risiko," katanya pada pembukaan sesi perundangan tahunan negara di dewan Great Hall of the People.

Beliau berkata kadar pertumbuhan itu selaras dengan objektif Rancangan Lima Tahun Ke-14 China dan matlamat untuk merealisasikan pemodenan.

Menurut beliau, ini juga mengambil kira potensi pertumbuhan dan keadaan yang menyokong pertumbuhan untuk

mengejar kemajuan.

"Mencapai sasaran tahun ini bukanlah mudah, jadi kami perlu mengekalkan fokus dasar, bekerja lebih gigih dan menggerakkan usaha bersepadu semua pihak," kata Li.

Beliau berkata China mengunjurkan hasil fiskalnya akan terus berkembang pada tahun 2024 dan Kerajaan China juga akan mempunyai dana yang dipindahkan daripada sumber lain.

"Atas dasar ini, perbelanjaan awam dalam belanjawan kerajaan diunjurkan mencapai



28.5 trilion yuan, peningkatan sebanyak 1.1 trilion yuan berbanding tahun lepas," katanya.

Pada 2024, Li berkata 3.9 trilion yuan bon tujuan khas untuk kerajaan tempatan akan dikeluarkan, peningkatan sebanyak 100 bilion yuan berbanding tahun lepas. - ©BERNAMA

Insiden helikopter terhempas di Pulau Angsa : Empat termasuk juruterbang selamat

PUTRAJAYA, 5 Mac. - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan

sebuah helikopter yang dikendalikan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

terhempas di perairan Pulau Angsa, Klang, Selangor namun tiada kehilangan nyawa dilaporkan dalam kejadian itu.

Ketua Pegawai Eksekutif CAAM Datuk Kapten Norazman Mahmud dalam kenyataan hari ini memaklumkan kejadian itu membabitkan helikopter model AW139 nombor pendaftaran M72-01 yang membawa empat orang termasuk juruterbang.

"Helikopter berkenaan telah

berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Selangor pada 9.10 pagi bagi latihan penerbangan.

"Hubungan terakhir pesawat dengan pegawai kawalan trafik udara dilaporkan pada 9.20 pagi namun tiada panggilan kecemasan diterima," katanya.

Beliau berkata Pusat Koordinasi Menyelamat Aeronautika Kuala Lumpur di Pusat Kawalan Trafik Udara diaktifkan

serta-merta untuk mengenal pasti lokasi helikopter terbabit sejurus menerima laporan berhubung kejadian itu.

Norazman berkata semua mangsa diselamatkan dengan helikopter penyelamat yang kemudian mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah pada 10.58 pagi.

"Siasatan akan dijalankan oleh Lembaga Siasatan APMM," katanya. - ©BERNAMA

Korea Selatan : Mogok doktor pelatih, kerajaan mula ambil tindakan

SEOUL, 4 Mac. - Menteri Kesihatan Korea Selatan Cho Kyoo-hong pada Isnin berkata pihak berkuasa akan mengambil tindakan ke atas doktor pelatih yang melakukan "mogok secara haram" dan mengingkari arahan supaya kembali bertugas.

Kira-kira 9,000 doktor pelatih tidak hadir bertugas buat hari ke-14 berturut-turut pada Isnin kerana membantah rancangan kerajaan untuk menambah 2,000 lagi tempat di sekolah perubatan mulai tahun depan berbanding 3,058 sekarang.

"Kerajaan tegas dalam prinsip menentang protes besar-besaran itu," lapor Agensi Berita Yonhap memetik kenyataan Cho pada mesyuarat mengenai isu tersebut.

"Mulai Isnin, pihak berkuasa kesihatan akan memulakan siasatan di hospital bagi menentukan sama ada doktor pelatih telah kembali bekerja dan mengambil langkah mengikut undang-undang dan prinsip tanpa pengecualian jika mereka masih enggan bertugas," katanya.

Pegawai Kementerian berkata pihak berkuasa juga memulakan prosedur untuk menggantung lesen kira-kira 7,000 doktor pelatih.

Kerajaan memberi tempoh sehingga Khamis untuk mereka kembali bekerja dan memberi amaran bahawa mereka boleh dikenakan tindakan, termasuk hukuman jenayah atau pembatalan lesen doktor.

Sehingga Khamis lepas, daripada 8,945 doktor pelatih yang enggan bekerja, 565 telah kembali bertugas, menurut Yonhap. - ©BERNAMA

Dasar pengecualian visa rapatkan hubungan China dan Thailand

BEIJING, 4 Mac. - Perdana Menteri Thailand Srettha Thavisin yakin pelaksanaan dasar pengecualian visa kepada pengembara China akan membantu merangsang ekonomi tempatan memandangkan China adalah negara sumber pelancong terbesar sejak 10 tahun lepas.

Beliau berkata demikian ketika ditemu bual Kumpulan Media China (CMG) di Bangkok baru-baru ini. Untuk rekod, China dan Thailand mula melaksanakan dasar pengecualian visa kepada rakyat masing-masing bermula 1 Mac lalu. Srettha berkata hubungan kedua-dua negara amat erat, kebanyakan rakyat Thailand adalah keturunan Cina dan mengalu-alukan kedatangan pelancong China.

Beliau mula menjalankan tugas sebagai perdana menteri pada 5 Sept 2023. Seminggu selepas itu, pada 13 Sept, beliau mengumumkan keputusan kerajaan untuk melaksanakan dasar pengecualian visa kepada pengembara China selama lima bulan.

Pada 28 Jan 2024, kerajaan China dan Thailand menandatangani perjanjian di Bangkok untuk melaksanakan dasar pengecualian visa, berkuat kuasa 1 Mac dan disambung dengan dasar sementara sebelumnya.

Menurut statistik terkini Kementerian Pelancongan dan Sukan Thailand, jumlah pelancong China yang melawat negara itu melebihi sejuta pada 1 Jan hingga 25 Feb, menduduki tangga teratas dalam jumlah pelancong asing. - ©BERNAMA

Berhati-hati skim penipuan guna AI sunting imej pemimpin negara

KUALA LUMPUR, 5 Mac. - Timbalan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching mengingatkan pengguna media sosial supaya lebih berhati-hati dengan sindiket penipuan menggunakan kandungan yang dihasilkan oleh teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk memperdaya orang ramai.

Beliau mengeluarkan peringatan itu susulan penyebaran satu klip video yang memaparkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bercakap mengenai satu skim pelaburan dengan jaminan pulangan lumayan yang disunting menggunakan teknologi AI.

Teo berkata beliau telah menghantar pautan video

berkenaan kepada pihak Meta untuk diturunkan daripada semua platformnya.

"Ini bukan kali pertama saya terima aduan mengenai video Perdana Menteri yang dihasilkan dengan AI untuk tujuan penipuan skim pelaburan. Kita sebagai rakyat perlu berhati-hati," katanya kepada pemberita sambil menambah adalah tidak munasabah seorang Perdana Menteri bercakap mengenai skim seperti itu.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan ABU Digital Broadcasting Symposium 2024, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Teo berkata syarikat gergasi teknologi atau penyedia platform media

sosial seperti Meta, TikTok dan Google juga perlu mengkaji kaedah untuk memaklumkan jika sesuatu kandungan dihasilkan menggunakan teknologi AI supaya pengguna tidak mudah tertipu.

"Kerajaan juga sedang mengkaji kaedah untuk merapatkan kerjasama dengan syarikat gergasi teknologi atau penyedia platform mengenai perkara ini," katanya.

Menurut Teo masyarakat sememangnya digalakkan untuk menggunakan teknologi baharu seperti AI, namun pada masa sama perlu berhati-hati atas risiko dan cabaran yang dibawa teknologi berkenaan. - ©BERNAMA

Majoriti rakyat AS tidak setuju dasar Biden mengenai konflik Gaza

MOSCOW, 4 Mac. - Sebanyak 60 peratus rakyat Amerika Syarikat (AS) tidak bersetuju dengan cara Presiden AS Joe Biden mengendalikan konflik antara Israel-Hamas di Semenanjung Gaza, lapor Sputnik.

Tinjauan oleh The Wall Street Journal pada Ahad mendedahkan sebanyak 42 peratus daripada responden percaya Israel agak keterlaluan

dalam tindakannya memerangi kumpulan Palestin di wilayah terkepung itu. Selain itu, sebanyak 19 peratus daripada responden percaya tindakan Israel di Gaza tidak memadai manakala 24 peratus lagi percaya tindak balas Israel adalah betul.

Tinjauan itu juga mendedahkan simpati dalam kalangan penduduk AS terhadap rakyat Palestin semakin meningkat

kerana 33 peratus responden percaya Amerika Syarikat tidak melakukan cukup usaha untuk membantu mereka.

Pada masa sama 30 peratus rakyat Amerika berpendapat bahawa AS memberikan terlalu banyak bantuan kepada Israel. Tinjauan itu dijalankan dari 21 hingga 28 Feb melibatkan seramai 1,500 responden. - ©BERNAMA

Negara anggota GCC ulangi sokongan kedaulatan Maghribi ke atas Sahara

RIYADH, 4 Mac. - Menteri Luar Negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) pada Ahad menegaskan pendirian dan keputusan tidak berbelah bahagi Majlis Tertinggi GCC dalam menyokong kedaulatan Maghribi ke atas Sahara dan melindungi keamanan dan keselamatan

Maghribi.

GCC turut menyokong inisiatif autonomi yang merupakan penyelesaian kepada konflik Sahara dalam kerangka kedaulatan kerajaan dan integriti negara dan wilayah, lapor Agensi Berita Maghreb Arabe Press (MAP).

Pengesahan itu dibuat pada akhir sesi kerja bersama yang menghimpunkan Sekretariat Agung GCC di Riyadh, Menteri Luar, Kerjasama Afrika dan Ekspatriat Maghribi, Nasser Bourita serta menteri-menteri Luar negara anggota Majlis Kerjasama Teluk.

Sementara itu, Setiausaha Agung GCC menekankan mengenai kepentingan kerjasama strategik antara GCC dan kerajaan Maghribi.

Pertemuan ini adalah sebahagian daripada hubungan kukuh dan perkongsian strategik yang komprehensif dan

diperbaharui antara Maghribi dan negara anggota GCC yang diasaskan oleh Raja Mohammed VI dan pemimpin negara anggota GCC, sejak Sidang Kemuncak Maghribi-GCC berlangsung pada 20 April 2016 di Riyadh. - ©BERNAMA



SESI PEMILIHAN PEMAIN B21 DAPAT SAMBUTAN



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) semasa sesi bergambar ramai bersama para pemain bola sepak yang menyertai sesi pemilihan bagi pasukan bola sepak kebangsaan usia Bawah 21 Tahun (B21) (atas). Manakala gambar bawah, antara aksi pemain pada pemilihan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac.
- Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff melahirkan rasa optimis selepas menyaksikan sambutan

yang menggalakkan dan semangat tinggi dari hampir 400 pemain bola sepak yang menyertai sesi pemilihan untuk diserapkan ke dalam pasukan bola sepak kebangsaan bagi usia Bawah 21 Tahun (B21).

"Kesungguhan pemain-pemain untuk mempamerkan potensi masing-masing sangat membanggakan. Kita perlu berusaha gigih memantapkan permainan masing-masing, mempunyai disiplin dan keteguhan fizikal dan berstamina tinggi serta komited jika kamu bercita-cita tinggi untuk menarungi jersi kebangsaan," jelasnya sejourus berakhirnya sesi pemilihan di Padang FABD, kelmarin.

Sekalipun berbeza latar belakang namun tekad dan semangat tinggi para pemain sangat terserlah sekali gus membuktikan keazaman mereka untuk sama-sama membantu perkembangan dan kejayaan bola sepak di negara ini.

Menurut Presiden FABD, senario ini menggambarkan satu perkembangan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

yang sangat positif kepada perkembangan bola sepak negara sekalipun membayangi cabaran-cabaran akan dihadapi oleh semua pihak.

"Apa yang penting ialah kerjasama dan komitmen perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai segala cita-cita. Dalam pada itu, para pelajar juga jangan sekali-sekali mengabaikan pembelajaran masing-masing kerana ia juga sangat penting bagi masa depan kita," jelas Presiden FABD semasa menyampaikan ucapan nasihat.

Sesi pemilihan telah dibuka kepada pemain yang lahir pada tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008, telah disertai oleh pemain-pemain beraksi di kelab-kelab Liga Belia Brunei dan pemain-pemain yang tidak mempunyai sebarang kelab.

Menurut ketua penyelaras pemilihan, Awang Aminuddin bin Jumat, sebilangan

pemain telah dikenal pasti namun melalui pemilihan selama dua hari itu akan membantu untuk mencari lagi pemain-pemain berpotensi diserapkan ke dalam pasukan.

Katanya, sebilangan pemain telah mencapai kriteria yang diinginkan namun mereka perlu digilap agar potensi mereka dalam dikembangkan.

"Kita sangat berterima kasih kepada ibu bapa pemain yang memberi sokongan moral kepada pemain-pemain untuk hadir pada sesi pemilihan sekalipun memberi impak yang positif kepada semangat pemain-pemain itu sendiri," ujarnya.

Juga hadir pada sesi pemilihan selama dua hari itu ialah Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD.



Prapemilihan Silat SUKMA 2024 diadakan semula di Perlis bulan depan

KUALA LUMPUR, 5 Mac. - Pertandingan prapemilihan Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Sikamat, Negeri Sembilan yang dibatalkan Sabtu lepas susulan kematian seorang pesilat Terengganu, dijadual diadakan semula di Perlis bulan depan.

Setiausaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) Bibi Aishah Golbal Shah berkata Pesaka perlu memilih 30 atlet dari setiap negeri pada kejohanan tersebut sebelum tarikh pendaftaran ke SUKMA 2024 di Sarawak ditutup Mei ini.

"Segala keputusan di Sikamat dibatalkan

dan Insya-Allah pertandingan prapemilihan SUKMA 2024 akan dilakukan sebelum Mei ini.

"Kami akan mencari 30 atlet dari setiap negeri bagi menyertai 26 acara dipertandingkan merangkumi lapan silat seni dan 18 silat olahraga pada SUKMA 2024 di Sarawak," katanya kepada Bernama.

SUKMA 2024 dijadual berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos ini.

Dalam kejadian pada kira-kira 5 petang Sabtu, pesilat Terengganu Wan Muhammad

Haikal Wan Hussin jatuh di atas gelanggang ketika pertandingan berlangsung di Dewan Komuniti Taman Coral Heights, Sikamat.

Atlet berusia 20 tahun itu kemudian dikejarkan ke Hospital Tuanku Ja'afar untuk rawatan lanjut sebelum disahkan meninggal dunia pada 1.20 pagi Ahad dan jenazah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Alor Selising, Jertih, Terengganu, kira-kira 10 malam, hari sama.

Sementara itu, Bibi Aishah mengesahkan Pesaka telah menyerahkan segala

maklumat berhubung insiden di Sikamat kepada Majlis Sukan Negara (MSN), Ahad lepas.

"Tiada lagi maklumat yang perlu diserahkan lagi kepada MSN, semua telah diberikan Ahad lepas," katanya.

Walaupun penganjur pertandingan prapemilihan Sukma telah mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, namun Bibi Aishah mengakui tragedi menimpa pesilat muda itu sesuatu yang sukar dielakkan.

- ©BERNAMA